

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 14 Oktober 2002

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memohon jawapan kepada soalan, saya ingin mengatakan syabas dan tahniah kepada calon Barisan Nasional yang akan duduk dalam Dewan sebagai Ahli Parlimen bagi kawasan Gaya. *[Disampuk]* Barisan Nasional Gaya menang dengan cukup bergaya. Satu parti pembangkang hilang deposit dan satu lagi gulung tikar. *[Disampuk]* Sekarang kita boleh lihat kekuatan Barisan Nasional. Soalan saya nombor satu.

1. **Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah perancangan dan tindakan yang sedang dilaksanakan untuk memodenkan periengkapan dan alat-alat asas pasukan pertahanan negara. Seterusnya apakah peranan industri tempatan daripada segi membekal kelengkapan dan alat-alat pasukan pertahanan.

Menteri Pertahanan [Dato¹ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, strategi pembangunan keupayaan ATM sentiasa diolah mengikut perkembangan strategik, politik dan keupayaan ketenteraan serantau, di samping peka terhadap perkembangan dinamik teknologi persenjataan. Keupayaan ini bertujuan untuk merealisasikan strategi cegah ritang (*deterrent*) dan berdikari (*self-reliance*). Oleh itu, perancangan pembangunan ATM adalah untuk menjana keupayaan angkatan yang seimbang dan *credible*. Ini bagi membolehkan ATM melaksanakan operasi serentak jika perlu di dua medan iaitu di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keupayaan Angkatan Tentera Malaysia sesebuah negara bergantung kepada beberapa aspek termasuk kekuatan fizikal dan mental, doktrin dan taktik, mobiliti serta kelengkapan sistem ketenteraan yang mana terdiri daripada platform persenjataan dan juga pelbagai solusi ketenteraan. Ini hanya

boleh direalisasikan melalui usaha yang dijalankan oleh kerajaan serta sektor industri pertahanan negara. Dalam konteks ini, industri pertahanan tempatan sedang memainkan peranan yang aktif dalam membekalkan peralatan-peralatan ketenteraan kepada ATM seperti pelbagai jenis persenjataan kecil, peluru, kenderaan, kapal layar, pakaian, kasut, *pack ration* dan sebagainya. Walau bagaimanapun, industri pertahanan tempatan masih mempunyai keupayaan dan kapasiti yang terhad dalam menghasilkan peralatan ketenteraan secara meluas.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Saya sekadar merujuk kepada bahagian akhir jawapan tadi di mana industri pertahanan tempatan mempunyai kapasiti yang masih terhad seperti mana Yang Berhormat Menteri sentuh. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk memperluaskan lagi skop dan supaya sektor ini tumbuh menjadi bukan sahaja pembekal alat-alat pertahanan negara tetapi bakal menjadi sektor pengeluar dan pengeksport alat-alat pertahanan. Terima kasih.

Dato" Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sentiasa berusaha untuk mencari jalan bagaimana industri pertahanan boleh dikembangkan daripada segi kapasiti dan kemampuannya. Namun demikian, walaupun kita mempunyai hasrat untuk menggalakkan industri pertahanan mencebur diri dalam pelbagai aktiviti tambahan, kita harus sedar juga ia mestilah diasaskan kepada *viability* kerana setengah daripada keperluan kita ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ialah *one-off*. Jadi, untuk kita *sustain* industri itu, kita memerlukan pesanan secara berterusan.

Ada kemungkinan kita mengeksport produk-produk pertahanan kita ke negara-negara luar, tetapi persaingan dengan negara-negara lain adalah amat hebat dan kebanyakan keputusan dibuat mengambil kira faktor politik. Oleh itu, kita kena melihat dari perspektif yang luas sebelum kita membuat apa-apa keputusan. Walau bagaimanapun, saya yakin potensi industri tempatan dalam bidang pertahanan adalah amat baik.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Saya telah membaca satu laporan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menunjukkan bahawa walaupun perang dingin atau *cold war*, dengan izin, sudah berakhir di antara Amerika Syarikat dan bekas komunis Soviet Union, negara-negara di dunia ini tetap meningkatkan jumlah baget mereka atau perbelanjaan ketenteraan

negara masing-masing hampir menyerupai perbelanjaan ketenteraan dunia sewaktu **berlaku** perang dingin.

^: Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, dari sudut negara kita pula walaupun **Malaysia** berpegang kepada prinsip dan dasar sebagai ahli Non Aligned Movement (**NAM**) dan juga ahli kepada Zone of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN), **adakah** penyertaan negara kita di dalam kedua-dua pertubuhan ini memainkan peranan **laitu** menyekat kita dalam perancangan atau dasar ketenteraan di negara kita ini •khususnya kepada peruntukan bajet untuk pemodenan dan peningkatan persenjataan **demi** pertahanan negara. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, penyertaan-kita dalam NAM dan juga dengan terima pakainya dasar ZOPFAN, tidak **bererti** bahawa kita tidak patut membina sebuah angkatan tentera yang moden dan *credible*. Dengan kita mengamalkan dasar berasaskan kepada tidak condong kepada mana-mana negara, maka Malaysia adalah merupakan antara negara mungkin satu-satunya negara yang bebas membuat pertimbangan pembelian tidak berdasarkan **kepada** pengaruh politik daripada mana-mana negara.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan soalan nombor 2, ingin saya ucapkan takziah kepada mangsa-mangsa di Bali. Soalan No. 2.

2. **Puan Fong Po Kuan [Batu Qajah]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan kennenterian mempunyai rancangan sama ada rancangan membina satu flyover di Jalan **Lahat** untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas. Jika ya, berapa kos projek itu dan **bilakah** akan dilaksanakan. Jika ya, berapa kos projek itu dan bilakah akan dilaksanakan. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato* Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan **Yang** di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kennenterian Kerja **Raya** **belum** bercadang membina jejantas (*flyover*) di Jalan Lahat. Ini adalah kerana Kementerian Kerja Raya bercadang untuk melaksanakan projek naik taraf Jalan Ipoh-Lumut yang pada masa ini dalam peringkat reka bentuk. Jalan Ipoh-Lumut sedia ada **akan** dilebarkan kepada dua lorong, dua hala, berbanding sekarang satu lorong dua **hala**. **Dengan** siapnya nanti projek ini, adalah dijangka kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut akan dapat diatasi. Buat sementara waktu, bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas, pengguna jalan raya dari Ipoh mempunyai pilihan tanpa melalui Jalan Lahat untuk

menuju ke Jalan Ipoh-Lumut, sama ada menggunakan laluan dari Jelapang atau Silibin. Sementara itu, pengguna jalan raya di Jalan Lahat boleh juga menuju ke Jalan Ipoh-Lumut melalui persimpangan *differ lane* untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas di persimpangan lampu isyarat Jalan Lahat tersebut.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sepanjang Jalan Lahat ini ada terletak satu landasan kereta api yang ditutup setiap hari 20 kali pagar kereta api ini. Jadi, saya ingin tahu apakah ia mengambil berapa lama masa untuk menyiapkan projek landasan Ipoh-Lumut ini kerana memandangkan keadaan di sekitar sana, saya percaya tiada siapa pun suka menggunakan jalan yang lebih panjang untuk sampai ke tempat destinasi mereka seperti di kawasan Mengelembu. Kalau kita guna jalan yang lain sekarang petrol pun sudah naik. Jadi, saya ingin tahu berapa lama untuk siapkan projek ini?

Dato* Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih Yang Berhormat, seperti yang telah saya maklumkan sebentar tadi bahawa pihak kementerian sedang dalam peringkat reka bentuk dan dijangkakan ianya dapat disiapkan reka bentuk dalam masa enam ke lapan bulan dan kemungkinan pada pertengahan tahun hadapan, projek ini boleh dimulakan kerana *ceiling* peruntukan yang diluluskan pun sudah didapati sebanyak RM175juta.

[Soalan No. 3 - Y.B. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datok) tidak nadir]

[Soalan No.4- Y.B, Datuk Seri Panglima Mohd. Saileh bin Tun Said (Kota Belud) tidak nadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tun' Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud.

Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 5, dan saya masih lagi belum Tun' ya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tuan, tuan.

5. **Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud [Kuala Krai]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah agihan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan di Kelantan mengikut jajahan-jajahan tahun 2000, 2001 jajahan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Pada

tahun 2000, 2001 hingga Ogos 2002, Kerajaan Pusat telah menyalurkan peruntukan kewangan berjumlah RM1,419,937,779.62 kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM1,419,697,236.26 iaitu kira-kira 99.98% telah dibelanjakan. Peruntukan dan perbelanjaan mengikut tahun seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	PERATUS PERBELANJAN
2000	RM550,752,433	RM567,449,488	102.10
2001	RM349,550,232	RM419,860,354.13	120.11
2002	RM514,635,114.62	RM432,347,394.13	84.01

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulai ini peruntukan Kerajaan Persekutuan ke Negeri Kelantan adalah diagihkan berdasarkan projek dan bukan berdasarkan kepada jajahan atau daerah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila Kuala Krai.

Tuan Mohd Nasir bin Che Daud [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen kerana telah membutirkan perbelanjaan Persekutuan yang telah disalurkan kepada kerajaan Negeri Kelantan dan terima kasih kepada Kementerian Kewangan dan Kerajaan Pusat. Soalan tambahan saya ialah pertamanya peruntukan yang sejumlah RM1.4 bilion ini merupakan peruntukan pembangunan sahaja ataupun ia termasuk dalamnya emolument iaitu gaji guru, gaji polis, gaji tentera dan sebagainya.

Kedua, adakah ia juga termasuk di dalam perbelanjaan rangsangan ataupun *pre-emptive* yang dibelanjakan mulai pada pertengahan sehingga akhir tahun 2001 baru ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai di atas ;lan tersebut. Sebanyak jumlah yang saya sebutkan tadi, adalah terdiri dari pada tiga is perbelanjaan iaitu:

- (i) peruntukan pembangunan untuk lima tahun;
- (ii) peruntukan projek-projek kecil Persekutuan;
- (iii) peruntukan untuk belanja mengurus.

Jadi ketiga-tiga jenis perbelanjaan ini yang merangkumi jumlah yang saya tan tadi, yang kedua jumlah ini juga tidak termasuk belanjawan *pre-emptive* yang

dikeluarkan oleh kerajaan untuk merangsangkan pembangunan ekonomi. Dia adalah peruntukan khas untuk lima tahun yang akan datang ini. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Seperti mana kita ketahui dan umum mengetahui bahawa matlamat pewujudan JPP ini ialah secara tidak langsung untuk membantu ataupun untuk membantu Barisan Nasional dan UMNO di Kelantan bagi merampas kembali Kerajaan Negeri Kelantan. Hasil daripada peruntukan yang besar yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Kelantan melalui JPP ini iaitu sebanyak RM1.149 juta ini, saya ingin mengetahui sejauh manakah keberkesanan penggunaan wang sebanyak ini untuk membasmi kemiskinan atau sekurang-kurangnya untuk mengurangkan kemiskinan yang berlaku di Kelantan itu oleh kerana saluti satu tanggungjawab Kerajaan Pusat atau Kerajaan Persekutuan ini ialah membasmi kemiskinan di seluruh Malaysia termasuk negeri Kelantan. Sekian, terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tersebut. Sebenarnya memang benar, iaitu semua peruntukan pembangunan disalurkan melalui JPP dan ini adalah untuk, bukan untuk merampas, ada political motif di sebalik ini Yang Berhormat cuma kita menyalurkan ke JPP untuk memastikan *monitoring* jadi lebih mudah dan yang kedua untuk memastikan tahap pertanggungjawaban, akauntabiliti lebih tinggi kerana JPP bertanggungjawab kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Negeri, Mesyuarat Majlis Pembangunan Negeri bertanggungjawab pula kepada Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara yang dipengerusikan oleh KSN, lepas itu Majlis ini dipertanggungjawabkan pula ke Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Jadi kita mahu memastikan tahap akauntabiliti berlaku dengan baik.

Soalan Yang Berhormat yang kedua, sejauh mana ia berkesan membasmi kemiskinan bahawa kebanyakan peruntukan ini masalah untuk projek pembangunan dan secara tidak langsung ia juga berperanan untuk memastikan kadar kemiskinan di Kelantan berkurangan melalui projek-projek yang kita utamakan seperti projek sekolah di mana rakyat dapat menimba ilmu dengan lebih dan berkesan, maka dengan cara ini mereka akan dapat membaiki ataupun meningkatkan tahap sosioekonomi mereka apabila mereka berjaya dalam bidang pendidikan dan juga lain-lain pembangunan, misalnya pembangunan hospital dan sebagainya adalah bertujuan untuk membantu rakyat yang miskin.

Jadi projek-projek pembangunan ini secara tidak langsung adalah juga ke arah memastikan bahawa rakyat Negeri Kelantan dapat ditingkatkan tahap sosioekonomi mereka dan sekali gus melepaskan diri kemiskinan di Kelantan. Terima kasih.

[Soalan No. 6 - Tuan Liow Tiong Lai (Bentong) tidak hadir]

7. **Tuan Mat Basir bin Rahmat [Parit]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan adakah kajian menunjukkan terdapatnya ancaman kesihatan terhadap penduduk di sekitar Bandar Seri Iskandar, Bota, Perak yang tinggal berhampiran dan berada dalam lingkungan stesen komunikasi TLDM di bandar tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[Tuan Chia-Kwang Chye]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat stesen komunikasi TLDM Parit telah wujud di kawasan tersebut hampir 20 tahun. Stesen ini berfungsi untuk memancarkan perhubungan antara pangkalan TLDM Lumut dengan kapal-kapal TLDM yang beroperasi di Selat Melaka dan Laut Cina Selatan. Ia menggunakan kuasa antara satu dan 10 kilowatt dan kedudukan *take of angle* dengan izin. Antena yang digunakan untuk memancarkan pancaran tersebut adalah tinggi iaitu antara 45 darjah dan ke atas.

Dengan menggunakan kaedah *reflected sky wave* dengan izin, kaedah yang sama juga digunakan di kapal-kapal TLDM. Walau bagaimanapun sebagai langkah keselamatan, jarak radiasi pancaran stesen ini adalah 10 meter dari Antena yang ada. Kajian yang dijalankan bersama pakar dari luar negeri mengenai ancaman radiasi semasa pelancaran projek tersebut di mana hasil kajian mengesahkan bahawa ancaman radiasi hanya terhad dalam lingkungan 10 meter dari antena yang aktif.

Oleh yang demikian adalah disahkan kewujudan stesen ini tidak merbahaya dan tidak akan mengancam kesihatan penduduk sekitar kawasan yang berada lebih 10 meter dari antena-antena tersebut. Sekian, terima kasih.

[Soalan No. 8 - Dato' Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun) tidak hadir]

9. **Tuan Wilfered Madius Tanganu [Tuaran]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah benar bahawa Sekolah Panantaran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah (UMS) bercadang menghapus pembelajaran Bahasa Kadazandusun di UMS dengan alasan bahawa Bahasa Kadazandusun bukanlah Bahasa Ilmu, Bahasa Komersial ataupun Bahasa Intelektual dan adakah kerajaan sedar bahawa masyarakat Kadazandusun merasa terhina dengan cadangan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Mahadzir bin Mohd Khir]: Tuan Yang di-Pertua, Pusat Panantaran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah (UMS) masih lagi menawarkan pembelajaran bahasa Kadazandusun. Pembelajaran bahasa tersebut telah wujud sejak tahun 1999 dan UMS merupakan IPTA pertama yang menawarkan program tersebut kepada pelajar-pelajar. UMS tidak bercadang untuk menghapuskan pembelajaran bahasa Kadazandusun ini dan akan terus menawarkan pembelajaran bahasa tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila bagi Tuaran

Tuan Wiifred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Penjelasan ini tentu sekali akan melegakan perasaan di Sabah khususnya daripada masalah Kadazandusun dan penjelasan ini juga sekali lagi memperkukuhkan lagi sokongan rakyat khususnya daripada Kadazandusun, orang masyarakat Kadazandusun kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Soalan tambahan saya ialah berapakah pelajar yang mengambil mata pelajaran ini dan apakah latar belakang para pelajar yang mengambil mata pelajaran ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih Yang Berhormat, cuma satu saja komen saya, ialah bagaimana Yang Berhormat mengemukakan soalan ini kerana saya tidak faham kerana tidak ada niat dan cadangan kita untuk menghapuskan dan bagaimanakah soalan ini timbul seolah-olah pihak UMS mahu menghapuskan mata pelajaran bahasa Kadazandusun ini.

Sebenarnya Yang Berhormat mengenai soalan Yang Berhormat itu pada rekod kita bilangan pelajar bagi kursus bahasa Kadazandusun sesi 1999-2000 seramai 33 orang; sesi 2000-2001 seramai 76 orang; sesi 2001-2002 seramai 56 orang; sesi 2002-2003 tidak ada permintaan cuma masih kendalikan pelajar yang 56 itu.

Walau bagaimanapun mereka akan terus menawarkan pada tahun 2003-2004 kepada pelajar yang baru dan ini terbuka kepada semua pelajar-pelajar yang ingin mempelajari bahasa etnik dan seyogianya saya peringatkan Yang Berhormat juga Sekolah Panantaran Ilmu dan Bahasa UMS ini juga mengendalikan bahasa-bahasa asing yang lain dan sebenarnya ia bergantung kepada permintaan pelajar itu sendiri.

Antara bahasa-bahasa yang diajar dalam pusat ini ialah bahasa Jepun, bahasa Arab, bahasa Peranchis, bahasa Mandarin dan terakhir sekali ialah bahasa Sepanyol. Terima kasih.

[Soalan No. 10 - Puan Teresa Kok suh Sim (Seputeh) tidak hadir]

11. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia hanya mencadangkan penambahan **25** keaisi Parlimen dan 50 kerusi Dewan Negeri sahaja dalam kajian semua persempadanan bahagian pilihan raya kali ini dan mengapakah ia tidak seimbang antara negeri-negeri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat penjelasan berhubung dengan tambahan kerusi Parlimen dan negeri akan dikemukakan dalam laporan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya oleh SPR dan ianya akan dibentangkan dalam sesi Dewan Rakyat di masa akan datang. Ahli-ahli Yang V Berhormat boleh membangkitkan dan membahaskannya apabila laporan tersebut dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

Sebagai penjelasan awal pertanyaan Yang Berhormat itu SPR telah membuat ? kajian secara terperinci berlandaskan ciri-ciri yang ditetapkan dalam Jadual Ke 13 Perlembagaan, SPR berpendapat penambahan jumlah kerusi bagi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri adalah seperti mana yang telah cadangkan itu.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya / ingin bertanya Yang Berhormat Menteri mengapakah berlaku pengundi-pengundi dalam | Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak seimbang setelah dalam persempadanan semula bahagian pilihan raya seperti di kawasan saya Bukit Bintang mempunyai iaitu **pertambahan** pengundi 67,099 pengundi, Seputeh 68,478 pengundi, Cheras ialah ? **65,904** pengundi. Sedangkan kawasan-kawasan lain seperti Segambut mempunyai } : **52,854**, Setiawangsa mempunyai 51,012 pengundi dan seterusnya, dan yang aneh **sekali** ialah pengundi kawasan Putrajaya hanya 85 pengundi sahaja yang diketuai oleh 'Yang Berhormat Timbalan Menteri, Senator.

Apakah justifikasi atau kriteria SPR mewujudkan satu kawasan yang tidak iimbang dengan kawasan lain di Wilayah Persekutuan walaupun Putrajaya • tjiisytiharkan salah satu Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya x' **jawab** tadi, perkara ini akan dibawa ke perbincangan dalam Dewan pada tahun yang

akan datang dan secara kebetulan SPR sekarang ini menjalankan *hearing*' kepada semua mereka yang telah membuat cadangan baru ataupun telah mengemukakan bantahan kepada SPR dan sebelum *hearing* ini diselesaikan, saya ingat tidak perlu bagi kita di Dewan ini untuk membincangkan apa yang telah dilakukan oleh SPR.

Tentang perkara Putrajaya ini. Yang Berhormat sentuh tadi iaitu 85 orang pengundi. Tetapi kita tahu Putrajaya ini ialah satu bandar baru dan akan diduduki oleh tidak kurang daripada 300,000 orang penduduk dan saya ingat sesualah bagi kawasan ini diberikan satu Ahli Parlimen oleh SPR.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu perkara yang dilihat oleh pandangan umum kesan daripada persempadanan yang dikemukakan oleh pihak SPR dalam tempoh pameran ini, baru-baru lalu ialah kecenderungan untuk tidak menambah bilangan kerusi Parlimen di kawasan ataupun di negeh-negeri yang majoriti Melayu. Dan kes yang paling spesifik ialah saya sebut kawasan Parlimen Baling sampai 72,000 penung di sedangkan status Parlimen itu ialah luar bandar.

Apakah mungkin pihak SPR ataupun pihak kerajaan boleh mengubah lagi cadang-cadang ini dalam tempoh *hearing* ini. Terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, SPR sekarang ini menjalankan *hearing* kepada bantahan-bantahan yang telah dikemukakan oleh sesiapa sahaja yang berkenaan yang berfikir bahawa ada ruang untuk SPR untuk mengubah cadang mereka. Jadi saya ingat Yang Berhormat patut telah meminta supaya mereka yang tidak senang hati dengan apa yang telah dilakukan oleh pihak SPR, mengemukakan perkara ini kepada SPR dalam *hearing* mereka dan sekarang ini masih di dalam perjalanan. Jadi saya fikir apabila kita membincangkan masalah ini Dewan dalam tahun-tahun akan datang ini, Wakil Rakyat semua dapat berbahas dengan perkara ini.

12. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah pihaknya bercadang untuk meminda peruntukan undang-undang ke atas hukuman yang dikenakan kepada ceti-ceti haram di negara ini.

Raja Dato* Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Yang di-Pertua, takziah kepada KeADILan dan DAP kerana kalah dalam pilihan raya di Gaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar Soalan yano, te Kalah
tec\&,fca\dt\terv&. Soalan Uovrtoot XL.

Beberapa Ahli Pembangkang*. Jangan sombong.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak sombong,
mengingatkan saja. Soalan Nombor 12.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah
ceti haram di negara ini, pihak kementerian - ceti haram merasakan adalah perlu untuk
meminda peruntukan undang-undang sedia ada bagi menangani masalah yang timbul.
Ini adalah disebabkan peruntukan yang sedia ada didapati tidak mencukupi untuk
bertindak terhadap pesalah-pesalah seumpama ini.

Untuk tujuan itu, pada ketika ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan sedang melakukan pindaan terhadap peruntukan dan kaedah di bawah Akta
Pemberi Pinjam Wang 1951 bagi tujuan memperkemas dan mengetatkan undang-
undang termasuk yang sedia ada dengan memberikan kuasa yang lebih besar kepada
badan penguat kuasa undang-undang termasuk pihak polis dalam mengekang kegiatan
, " berkenaan.

Berikutan itu, peruntukan berhubung denda dan penalti telah dipinda bagi
mengenakan denda dan penalti yang lebih berat kepada pesalah-pesalah yang
melakukan kegiatan ceti haram termasuk mengenakan hukuman penjara dan sebat bagi
setiap kesalahan yang dilakukan.

Selain itu, sebahagian daripada matlamat pindaan akta dilakukan adalah juga
bagi membolehkan seberapa banyak kegiatan pemberi pinjaman wang termasuk yang
bergerak secara bebas sekarang ini dapat dilesenkan bagi memudahkan tindakan
l; pengawasan dilakukan. Sekian, terima kasih.

Raja Dato* Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua,
terima kasih kerana pihak kementerian sedang mengkaji untuk meminda Akta ini
) **dengan** menjatuhkan hukuman yang lebih berat termasuk merotan, sebat dan hukuman
t **penjara**. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian mengkaji kerana timbulnya
, **pinjaman** ceti haram ini ialah kerana pihak peminjam sukar untuk mendapat pinjaman
kerana syarat-syarat yang dikenakan oleh institusi kewangan yang menyulitkan
.4 tnyebabkan mereka terpaksa mengambil pinjaman daripada cet-ceti haram ini.

lanya juga membabitkan ramai kakitangan kerajaan. Jadi tadi Yang Berhormat
mengatakan bahawa pihak kementerian sedang mengkaji untuk melesenkan ceti-ceti

haram ini. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada pihak pembangkang berada di belakang kepada ceti-ceti haram yang bermaharajalela pada ketika ini dan apakah pihak kementerian akan mengarahkan majlis-majlis daerah untuk melihat lesen-lesen perniagaan yang diberikan kepada penjaja-penjaja ini perlu dikaji semula supaya mereka yang mendapat lesen-lesen ini adalah benar-benar mereka yang cukup wang untuk berniaga. Minta sedikit pandangan supaya pembangkang tahu.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan soalan yang lebih daripada satu soalan. Soalan kewangan itu sepatutnya adalah Kementerian Kewangan. Walaupun begitu, saya cuba menjawabnya. Apabila peniaga-peniaga kecil ingin mengambil pinjaman daripada institusi-institusi kewangan, dapat institusi-institusi kewangan perlu dokumen-dokumen yang *detail* dan juga kadang kala mereka perlu *guarantor* ataupun *surety*. Ini kerana apabila institusi-institusi kewangan telah memberi pinjaman, dia perlu dapat satu *surety* macam mana cara dia akan kutip balik wang yang akan dipinjamkan kepada peniaga-peniaga tersebut.

Oleh sebab itu, kita pun telah beri beberapa kenyataan bahawa kita harap Bank Negara akan memberi arahan kepada bank-bank dan institusi kewangan lain di mana sedikit mengurangkan atau menyenangkan dokumentasi dan juga tidak banyak tekanan kepada *guarantor* kepada peniaga-peniaga kecil.

Kalau boleh buat cara macam itu, mungkin peniaga-peniaga kecil tidak akan mencari ceti haram. Dan berkenaan pembangkang, pada masa sekarang pembangkang selepas kalah di Gaya, amat banyak sedihlah. Saya pun tidak ingat hendak tekan dia orang lagi sekali. Beri peluanglah kali ini kepada dia orang.

Tuan Urn Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri Perumahan.

Puan Chong Eng: Dia tidak ada kawasan.

Tuan Lim Hock Seng: Tahniah kepada Yang Berhormat kerana tidak lama lagi akan dikurniakan status bumiputera. [*Sorak*]

Puan Chong Eng: Tunggulah lama-lama. [*Ketawa*] [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan, soalan, soalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Saya baca soalan ini dan saya pun tidak pernah dengar ada pihak berkuasa tempatan mengeluarkan lesen-lesen untuk ceti-ceti haram.

Datuk M. Kayveas: [*Ketawa*]

Tuan Lim Hock Seng: Setahu saya lesen untuk pajak kedai ada. Tetapi ini ceti-ceti haram ini mana ada dengar. Saya tidak tahu, setahu sayalah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Mana ada pajak kedai.

Tuan Fong Kui Lun: Larut ada lah Larut. La rut sana ada.

Tuan Lim Hock Seng: Kedai pajak.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Fong Kui Lun: Jadi, bolehkah Yang Berhormat tolong ber'tkan sedikit-sebanyak berkenaan dengan undang-undang lesen yang dikeluarkan kepada ceti-ceti itu?

Puan Chong Eng: Betulkah akan keluarkan lesen.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Selepas sudah kalau di Gaya, soalan pun tiada. Dia cakap sahaja. Tetapi saya cuba jawab apa yang dia kata.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]* *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]* *[Menyampuk]*

Datuk M. Kayveas: Ini dia.....Cuba tolong dialah. Dia jawab, tak jawab, tak payah jawablah. Tetapi saya mahu jawab saya punya hak bumiputera, saya mahu jawab kepada dia. *[Dewan huh sebentar]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Saya cadangkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu terkeluarlah daripada soalan.

Datuk M. Kayveas: Saya hendak jawab, dia timbulkan isu itu. Kalau saya tidak jawab.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah Yang Berhormat, tidak perlu jawablah.

Puan Chong Eng: Jawablah.

Tuan Lim Hock Seng: Tidak tahukah? *[Dewan huh sebentar]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu jawablah Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: UMNO mahu kasi. Cadangan saya, saya empat tahun sudah keluar daripada status itulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, itu terkeluarlah, terkeluar. Tak apalah. Terkeluar. *[Dewan huh]*

Tuan Lim Hock Seng: Saya minta beliau menerangkan sedikit sebanyak berkenaan dengan undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, beliau berka tidak ada soalan. [*Dewan riuh tidak puas hati*]

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat kena buat keputusan ada soalankah atau tidak ada. Bukan dia yang Pengerusi. [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat kena buat keputusan sama ada soalankah atau tidak ada.

Puan Chong Eng: Ada, ada, soalan ada.

Tuan Lim Hock Seng: Bukan dia yang Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan, bukan, tidak ada soalan kata, mungkin dia tidak mahu jawab soalan itu? Tidak ada soalan.

Tuan Lim Hock Seng: Ini macam mana boleh suka-suka tidak mahu jawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada soalankah., faham soalankah Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Dia tidak mahu jawab.

Tuan Lim Hock Seng: Sedikit sebanyak berkenaan dengan undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: [*Ketawa*]

Puan Chong Eng: Tadi Yang Berhormat dengar mengemukakan soalan.

Datuk M. Kayveas: Untuk makluman Yang Berhormat soalan tersebut adalah dalam Akta Pemberi Pinjaman Wang 1991 dengan izin *Money Landers Act 1951*. Tolong Yang Berhormat pergi baca akta itu. [*Dewan masih riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini jawapan dia. Sama ada terima atau tidak terima, terpulang kepada Yang Berhormat, cukup.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*] {*Menyampuk*}

Puan Chong Eng: [*Bangun*] [*Menyampuk*]

[Soalan No. 13- Yang Berhormat Tuan Ronald Kiandee (Beiuran) tidak hadir]

[Soalan No. 14- Yang Berhormat Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin (Batu Pahat) tidak hadir]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Boleh atau tidak kalau saya mengikut Fasal 24(2) sekiranya sudah habis, dia tidak bangun, saya ambil alih soalan dialah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tunggu lagi. Ada masa. Tunggu lagi.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Jadi kena bangun dululah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hah, tunggu, tunggu.

Seorang Ahli: Bekas Speaker pun tak tahu.

[Soalan no. 15- Y.B. Datuk Mustafa bin Ali (Dungun) tidak hadir]

[Soalan NoZ16 - Y.B. Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis) tidak hadir]

[Soalan No. 17- Y.B. Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli) tidak hadir]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Ukur jalan, ukur jalan, ukur tanah. Ukurtanah.

[Soalan No. 18 - Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) tidak hadir]

[Soalan No. 19 - Tan Sri Dato' Dr. K. S. Nijhar (Subang) tidak hadir]

Soalan No. 20 - Datin Paduka Hajah Sehpah Noli binti Syed Hussin (Sepang) tidak hadir]

21. **Puan P. Komala Devi [Kapar]** minta Merited Pendidikan menyatakan rancangan kementerian untuk mengatasi kelemahan ('flaw') dalam sistem pendidikan dalam negeri yang telah gagal mengeluarkan pekerja-pekerja yang sesuai untuk sektor pembuatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem pendidikan negara, program pendidikan teknik dan vokasional memang diberi keutamaan untuk melahirkan guna tenaga yang berkemahiran.

[Tuan Kerk Kim Hock masuk ke Dewan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Ahli-ahli Pembangkang: *fjepuk gemuruh!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat!

Dato' Dr. Hajj Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia tepuk kerana sudah kalah *[Ketawa]*

Dato¹ Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang dt-Pertua, boleh saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, sila.

Dato* Mahadzir bin Mohd. Khir: Sebab, saya ingat mereka seronok dengan jawapan saya. Saya pun terkejut! *[Ketawa]* Saya terkejut, bila saya jawab satu sahaja semua orang beri tepukan gemuruh. Terima kasih kepada DAP, makna dia suka dengan jawapan saya. Terima kasih.

Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Silakan Yang Berhormat.

Dato¹ Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya takut nanti dia tepuk lagi. Saya jadi terlalu popular.

Pekerja-pekerja yang sesuai untuk sektor pembuatan di negara ini adalah dikeluarkan daripada institusi latihan yang menjurus kepada latihan kemahiran di bawah kelolaan beberapa kementerian termasuklah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia.

Di bawah Kementerian Pendidikan, institusi yang teriibat ialah Politeknik, Kolej Komuniti serta sekolah menengah teknik dan vokasional. Kajian pengesanan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan menunjukkan majoriti lepasan daripada institusi-institusi tersebut telah mend a pat pekerjaan atau berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Dari semasa ke semasa, pihak Kementerian Pendidikan juga mendapat maklum balas daripada pihak majikan bagi menentukan kesesuaian lulusan dengan pasaran pekerjaan dan juga kesesuaian kurikulum.

Hasil maklumat yang diperoleh digunakan untuk memperbaiki kurikulum yang dilaksanakan. Bagi setiap kursus yang dijalankan, jawatankuasa penasihat telah ditubuhkan untuk memastikan kecemerlangan dan pembaikan dibuat setiap tiga tahun.

Di peringkat politeknik contohnya, Kementerian Pendidikan telah memberi tumpuan ke arah usaha memenuhi keperluan tenaga kerja semasa melalui program-program di peringkat sijil dan diploma. Semua kursus yang ditawarkan di politeknik memberi penekanan kepada komponen latihan dan akademik dalam pelbagai bidang. Dengan usaha-usaha yang dijalankan ini, Kementerian Pendidikan berkeyakinan bahawa program pendidikan teknik dan vokasional yang termasuk sebahagian daripada

sistem pendidikan negara dapat melahirkan tenaga mahir untuk memenuhi keperluan negara.

Dr. James Dawos Mamit: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan, adakah pihak kementerian berbincang ataupun memohon input daripada industri-industri yang tertentu, bagi menentukan agar *syllabus* yang digunakan di politeknik dan Kolej Komuniti ini bersesuaian untuk bidang-bidang kerja.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat, kita ada jawatankuasa di mana menasihati mengenai dengan kurikulum bahagian teknik dan juga dari semasa ke semasa pihak kita juga mendapat pandangan daripada industri-industri tertentu bagi menyesuaikan, apakah keperluan dalam pasaran di luar.

Saya juga ingin memberi maklumat kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa selain daripada sekolah-sekolah teknik dan vokasional ini, kita juga mewujudkan kolej-kolej komuniti dengan harapan semua program yang akan dikendalikan oleh kolej-kolej komuniti ini adalah bersesuaian dengan pasaran.

Selain daripada itu, ingin juga saya memberi makluman kepada Ahli Yang Berhormat, kita dapati ramai daripada sekolah vokasional dan teknik ini, kebanyakan daripada penuntutnya adalah terdiri daripada penuntut lelaki.

Puan M. Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya kenyataan ini telah diambil daripada laporan surat khabar. Soalan tambahan saya, tadi Dato' Setiausaha Parlimen telah menerangkan bahawa salah satu institusi di bawah Kementerian Pendidikan adalah *Community College* dan kami difahamkan bahawa permohonan 50 buah *community college* itu pada masa ini telah di *KIV*. Saya minta penjelasan, apakah status permohonan kami khususnya untuk satu kawasan seperti Kapar di mana saya rasa adalah perlunya memandangkan bahawa penduduk adalah terdiri daripada bandar dan juga luar bandar.

Dan bilakah kita boleh harapkan bahawa semua projek-projek ini akan dijalankan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, bagi jawapan spesifik mengenai dengan Kapar, saya tidak dapat maklumat itu, walau bagaimanapun, saya akan memberi maklumat itu secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Selain daripada itu, saya ingin memberi kenyataan di sini, bahawa kolej-kolej komuniti tetap dijalankan di setiap kawasan Parlimen, bagi satu Parlimen kita akan teruskan. Walau bagaimanapun, ada di sesetengah kawasan itu terdapat sedikit

kelewatan iatah kerana masalah-masalah teknikal, misalnya di mana akan diwujudkan dan juga masalah persoalan pengambilan tanah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kita tetap menjalankan rancangan membina kolej-kolej komuniti ini secepat mungkin. *Insyallah.*

22. Tuan Nasharudin bin Mat Isa [Yan] minta Menteri Daiam Negeri menyatakan jumlah banduan yang mati ketika berada dalam tahanan polis pada tempoh 2000 hingga 2002.

Timbalan Menteri Datam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, kematian-kematian tahanan polis pada tahun 2000 adalah enam orang. Pada tahun 2001-seramai sepuluh orang dan pada tahun 2002 hingga September 2002 ialah 18 orang dan ini menjadikan jumlah kematian tahanan polis sepanjang tahun 2000 hingga 2002 ialah seramai 34 orang. Sekian.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah, jumlah yang telah disebut oleh Timbalan Menteri tadi sekian banyak dan banyak iaporan sudah dibuat terhadap kes-kes yang seperti ini tetapi tidak ada sebarang penyiasatan yang dibuat ataupun tidak ada maklumat yang diberikan kepada awam. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah sebab-sebab kematian ini antara lainnya adalah kerana *interrogation*, dengan izin, yang keterlaluan yang berlaku di dalam sel-sel ataupun tahanan-tahanan polis ini di mana mengakibatkan seperti mana yang pernah kita dengar kerana ingin mendapatkan maklumat daripada mereka, diletakkan di atas ais, ditelanjangi, dipukul dan sebagainya. Saya ingin penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. untuk makluman Dewan yang mulia ini, jika terdapat kes-kes kematian

[Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kenan] masuk ke Dewan]

Ahli-ahli Pembangkang: *[Tepuk gemuruh!]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Chor Chee Heung: ... Kes-kes kematian semasa subjek yang ditahankan oleh polis dan pihak polis akan menubuhkan suatu jawatankuasa penyiasat dan siasatan ini akan dijalankan dengan secara terperinci dan selepas itu keputusan dan kajian siasatan akan diserahkan kepada mahkamah supaya satu tarikh *inquest* dapat diadakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, sepanjang pengetahuan Kementerian Dalam Negeri, tiada orang-orang yang kena tahan mati akibat daripada proses-proses *interrogation* semasa di dalam lokap. Sekian.

23. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau] minta Menteri Luar Negeri menyatakan, adakah benar bahawa ada di kalangan negara ASEAN sendiri kurang senang hati kepada Malaysia yang ingin menubuhkan Sekretariat ASEAN + 3 di Kuala Lumpur sedangkan ia adalah kepentingan semua negara ASEAN keseluruhannya. Jika benar, mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan yang dikemukakan adalah menyentuh isu yang sama, sama maksudnya, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen seperti berikut:-

- (i) Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju;
- (ii) Ahli Yang Berhormat bagi Rompin;
- (iii) Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam;
- (iv) Ahli Yang Berhormat bagi Sepang;
- (v) Ahii Yang Berhormat bagi Marang;
- (vi) Ahli Yang Berhormat Selangau;
- (vii) Ahli Yang Berhormat bagi Silam;
- (viii) Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datok; dan
- (ix) Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menyokong penuh peningkatan kerjasama dalam rangka kerja ASEAN + 3 dan menginginkan supaya kerjasama ASEAN + 3 diperkukuh lagi.

Dalam hubungan ini, Malaysia telah memainkan peranan yang penting sejak penubuhan kerjasama ASEAN + 3 pada tahun 1997 di Kuala Lumpur dan sentiasa memberi penekanan supaya kerjasama ini dipertingkatkan demi kemajuan dan perkembangan ekonomi masa hadapan rantau Asia Timur amnya dan ASEAN secara khusus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerjasama ASEAN + 3 kini telah berkembang merangkumi pelbagai bidang kerjasama pembangunan dan kerjasama

functional di mana mesyuarat-mesyuarat ASEAN + 3 di peringkat menteri juga telah diadakan.

Kerjasama ASEAN + 3 kini wujud di bidang-bidang ekonomi dan perdagangan, kewangan, buruh, alam sekitar, sains dan teknologi, pertanian, pengangkutan, tenaga dan pelancongan. Kerjasama ini di berbagai-bagai bidang lain dijangka akan diwujudkan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia percaya bahawa masanya telah tiba untuk memastikan bahawa ASEAN + 3 menjadi sebuah proses yang lebih efektif. ASEAN kini perlu melibatkan negara-negara + 3 kerana keadaan ekonomi yang lemah selepas krisis kewangan.

ASEAN juga memerlukan negara-negara + 3 bagi membuktikan kepentingan ASEAN di forum antarabangsa, seperti WTO terus terjamin, berdasarkan kepada fakta inilah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencadangkan penubuhan Sekretariat ASEAN + 3 di sidang kemuncak ASEAN yang ketujuh yang telah berlangsung di Brunei Darussalam pada bulan November 2001.

Penubuhan Sekretariat ASEAN + 3 ini adalah bertujuan supaya perhatian khusus dapat diberi ke arah peningkatan kerjasama ASEAN + 3. Sekretariat ASEAN + 3 juga penting bagi melaksanakan kerja-kerja koordinasi meliputi semua aspek kerjasama ASEAN + 3 yang ada sekarang dan juga mengambil kira kerjasama yang dijangka akan diadakan di masa hadapan.

Sebagai tindakan susulan mengenai cadangan ini, perkara ini telah dibincangkan di Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN ke-35 pada 29 Julai 2002 di Brunei Darussalam. Dalam perbincangan tersebut, kita telah memberi hujah yang kukuh mengapa ianya perlu ditubuhkan, secara berasingan daripada Sekretariat ASEAN. Di antaranya proses dan aktiviti-aktiviti ASEAN + 3 adalah berbeza dengan Sekretariat ASEAN. Fokus Sekretariat ASEAN + 3 akan ditumpukan kepada semua aspek kerjasama ASEAN + 3 sahaja. Sekretariat ASEAN + 3 tidak akan bersaing dengan Sekretariat ASEAN di Jakarta, malah akan membantu peranan dan fungsi yang dimainkan oleh Sekretariat ASEAN.

Malaysia bersedia membiayai operasi Sekretariat ASEAN + 3 selama lima tahun di samping menyumbang kepada Tabung Dana Terbitan sebanyak USD10 juta.

Negara-negara ASEAN + 3 iaitu China, Jepun dan Korea tiada halangan dengan cadangan penubuhan Sekretariat ASEAN + 3. Kerjasama ASEAN + 3 telah meningkat

dan kini meliputi sektor-sektor hubungan luar ekonomi, kewangan, pertanian, buruh, tenaga, alam sekitar dan pelancongan.

Bagaimanapun, terdapat beberapa negara di kalangan ahli ASEAN yang bersikap dingin terhadap cadangan Malaysia, walaupun pada hakikatnya mereka bersetuju ASEAN + 3 perlu diinstitusikan. Mereka berpendapat penubuhan satu unit ataupun biro ditubuhkan di Sekretariat ASEAN di Jakarta, adalah memadai. Di antara alasan yang telah diberikan adalah kerana khuatir bahawa Sekretariat ASEAN + 3 akan melemahkan dan meminggirkan peranan Sekretariat ASEAN di Jakarta.

Walaupun ada negara-negara yang tiada halangan terhadap penubuhan Sekretariat yang berasingan itu, namun mereka mahukan sekretariat tersebut dijadikan satu unit dibawah naungan Sekretariat ASEAN di Jakarta dan di bawah penyeliaan Setiausaha Agung ASEAN.

Walaupun beberapa negara anggota ASEAN tidak menyokong cadangan Malaysia. kesemuanya negara ASEAN bersetuju dan menerima hakikat bahawa kerjasama ASEAN + 3 perlu diinstitusikan apabila perkara ini dibincangkan di Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negara ASEAN + 3 pada 30 Julai 2002 di Brunei Darussalam. Sebagai langkah menginstitusikan proses ASEAN + 3, mesyuarat tersebut telah bersetuju supaya Ketua-ketua Pengarah ASEAN + 3 mengadakan mesyuarat di kalangan mereka secara tetap sebagai satu mekanisme untuk melaksanakan tugas-tugas penyelarasan kerjasama ASEAN + 3.

Pada hakikatnya, persetujuan Menteri-menteri luar negara ASEAN + 3 untuk menginstitusikan kerjasama ASEAN + 3, bermakna pendirian Malaysia selama ini kini diperakui dan diterima oleh semua pihak. Untuk makluman, mesyuarat pertama Ketua-ketua Pengarah ASEAN + 3 telah pun diadakan di Seoul, Korea pada 30 Ogos, 2002.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ASEAN tidak mencapai kata sepakat terhadap cadangan Malaysia untuk menubuhkan sekretariat ASEAN + 3, Malaysia telah berjaya memastikan perkara-perkara berikut:

- (i) persetujuan Menteri-menteri luar negara ASEAN + 3 untuk menginstitusikan kerjasama ASEAN + 3 bermakna, pendirian Malaysia selama ini kini diperakui dan diterima oleh semua pihak;
- (ii) cadangan penubuhan sekretariat ASEAN + 3 dan tawaran Malaysia untuk menjadi tuan rumah kepada syarikat ASEAN + 3 ini telah dirakamkan secara rasmi di dalam

kenyataan bersama Menteri-menteri Luar Negara ASEAN ke 35 dan di dalam kenyataan Pengerusi Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN; dan

- (iii) (su ini akan dibincangkan secara terbuka di dalam agenda mesyuarat-mesyuarat ASEAN akan datang. Secara tidak langsung, Malaysia mempunyai asas yang kuat untuk menguruskan apa juga usaha selanjutnya di pelbagai pihak untuk merealisasikan cadangan penubuhan sekretariat ASEAN + 3 oleh Malaysia.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah membincangkan perkara ini semasa lawatan beliau ke Jepun dan Korea Selatan pada Mei 2002 yang lalu. Kedua-dua rakan sejawat beliau iaitu Perdana Menteri Jepun dan Presiden Korea Selatan telah menyambut baik cadangan Malaysia untuk menubuhkan sekretariat ASEAN + 3 di Kuala Lumpur. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah membincangkan perkara ini dengan Presiden Indonesia Megawati Sukarno Puteri dan Perdana Menteri Thailand Thaksin Sinawatra semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Bali, Indonesia pada 3 hingga 5 Jun 2002 dan persetujuan telah dicapai supaya isu ini dibincangkan di Sidang Kemuncak ASEAN Kelapan di Phnom Penh.

Timbalan Perdana Menteri Pertama Republik Sosialis Vietnam semasa lawatan beliau ke Malaysia pada 25 hingga 28 Ogos 2002, telah melahirkan sokongan Kerajaan Vietnam dan menyatakan bahawa Vietnam akan bekerjasama dengan Malaysia bagi mendapatkan consensus di kalangan negara-negara ASEAN terhadap cadangan Malaysia untuk menubuhkan sekretariat ASEAN + 3. Berdasarkan kepada perkara di atas, Malaysia akan meneruskan usahanya untuk terus membebankan penjelasan yang lebih terperinci mengenai konsep dan pendekatan Malaysia mengenai cadangan penubuhan sekretariat ASEAN + 3 dan isu ini juga akan dibincangkan di Sidang Kemuncak ASEAN Kelapan yang akan berlangsung pada 4 hingga 5 November 2002, di Phnom Penh, Cambodia.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2003****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2003****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2003 dan Anggaran Pembangunan 2003 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hart Kedua]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Maksud B.14, B. 15 dan B 16 [Jadual] -
Maksud P. 14 [Anggaran Pembangunan 2002]**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih berada dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan saya minta Yang Berhormat Menteri menyambung ucapan.

11.05 pagi.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato" Seri Ong Ka Ting]: Tuan Pengerusi, saya ingin meneruskan untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bacok mengenai kelewatan memberikan geran tahunan berasaskan kepada kaedah keseimbangan (GTBKK) yang telah saya jawab sebahagiannya sebelum ini, dan juga untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kajian semula terhadap GTBKK sedang dilaksanakan oleh kementerian saya melalui juru perunding iaitu Unit Perunding Universiti Malaya. Dalam kajian ini, semua aspek akan diambil kira terutamanya keupayaan pihak berkuasa tempatan dalam mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan asas di kawasan masing-masing. Kajian ini dijangka dapat disiapkan pada penghujung tahun ini dan akan dilaksanakan setelah dipersetujui oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah membangkitkan supaya kementerian ataupun Jabatan Lanskap Negara menanam

pokok-pokok yang dapat mengeluarkan hasil seperti pokok buah-buahan di tepi-tepi jalan memandangkan fungsi projek lanskap adalah untuk meningkatkan keindahan dan keselesaan persekitaran, pihak kementerian tidak bercadang untuk menanam pokok-pokok buah-buahan di sepanjang tepi jalan. Pokok buah-buahan itu kita kena berbincang dengan Kementerian Pertanian dan juga agensi yang lain. Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tanjong, Pokok Sena dan Tumpat telah membangkitkan beberapa isu mengenai kerajaan tempatan berhubung dengan....

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Bachok bangun.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Tuan Pengerusi, pertama sekali berhubung dengan kajian semula tentang pembayaran geran keseimbangan kepada pihak PBT ini. Pada pandangan saya, asas yang kukuh perlu diambil kira oleh pihak perunding ataupun pihak kerajaan ialah menetapkan pungutan hasil ataupun cukai-cukai pintu serta masa depan yang dianggap cerah kepada pihak PBT berkenaan untuk meneruskan lagi projek-projek serta pembangunan yang diadakan. Setujukah pihak Yang Berhormat dengan pandangan ini?

Yang kedua, berhubung dengan dasar lanskap negara yang tidak membenarkan penanaman pokok-pokok buah-buahan ataupun hasil-hasil yang boleh dipungut daripada tanam-tanaman yang menghiasi bandar-bandar. Adakah satu dasar yang telah pun tetap dan tidak boleh dipinda dalam kaedah ini, sedangkan negara kita ada suatu kelainan tersendiri, banyak pokok buah-buahan yang boleh dijadikan hiasan di bandar, terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya sudah katakan tadi bahawa kita sedang membenarkan juru perunding untuk membuat kajian dan semua aspek akan diambil kira. Cadangan Yang Berhormat itu juga akan kita kaji dahului, terlalu awal bagi saya untuk membuat komitmen di sini kerana kita kena ada suatu gambaran yang menyeluruh yang dibuat oleh Universiti Malaya, baru kita buat keputusan. Bukan dasar Jabatan Lanskap mengatakan tidak boleh langsung ditanam pokok buah-buahan, maksud saya di sini ialah di sepanjang jalan raya *highway* febuch raya, tidak sesuai untuk kita menanam pokok buah-buahan. Memang kita tahu kalau tanam pokok buah-buahan, ianya akan sedikit sebanyak secara langsung atau tidak langsung, akan memberikan masalah kepada lalu lintas, Kadangkala buah itu jatuh ke jalan dan ia akan menimbulkan masalah di mana orang akan memberhentikan kereta di tepi jalan

kerana hendak mengutip buah-buahan tersebut dan ini semua akan menjadikan masalah.

Pada dasarnya, Jabatan Lanskap hanya menanam tanaman dan pokok yang mengindahkan persekitaran sahaja. Jadi, saya ingat itu bukan satu dasar yang *rigid* di mana...

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Dato' **Seri Ong Ka Ting:** boleh ditanam dan di mana tidak boleh ditanam.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Altramdulillah biiia Menteri datang keadaan Dewan ini tenteram dan tenang kerana seseorang Menteri dia ada *qualification* yang tertentu untuk memberikan jawapan yang munasabah [*Tepuk*]. Saya ada satu pertanyaan yang saya inginkan penjelasan. Di beberapa bandar di dunia, mereka mempunyai konsep lanskap yang memberikan identiti tertentu seperti Johannesburg, mereka dikenali ataupun bandar ini dikenali sebagai 'Bandar Jakaranda' dan Yang Berhormat saya rasa telah arif tentang ini. Sekali bila ia berbunga dan sebahagiannya luruh di atas jalan-jalan raya memberikan fenomena yang sangat menarik dan memberikan identiti tertentu dan juga nostalgia kepada para pengunjung. Adakah kementerian ini tidak cuba mengkaji lanskap tertentu, hiasan tertentu yang boleh dijadikan sebagai identiti mana-mana bandar di negara kita.

Dato" Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat., Memang apabila kita melanskapkan bandar ataupun negeri atau negara kita, kita kena mengambil kira identiti negara tetapi kementerian sentiasa menghormati pandangan dan pendirian-pendirian kerajaan negeri. Sebagai contoh, katakan negeri Perak, Yang Amat Berhormat Menteri Besarnya mengatakan Ipoh itu lebih dikaitkan dengan 'bourgenvilla' sebagai contoh, jadi kita pun menggalakkan sejenis bunga ataupun tanaman itu dijadikan sesuatu keistimewaan di situ. Jadi, bagaimana pun Dasar Lanskap Negara di Malaysia ini kita tetap berpegang kepada di mana kita akan mewujudkan identiti kemalaysiaan dan juga menanam bunga dan pokok yang sesuai juga dengan iklim kita.

Kita mempunyai sikap terbuka, kita menerima cadangan dan pandangan dan apa pun dasar yang hendak menjadikan negara kita ini sebagai sebuah negara taman dengan menjadikan terlebih dahulu semua bandar-bandar taman dan juga negeri-

negeri taman, itu memang suatu usaha yang tulus ikhlas. Kita mahu semua kerajaan negeri tidak kira negeri mana, kalau mereka berjaya, kita turut memberikan sokongan dan galakan kepada mereka.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana persoalan ini saya yang membangkitkannya di Parlimen ini berkaitan dengan cadangan salah satu majlis daerah di Kelantan untuk menanam pokok buah-buahan di sepanjang jalan raya, tetapi oleh kerana pihak lanskap ada peraturannya tidak membenarkan menanam pokok-pokok tersebut.

Saya hendak memberikan contoh kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat ada menyebutkan tadi menyatakan bahawa kita mahu menanam pokok yang cantik. Apakah Yang Berhormat tidak terfikir bahawasanya pokok buah-buahan juga cantik, umpamanya pokok manggis. Kalau kita pergi ke Melaka, hampir setiap rumah orang di Melaka itu di hadapan rumahnya ada pokok manggis dan pokok manggis ini terkenal dengan daunnya yang tidak mudah reput. Sekiranya jatuh di atas bumi ini, kalau kita hendak membersihkannya pun senang, ia tidak reput. Dahannya pula tahan tidak mudah patah, manakala kalau kanak-kanak panjat pun, kita tidak risau, ia tidak akan patah, itu keistimewaan manggis dan buahnya pula tidak mudah jatuh, kalau masak sekali pun ia tidak akan jatuh kecuali kita naik, kita petik, kena panjat.

Jadi pokok-pokok seperti ini yang saya sebutkan bukan pokok-pokok yang lain., Kemudian kalau pergi ke Kelantan, ada satu jalan namanya Jalan Raja Dewa Hilir di hadapan Bangunan RISDA negeri Kelantan. Sepanjang jalan itu, kita tengok ada pokok manggis dan sekarang sudah berbuah, walaupun memakan masa sepuluh tahun baru berbuah, cantik, bukan kata keseluruhan. Kemudian saya hendak sebutkan lagi pokok lada, pokok terung, begitu juga cantik dan ia tidak berbahaya. Tetapi apakah juga menjadi sandaran yang mengatakan bahawasanya pokok-pokok buah-buahan ini menjadi masalah, jatuh pokok, jatuh atas jalan seperti mana yang disebutkan oleh Menteri itu, tidak logik, kalau hendak dibandingkan dengan pokok akasia yang ditanam sepanjang lebuh raya lagi bahaya, bukan setakat atas kepala manusia, atas kereta pun jatuh. Pokok akasia ini pokok yang paling lembut dan mudah patah apabila datangnya ribut.

Jadi, saya mengharapkan supaya pihak Menteri memberikan laluan kepada negeri-negeri yang telah membuat cadangan untuk menanam pokok-pokok yang memberi hasil yang cantik, bukan pokok durian yang hendak ditanam di tepi jalan raya tetapi pokok-pokok yang lain seperti yang saya sebut, pokok manggis, pokok rambutan. Itu maksud saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cepat Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, tadi saya mengatakan kita tidak bercadang untuk menanam pokok buah-buahan di tepi jalan atau di sepanjang lebuh raya. Saya tidak mengatakan tidak boleh langsung menanam di tempat yang lain dan kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan memang berhak untuk menanam sekiranya kalau mereka merasakan ianya sesuai dan cantik, ia boleh. Jabatan Lanskap tidak ada kuasa hendak melarang sesiapa, tetapi saya menerima cadangan sekiranya ada bukti atau sesuatu tanaman itu yang berbuah cantik, kalau sudah orang puji mengapa tidak, jadi kita bersikap terbuka seperti mana yang saya katakan tadi.

Berhubung dengan pengurusan sisa pecah terutamanya pembinaan *sanitary landfill* dan penggunaan material *recovery facilities* MRF dalam program kitar semula, sukacita dimaklumkan bahawa buat masa ini pengurusan sisa pecah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Tanggungjawab kementerian saya sebenarnya adalah untuk membantu pihak berkuasa tempatan di dalam menyelaras dan melaksanakan perkhidmatan tersebut.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**)

Dari segi sistem pelupusan sistem pecah, di kawasan yang terdapat kawasan tanah yang luas dan sesuai, keutamaan diberi kepada tapak pelupusan *sanitary*, di kawasan yang kepadatan penduduknya tinggi, tiada kawasan tanah yang sesuai atau nilai tanahnya tinggi, penggunaan kaedah teknologi tinggi dan terkini yang mementingkan keselamatan seperti loji rawatan terma akan dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Mengenai penggunaan MRF dalam program kitar semula KPKT sedang berusaha mempergiatkan amalan kitar semula di kalangan orang ramai termasuk pihak swasta dan NGO. Oleh itu pandangan Yang Berhormat mengenai penggunaan MRF adalah selari dengan usaha kementerian perumahan kerana MRF adalah tergolong dalam kaedah untuk mengurangkan sisa buangan. Walau bagaimanapun ianya bergantung kepada pasaran bahan kitar semula di negara ini. Kedudukan struktur

pemancar telekomunikasi yang sedia ada apabila pihak berkuasa tempatan mengguna pakai garis panduan baru pemancar telekomunikasi yang telah diluluskan oleh kerajaan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tumpat dan Tanjong. Pada lazimnya sesuatu pemajuan yang berlaku sebelum kuat kuasa sesuatu garis panduan bolehlah dibenarkan melainkan ianya menerbitkan implikasi negatif kepada persekitaran fizikal, garis panduan pemancar telekomunikasi ini terpakai hanya bagi pembinaan baru manakala bagi staikturyang sedia ada hanya akan diminta untuk dirobohkan, dialih atau diubahsuai jika ia menerbitkan implikasi negatif kepada alam persekitaran ataupun bertentangan dengan garis panduan yang telah disediakan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Pokok Sena pula juga membangkitkan mengenai Rurang kesedaran orang ramai terhadap program kitar semula. Melalui pemerhatian kementerian saya, program kitar semula telah mula diterima oleh rakyat. Pada masa ini masyarakat telah mempunyai kesedaran untuk mengamalkan kitar semula bahan buangan yang boleh dikitar dan diguna semula. Sehingga kini 67 pihak berkuasa tempatan telah terlibat dengan program ini di samping lain-lain organisasi seperti syarikat konsesi, NGO, persatuan penduduk dan syarikat-syarikat swasta. Perhubungan dengan perlaksanaannya di Pulau Pinang.

Puan Teresa Kok Sun Sim: Minta penjelasan.

Dato* Seri Ong Ka Ting: Saya difahamkan kerajaan negeri...

Tuan Pengerusi: Seputeh bangun Yang Berhormat.

Dato" Seri Ong Ka Ting: ...Nanti, telah menubuhkan forum perunding kerajaan tempatan yang mana aktiviti utama tahun ini adalah program kitar semula antara aktiviti yang telah dan akan dijalankan ialah ekspo kitar semula, buku panduan kitar semula dan pertandingan mereka cipta Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah mula melaksanakan program ini sejak tahun 2000. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan yang mana ianya berkaitan dengan kesedaran awam antaranya pelancaran program peringkat negeri, program kitar semula untuk sekolah, pemberian risalah poster menyediakan tong kitar semula di tempat awam dan membina bangunan pusat pengumpulan.

Tuan Chow Kon Yeow : *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Seputeh....Seputeh bangun dahulu tadi Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya ingin tanya tentang masalah struktur sistem pemancar

ini. Di mana baru-baru di kawasan saya beberapa struktur sistem pemancar telah pun didirikan dan bila saya tanya dengan pegawai di DBKL, mereka kata kalau mengikut garis panduan oleh kerajaan struktur sistem pemancar sebenarnya boleh didirikan di mana-mana selagi ketinggiannya tidak melebihi setengah daripada ketinggian seluruh bangunan dan juga selagi ia tidak blok itu *vision* di hadapan bangunan. Jadi kerana garis panduan seperti ini telah membangkitkan kebimbangan ramai penduduk di kawasan sekitarnya. Mereka tanya menanya kenapakah kerajaan boleh meluluskan *guideline* seperti ini dan juga bagi mereka-mereka yang masih mengadu kepada saya bahawa struktur sistem pemancar telah mengakibatkan ramai penduduk di sekitar menghadapi berbagai penyakit termasuk sakit kepala, kanser dan lebih ramai orang mati dan semua_itu. Jadi mungkin dakwaan penduduk ini tidak mempunyai bukti saintifik tetapi saya rasa aduan mereka haruslah didengari dan diambil kira oleh kerajaan. Jadi saya hendak tanya kalau kerajaan tempatan menghadapi aduan seperti ini daripada penduduk. Adakah kerajaan menggalakkan kerajaan tempatan terus meluluskan semua permohonan untuk struktur sistem pemancar ataupun kerajaan tempatan seperti DBKL juga harus mengambil kira aduan dan kebimbangan daripada kekhawatiran penduduk terhadap struktur seperti ini? Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, memang perkara ini telah pada satu ketika jadi satu isu awam. Pada masa itu saya pun hendak cari dia punya fakta yang betul dan lagipun kementerian saya hanya menjadikan kementerian yang penyelaras untuk pihak berkuasa tempatan dan kami tergantung kepada cadangan dan kertas yang disediakan oleh Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia kerana mereka lebih merupakan *authority* yang lebih spesifik dalam bidang kuasa ini dan kementerian itu telah sediakan garis panduan baru ini yang telah dibentang di Jemaah Menteri dan telah pun dibincang di majlis negara kerajaan tempatan dan pada keseluruhannya kementerian yang berkenaan telah dapat meyakinkan kerajaan bahawa struktur telekomunikasi yang didirikan dibina itu boleh kalau ikut garis panduan baru itu boleh diterima dan selamat. Jadi saya rasa itu satu pandangan bukan sahaja pandangan tapi satu kajian telah dibuat oleh kementerian berkenaan. Jadi kementerian saya sentiasa menyelaraskan sahaja apa yang telah dikemukakan itu. Dan hari ini pihak berkuasa tempatan pun ikutlah garis panduan tersebut.

Tuan Chow Kon Yeow: [Bangun]

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: **Ya, Tanjong dahulu bagi Tanjong dahulu, ya.**

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat Menteri memaklumkan bahawa adakah kerajaan-kerajaan negeri membuat ataupun kementenan membuat pemantauan terhadap program kitar semula di peringkat pihak berkuasa tempatan ini, tadi Yang Berhormat Menteri telah menghuraikan langkah-langkah ataupun program yang diadakan di negeri Pulau Pinang tetapi baru-baru ini EXCO kerajaan negeri mengenai hal ini telah mengumumkan bahawa program ini sudah gagal di negeri Pulau Pinang, jadi saya ingin tahu sama ada kementenan bercadang untuk pihak berkuasa tempatan-pihak berkuasa tempatan yang berlainan akan membuat pemantauan ataupun mengarahkan supaya membuat ulang kaji terhadap program ini supaya kalau tidak berjaya apa sebabnya dan kalau benar-benar langsung tidak dapat dijalankan rTungkin program ini tidak diteruskan dan sebagainya?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya sangat berminat dan juga komited untuk memimpin kempen ini dan saya tidak menerima mana-mana satu hakikat bahawa dia sudah gagal, awal sangat hendak kata gagal kerana sesuatu kempen itu diambil masa. Awal sangat kata gagal saya susah hendak terima. Mungkin saya tidak baca dengan tepat apa yang di cakap oleh Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang, saya akan semak dan daripada apa yang saya beri itu memang daripada kerajaan negeri Pulau Pinang berdasarkan *feed-back* ini maknanya kerajaan Pulau Pinang masih teruskan dia punya usaha. Di peringkat kebangsaan kementenan sedang memantau memang, sedang menggalak sedang menyeru dan juga sedang merancang lagi banyak program yang lain untuk meningkatkan lagi kesedaran orang ramai tapi kementerian setakat sebagai beri pimpinan kita perlu sangat pihak berkuasa tempatan benar-benar komited.

Dan sekarang tumpuan ialah kita mahu bina lebih banyak pusat pengumpulan, *collecting centres* kerana itu merupakan satu cara yang lebih berkesan dan *collecting centre* itu mesti ada jadual waktu tetap supaya penduduk tahu ke mana mereka boleh hantar bahan kitar semula dan kena ada orang jaga di situ dan sebagainya. Untuk makluman kempen ini di Eropah, di Jepun dan juga di negara lain dia ambil sekurang-kurang 10 tahun baru dia jadi sebahagian daripada kehidupan ataupun tabiat, kebiasaan orang. Jadi baru kita mula dalam satu dua tahun ini, kita kena bukan sahaja sabar kita kena sangat positif sedikitlah, saya harap semua Ahli Yang Berhormat bantulah, kalau dalam dia punya parti kah dalam mana pun tubuהל pusat pengumpulan. Sekarang saya sendiri sudah cakap dengan banyak NGO, Lions Club, Rotary Club, Hiwanis, persatuan-persatuan penduduk supaya mereka secara sukarela tubuהל pusat

pengumpulan, *collecting centre* dan saya nak teruskan ada lagi berkaitan dengan tajuk yang sama...

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya minta penjelasan tentang perkara yang sebelum ini.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri daripada jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai dengan struktur sistem pemancar, nampaknya kementerian Yang Berhormat itu juga macam pada keadaan yang tidak boleh buat keputusan. Jadi bila saya tanya pegawai kerajaan tempatan mereka juga rasa ini adalah arahan daripada atas. Jadi ini yang menyebabkan wakil rakyat seperti kami ini sangat susah kerana selalunya penduduk menyalahi kami tidak lakukan kerja kenapa lebih banyak struktur sistem pemancar didirikan di mana-mana dan mereka tetap mengadu bahawa lebih ramai orang menghidap kanser, sakit kepala dan semua itu. Saya rasa ini kerana kerajaan tetapi mengambil sikap seperti ini, ini tidak akan menyelesaikan masalah mereka dan tidak akan meredakan kebimbangan mereka. Saya rasa ada satu *guideline* yang lebih komprehensif seperti jarak tertentu daripada struktur sistem pemancar dengan kawasan kediaman semuanya haruslah didirikan. Sekarang lebih banyak sistem struktur sistem pemancar diadakan di mana-mana, saya rasa kebimbangan rakyat ini, kerajaan harus ambil kira dan menunjukkan keprihatinannya.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya ada terangkan tadi, kementerian yang berkuasa yang ada kepakaran itu telah meyakinkan kerajaan bahawa garis panduan baru ini adalah sesuai dan selamat untuk diguna, jadi kalau saya hendak ambil alih tugas kementerian yang lain untuk cerita pasal kepakaran itu saya rasa saya takut nanti saya cakap sesuatu yang tidak cukup profesional nanti pula Yang Berhormat cuba tangkap saya, ambil satu *sentence* keluar hantam saya, susah. Itu sebab saya hendak hati-hati kalau kementerian lain yang ada dia punya hasil kajian itu dia lebih mahir untuk menjawab, saya terus-terang saya tidak cukup mahir. Tapi kerajaan telah diyakinkan oleh *Commission of Multimedia* yang mereka telah ada kajian termasuk apa yang mereka dapat daripada luar negara dan garis panduan itu telah diterima oleh Kabinet dan telah diterima oleh Majlis Negara Kerajaan Tempatan dan selamat. Kalau selamat maknanya dia tidak timbul macam Yang Berhormat kata, kanser, kerajaan tidak

akan sampai tahu boleh jadi kanser pun bagi orang hadapi risiko, kerajaan hari ini kerajaan banyak prihatin banyak prihatin, memang jadi...

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Sun Sim: Masalahnya penduduk tidak yakinkan....

Tuan Pengerusi: Cukuplah Seputeh.....Seputeh, Seputeh, Seputeh minta kebenaran dahulu Seputeh.

Dato' Sen Ong Ka Ting: Batu Gajah.

Tuan Pengerusi: Batu Gajah ya!

Tuan Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Masalah pembinaan struktur telekomunikasi yang berleluasa di kawasan saya juga timbul. Masih bukan, sama ada garis panduan ada atau tidak sebab sebelum ini juga ada satu garis panduan. Tetapi sejauh mana pihak berkuasa tempatan memantau pembinaan sistem menara telekomunikasi ini kerana sebelum ini di kawasan saya semua yang dibina, mereka yang mengadu kepada saya adalah tidak mendapat kebenaran dan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan. Apabila saya merujuk perkara ini kepada Majlis Bandaraya Ipoh, pihak pegawai mengatakan ini adalah menara yang haram. Kami akan mengambil tindakan. Tetapi apa tindakan yang diambil? Pihak Majlis menulis surat sahaja kepada syarikat telekomunikasi yang memberi masa untuk mereka masukkan permohonan, yang haram menjadi haial. Jadi, apa gunanya kalau penduduk mendapati keadaan pembinaan yang tidak ada kelulusan mereka membuat aduan tetapi pihak berkuasa tempatan menghalalkan pembinaan sistem telekomunikasi ini., Itu nombor satu.

Yang kedua, apakah ada harapan lagi untuk rakyat apabila melihat tindakan menyalahi undang-undang ini dijalankan tetapi pihak berkuasa lebih memihak kepada syarikat-syarikat telekomunikasi ini. Jadi, saya ingin tahu apakah pemantauan akan dilakukan selepas kita ada garis panduan yang baru ini. Saya tidak akan membangkitkan sama ada ia akan menimbulkan masalah kesihatan. Itu perkara kedua. Perkara pertama adalah yang haram itu mengapa pihak berkuasa tidak begitu rela untuk ambil tindakan terhadap syarikat telekomunikasi walaupun pembinaan struktur sedang dijalankan. Saya membuat aduan tetapi pihak berkuasa hanya membiarkannya meneruskan kerja-kerja pembinaan, enggan memberi kerjasama. Saya ingin pohon saya jawapan.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya ada sebut tadi suatu struktur atau menara telekomunikasi itu akan diroboh, dialih dan diubahsuaikan kalau ia bertentangan dengan garis panduan yang telah disediakan. Kalau tidak ada tindakan yang diambil maknanya garis panduan itu tidak dipatuhi. Dan kalau ada perkara macam ini saya harap bawalah kepada perhatian kerajaan negeri masing-masing kerana semua kerajaan negeri masing-masing secara kolektif telah terima garis panduan ini semasa Majlis Negara Kerajaan Tempatan. Jadi, ini adalah satu soalan penguatkuasaan.

Tuan Fong Po Kuan: Memang benar saya setuju. Tetapi masalahnya ialah keyakinannya dan penghormatan kepada Majlis akan terhakis jika syarikat telekomunikasi ini boleh secara bebas, bina baru dapatkan kelulusan dan elak atau tidak dapatkan -Kelulusan kerana mereka tahu pihak berkuasa tempatan akan membenarkannya jika mereka tertangkap membina tanpa kelulusan. Ini persoalannya.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ini saya akan ambil perhatian. Kalau orang bina tanpa kelulusan dan selepas garis panduan baru ini diguna, masih mereka buat macam ini, kita tidak bolehlah terima. Saya ingat itu boleh saya siasat.

Tuan Pengerusi, pada masa ini Syarikat Alam Flora, Southern Waste dan pengilang bahan kitar semula *recyclers* memberi insentif secara tunai kepada orang ramai membawa barangan kitar semula kepada syarikat dan pengilang berkenaan.

Mengenai gangguan daripada penternakan burung layang-layang dan syarat-syarat penternakan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Berkaitan perkara ini, kementerian saya sedang berbincang dengan agensi berkaitan khususnya Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk menyelaraskan satu garis panduan yang seragam untuk diikuti oleh para penternak burung layang-layang. Garis panduan ini mengambii kira aspek gangguan, kebersihan, kesihatan awam serta aspek perancangan penempatan industri, bangunan dan tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil terhadap para penternak. Ini perkara baru. Kita sedang bincang untuk menanganinya.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong dan Tumpat telah menyentuh isu berkaitan dengan perancangan berhubung dengan pemuliharaan warisan. Kementerian saya bercadang untuk meminta Akta Perancangan Bandar dan Desa Akta 172 selewat-lewatnya pada tahun depart, Sekarang usaha sedang dibuat. Pada masa ini pihak kementerian sedang dalam peringkat perbincangan dengan semua agensi Persekutuan

dan negeri bagi meminda akta tersebut kerana pindaan ini kita perlu persetujuan daripada semua kerajaan negeri.

Mengenai kajian dan penyelidikan bagi mengadakan garis panduan konsep perancangan bandar raya Islam, sebenarnya kementerian perumahan dan kerajaan tempatan telah menerima pakai doktrin perancangan dan pembangunan sejagat yang menekankan kepada nilai-nilai mumi dalam pembangunan fizikal. Doktrin ini yang melihat hubungan manusia dengan manusia, manusia dengan pencipta dan manusia dengan alam sekitar telah diperkenalkan oleh kerajaan sejak dari tahun 1996 semasa melancarkan penubuhan Putrajaya. Oleh yang demikian, konsep perancangan khusus bandar raya Islam seperti yang diusahakan oleh Kelantan itu bukan apa yang terlalu istimewa saTigatlah kerana memang kita ada ambil kira dari segi semua itu.

Beberapa isu mengenai perumahan telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dan Tebrau. Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) bagi penempatan semula nelayan di Kuala Kedah dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara di bawah kementerian. Bagaimanapun penetapan harga jualan rumah dan pampasan kepada nelayan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Kedah. Projek perumahan ini adalah projek kerajaan negeri di mana Jabatan Perumahan Negara menjadi agensi pelaksanaanya.

Kos projek sebanyak RM31.2 juta bagi pembinaan 700 unit rumah adalah dibiayai melalui geran Kerajaan Persekutuan sebanyak RM10 juta dan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM21.2 juta. Projek ini dijangka siap pada bulan Februari 2003 iaitu beberapa bulan lagi. Harga jualan rumah dalam kos kes projek ini ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Kedah berasaskan kadar pinjaman lebih kurang RM30.000 seunit termasuk kos projek. Kerajaan Negeri Kedah boleh mengenakan harga jualan yang lebih rendah kalau ada subsidi untuk menampung perbezaan dalam bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri Kedah masih belum menetap harga jualan rumah dan bayaran pampasan kepada nelayan yang terlibat. Perkara ini dijangka akan selesai pada awal tahun depan sebelum surat tawaran pembelian rumah dikeluarkan. Kementerian menyedari masalah yang dihadapi berhubung dengan pengeluaran hak milik strata bagi beberapa rumah pangsa di bawah program PAKR Johor Bahru yang dilaksanakan di bawah konsep sewa beli yang dilaksanakan peringkat awal Rancangan Malaysia. Memandang....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed AM: *[Bangun]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sebelum Menteri meneruskan ucapannya, oleh kerana kita cerita tentang perumahan ini saya hendak tanya tentang perumahan golongan miskin ini. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan 138,000 rumah kos rendah disewakan untuk golongan miskin, untuk penduduk setinggan, berkemampuan rendah membeli rumah kos rendah dengan kadar sewaan RM124 sebulan. Soalan saya ialah Tuan Pengerusi, soal tentang pemilikan rumah ini, kebanyakan yang menyewa itu dikatakan berumur antara 30 hingga 40, dan 40 ke 50 tahun. Di hujung-hujung umur mereka pun masih tidak dapat memiliki rumah. Padahal rumah yang tidak terjual begitu tinggi jumlahnya di Malaysia ini. Rumah yang tidak dibeli begitu tinggi jumlahnya. Jadi, saya pun tidak nampak kenapa masih ada lagi rumah-rumah yang dibina untuk di sewa tetapi bukan diberikan milik kepada orang-orang yang menyewa itu dan juga kepada orang-orang awam yang berpendapatan rendah untuk membeli rumah.

Yang kedua Tuan Pengerusi, tentang hal mempunyai rumah ini, saya hairan di Selangor misalnya, mereka mengatakan masalah mendirikan rumah di Selangor ini terutama rumah untuk golongan rendah ialah masalah hendak mendapatkan tanah yang sesuai. Tetapi apabila saya kaji tanah untuk pembinaan padang-padang golf dengan tanah yang diperuntukkan untuk membina rumah-rumah awam, rumah-rumah kos rendah ini hampir seimbang jumlah keluasannya - tanah untuk golf dan tanah untuk membina rumah awam dan rumah kepada orang yang diperuntukkan pendapatan rendah. Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri mengulas sedikit tentang kedudukan rumah untuk orang yang berpendapatan rendah ini. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, sebenarnya belanjawan ini memberi penekanan kepada perumahan rakyat terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah. Pernah saya terangkan di sini, Kerajaan Persekutuan kini sedang berusaha hendak membina menjelang tahun 2005 - 35,584 unit projek perumahan rakyat yang sekurang-kurangnya luas lantai 650 kaki persegi, 3 bilik, 2 bilik air dan itu kira sudah ada satu perubahan yang begitu positif berbanding dengan flat yang didirikan dulu. Kemudian pada masa yang sama 21,104 unit projek yang sama juga sedang diusahakan di negeri-negeri lain iaitu 55,688 unit untuk dibina dan disewa kepada terutamanya setinggan dan juga mereka yang tidak mampu langsung hendak beli mana-mana satu rumah walaupun rumah kos rendah. Ada di antara mereka tidak mampu langsung kalau bagi RM20 ribu pun tidak boleh beli. Jadi, golongan ini tetap akan ditempatkan untuk rumah sewa RM124 sebulan sahaja dan mereka akan ditempatkan di

situ tanpa had masa. Kita mahu mereka ini benar-benar adalah daripada kawasan setinggan.

Selain daripada itu, di bawah dasar baru kerajaan yang telah dilulus oleh kabinet baru-baru ini, sejumlah RM40 ribu lagi projek PPR untuk dimiliki akan dibina di seluruh negara untuk dijual kepada mereka yang layak iaitu berpendapatan rendah tetapi mampu hendak beli. Ada juga projek PPR di sewa yang tambahan akan dtbuat Saya cuba hendak terangkan kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ini beri tumpuan yang sangat besar kepada perumahan tidak kurang daripada penerangan saya tadi, projek perumahan rakyat sahaja sejumlah 145 ribu unit sedang diusaha dan akan diusaha dalam lima tahun daripada sekarang ini. Bagi pihak swasta pula diwajib untuk bina kuotanya diteruskan. Saya faham ada *mismatch*, ada terdapat di tempat di mana dia punya rumah dibina oleh pemaju swasta di tempat yang tidak ada permintaan, saya tahu. Itu sebabnya saya sendiri telah pengerusikan banyak mesyuarat untuk cadangkan satu dasar baru dan dasar baru itu telah diterima oleh kerajaan iaitu Kerajaan Persekutuan terus masuk untuk bantu membina di tempat yang strategik di dalam bandar di mana kalau tidak ada usaha bina dalam bandar, kita cuba kalau hendak *land acquisition* pun kita *acquire* tanah yang strategik. Ini memang di bawah dasar baru tetapi ia ambil masa. Dalam beberapa tahun ini kita sedang usaha.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri kerana memberikan laluan kepada saya. Saya merujuk kepada buku ini dikeluarkan oleh kerajaan iaitu walaupun kementerian telah menjanjikan satu usaha untuk membina rumah secara besar-besaran tetapi pada hakikatnya daripada RM1.4 bilion yang diperuntukkan, perbelanjaan sebenar bagi 1996 hingga tahun 2000 ialah kosong dan kemudian bagi tahun 2001 hingga 2005 peruntukan ialah RM297 juta tetapi perbelanjaan sebenar daripada tarikh tersebut ialah kosong juga. Jadi, saya tidak faham bagaimana peruntukan demikian besar mengikut rekod ini tidak dibelanjakan bagi item program perumahan rakyat dimiliki.

Demikian juga dengan program perumahan rakyat di sewa dan perumahan awam kos rendah kerajaan-kerajaan negeri, perbelanjaannya adalah demikian kecil walaupun peruntukannya adalah beratus-ratus juta. Pada tahun 2001 hingga 2005 hanya RM31 juta dibelanjakan bagi perumahan rakyat disewa.

Jadi sehubungan dengan mi saya ingin penjelasan, mengapakah keadaan ini berlaku dan saya juga memohon penjelasan, adakah kementerian ini mempunyai senarai penempatan-penempatan setinggan yang begitu daif? Pada hari Rabu yang lepas saya telah memberikan gambar-gambar yang saya ambil sendiri daripada Kampung Tengah di Jelutong, Pulau Pinang di mana 450 orang keluarga duduk dalam keadaan yang tidak boleh dipercayai kerana rumah mereka terlalu sempit, air bertakung di bawah rumah, dengan bau yang begitu busuk, sudah 40 tahun.

Saya telah menyarankan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan dapat menyiarkan klip video tersebut bagi membolehkan kementerian tahu kedudukan yang sebenarnya dan begitu juga dengan dua hari yang lepas, saya baru sahaja melawat persekitaranTAngkasapuri yang dikatakan hanya menempatkan orang miskin daripada Kelantan. Saya telah berjumpa dengan apa yang dipanggil Kampung Perak, bukan Kampung Kelantan sahaja, Kampung Perak. Keadaannya begitu daif dan ada sekumpulan keluarga yang duduk di rumah panjang sudah 12 tahun dan keadaan rumah panjang ini begitu teruk sekali. Adakah kementerian ini mempunyai rekod-rekod seperti ini untuk kita tangani pada masa-masa akan datang secara yang lebih berkesan.

Dato* Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya baru terangkan gambaran kita secara menyeluruh dan Yang Berhormat tadi menyebut RM1.4 bilion dan sebagainya. Sebenarnya lebih daripada RM1.4 bilion daripada apa yang saya terangkan, ia memakan belanja lebih daripada itu. Hendak rancang untuk membina rumah, dia ambil masa terutamanya bagi kawasan setinggan terutamanya di Kuala Lumpur katakan, ada 24 projek dan 24 projek itu kebanyakannya hampir semua dibuat situ. Maksudnya, di mana ada setinggan, di situ juga akan dibina rumah yang berkenaan kerana mereka memang berhasrat dan minat mereka ialah hendak duduk di tempat yang sama, dia tidak mahu pergi jauh-jauh kerana pekerjaan dan aktiviti mereka sudah ada di situ.

Jadi satu masalah yang kita hadapi daripada 1998 telah diputuskan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara iaitu MTEN untuk membina 35,000 unit rumah yang saya sebut tadi melalui 24 projek untuk memindahkan setinggan untuk bincang, runding dengan mereka daripada tahun 1999, 2000, 2001 sampai sekarang, ambil masa yang lama. Mereka setuju pindah sebahagian baru boleh kita ambil alih lokasi itu mulakan dengan pembinaan. Itu sebabnya ada kelewatannya kerana kerajaan pnhatin, kita masih menghormati hasrat mereka dan bukan seperti macam-macam dakwaan di luar, dia kata kita beri dua minggu sahaja untuk usir semua setinggan, itu tidak betul kerana

telah ambil masa dua tahun, tiga tahun, empat tahun pun ada dan saya ada jadual pembinaan ini.

Dalam tahun 2002 tahun ini untuk Kuala Lumpur sahaja, sejumlah 7,052 unit akan siap dalam tahun ini. Mungkin lebih sedikit kalau kita dapat kerjasama yang lebih baik dan 2003 ada 11 ribu lebih unit akan siap dan tahun 2002 ke 2004, 5,000 lagi siap dan paling *propermatic* maknanya yang lain-lain tidak sanggup hendak pindah pun, kita beri masa sampai 2005 kita harap boleh siap jug a mengikut jadual kita. Kalau nampak kosong perbelanjaannya kerana kita tidak boleh mula kerja. Kita cuma boleh pujuk, hendak cuba beri penerangan sampai setinggan faham ini adalah untuk kebaikan mereka dan bukannya hendak paksa mereka keluar dan tidak bagi tempat kediamannya lagi. Inilah^apa yang dilakukan oleh kerajaan, saya harap Yang Berhormat boleh faham sebenarnya yang RM1.4 bilion itu tidak cukup, kita mahu lagi banyak untuk bina lagi banyak tempat lain daripada Kuala Lumpur...

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Hendak bagi pada siapa? Dua orang bangun ya.

Dato¹ Seri Ong Ka Ting: Pada sesiapa sahaja dululah.

Tuan Pengerusi: Kemaman, Kemaman tidak bangun lagi, bagi Kemaman dahulu.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya sedikit sahaja permasalahan Kemaman tadi.

Tuan Pengerusi: Tidak, bagi Kemaman dahulu.

Dato* Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Okey Kemaman, Kemaman, tidak apa, tidak apa.

Tuan Pengerusi: Baik, baik.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okey, *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya mengenai peruntukan yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini dalam pembentangan Belanjawan iaitu peruntukan sebanyak RM700 juta untuk pembinaan rumah-rumah kos rendah dan untuk membina 65,000 unit rumah. Jadi kalau kita ikut purata kos tiap-tiap rumah itu lebih kurang RM10 ribu satu sahaja. Jadi macam mana kerajaan boleh bina sebuah rumah kos rendah ini dengan harga RM10 ribu sahaja ataupun peruntukan ini hanyalah merupakan sebahagian daripada keseluruhan peruntukan untuk membina 65,000 buah rumah ini? Saya hendak minta penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya ingat soalan itu sudah dijawab tetapi saya akan jawab lagi. Jangan kita ambil aritmetik kata RM700 juta dibahagi oleh 55,000 unit maka dapatlah RM10 ribu satu unit, bukan macam itu. Baca baik-baik ayat Perdana Menteri guna, dia kata melibatkan 50 lebih projek sambungan. Maknanya RM700 juta itu hanya dijangka boleh dibelanjakan dalam tahun hadapan. Maknanya ada banyak wang lagi diperiukan untuk siapkan 50 lebih projek yang disebut dalam ucapannya. Itu sebab saya kata, kita perlukan lebih daripada RM1.4 bilion. Memang kerajaan akan terus bagi wang setiap tahun. Setiap belanjawan, Menteri Kewangan akan umumkan lagi berapa untuk tahun depan, kemudian berapa lagi untuk tahun depan, itu caranya. Saya harap Yang Berhormat betul-betul faham. Jangan bahagi sahaja. Kalau bahagi RM10 ribu, sesiapa puif tidak boleh buat kerana kosnya jauh lebih daripada itu...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed AH: Terima kasih Tuan Pengerusi. Masih lagi tentang perumahan yang saya pun pernahkan timbulkan dalam Dewan ini beberapa ketika dahulu iaitu rumah-rumah kos rendah yang telah dibina, yang telah siap bertahun-tahun. Ada yang teiah siap sepuluh tahun atau lebih sehingga rumah itu pun menghadapi berbagai-bagai masalah; cermin pecan, bumbung rosak, siling jatuh dan sebagainya, tidak diagihkan atas beberapa sebab. Sebab yang pertama ialah tidak pernah ada senarai akhir, senarai yang hendak dimuktamadkan, siapa yang hendak diberi, siapa yang tidak hendak diberi dan diberitahu kepada saya, masalah besarnya ialah masalah campur tangan politik, hendak diberi kepada siapa. Tengok ada atau tidak orang PAS di situ?

Memang orang PAS tidak akan dapat sebab salah satu syaratnya saya diberitahu oleh teman-teman ialah mesti isi borang UMNO baru boleh dapat rumah murah yang sedemikian dan kalau tengok dalam senarai itu ada UMNO pun, ada gred, gred satu punya UMNO, gred dua punya UMNO dan gred tiga punya UMNO. Gred mana yang hendak diberi dalam UMNO itu sendiri sehingga iniih yang menyebabkan sayangnya melihat rumah-rumah yang terpaksa dibina semua dengan belanja yang besar tidak dapat diserahkan kepada penghuninya, kepada pemiliknya akibat daripada campur tangan negatif politik yang sedang berlaku berieluasa bukan sahaja di peringkat luar, yang di rumah pun perkara ini sebenarnya berlaku.

Saya tidak tahu sama ada gred-gred ini dalam MCA dan MIC tetapi yang saya tahu dalam UMNO memang ada, UMNO gred satu, UMNO gred dua, UMNO gred tiga, ada juga UMNO yang gagal itu. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, sepanjang ingatan saya tidak ada rumah yang sampai sepuluh tahun dibiarkan kosong, yang sudah dapat CFO boleh duduk tetapi tidak diduduki orang kecuali projek terbengkalai. Kalau ada projek terbengkalai, ianya bukan sebab pengagihan tetapi disebabkan tidak memenuhi syarat CFO. Tetapi walau bagaimanapun sekarang, dengan adanya Dasar Baru Perumahan ini, kementerian saya memang mahu tengok ketelusan, kita mahu melalui satu sistem pendaftaran komputer secara terbuka, semua kerajaan negeri dan saya berharap boleh mencapai satu keadaan di mana orang yang benar-benar layak iaitu orang yang berpendapatan rendah dapat didaftarkan. Ini hasrat saya secara terbuka, telus saya cakap di sini [*Disampuk*]

Saya tidak kira parti politik tetapi saya pula bila Yang Berhormat hendak mendakwa pihak Barisan Nasional, jangan pula nanti Kerajaan PAS di Terengganu ada buat sesuatu yang lain sebab saya tahu dahulu projek PAKR sebelum PAS ambil kuasa di Terengganu telah ada projek PAKR diusahakan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu dan senarai pengagihan telah diluluskan tetapi bila Kerajaan PAS Terengganu ambil alih, dia tukar semula. Ada, saya tahu PAKR itu ialah projek pinjaman daripada kementerian saya, selalunya saya tidak cakap sesuatu yang seperti itu. Lepas itu projek PAKR itu telah dilambatkan kerana peruntukan dikeiuarkan dengan lambat...

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya kena marah pula beberapa kali di sini. Sekarang kementerian saya sudah lulus semua peruntukan itu bagi Terengganu putuskan. Cuba *check* balik senarai asal itu sudah pergi mana? Sudah tidak ada senarai-senarai itu kerana sekarang ini penyokong PAS....

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Tuan Pengerusi....

Dato¹ Seri Ong Ka Ting: Jadi kita kena adil, kalau hendak dakwa, kita sama-sama adil, itu yang saya hendak kata.

Tuan Pengerusi: Ya, ya Hulu Terengganu.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang pertama saya minta kalau boleh Yang Berhormat berikan kenyataan yang tepat di mana satu, projek di mana Yang Berhormat sebut bahawa kita telah batalkan nama-nama yang telah disahkan, yang kita batalkan. Kalau tidak dapat hari ini pun kalau boleh bagi bertulis, kita akan siasat dan sepanjang yang saya hadir dalam mesyuarat, kita tidak pernah diberi arahan supaya membatalkan mana-mana senarai yang telah disahkan oleh kerajaan lama, itu yang pertama.

Yang kedua, yang kita semua tahu projek perumahan rumah kos rendah rakyat awam ini yang telah diberi pinjaman oleh Kerajaan Pusat telah dibatalkan pinjaman oleh Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri dan bukan itu sahaja, yang lebih maiang lagi yang sudah separuh berjalan pun pada peringkat awal pemerintahan dibatalkan oleh Kerajaan Pusat walaupun setelah kita desak beberapa kali di Parlimen ini, ada juga yang telah diluluskan tetapi ini berlaku pada awal pemerintahan kita dahulu.

Jadi saya minta Yang Berhormat supaya kita dapat fakta yang tepat supaya ia tidak disensasikan oleh mana-mana pihak. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, saya juga hendak membetulkan fakta Yang Berhormat. Kerajaan tidak membatalkan projek PAKR. Cuba Yang Berhormat balik siasat dengan Exco perumahan, apa sudah jadi pada 13 projek PAKR itu, adakah sudah dibatalkan? Tidak dibatalkan sebenarnya telah diluluskan cuma kita tunggu pelaksanaan Kerajaan Negeri Terengganu sahaja dan sampai ada kerajaan negeri lain di bawah Barisan Nasional telah mengatakan, mengapa Terengganu diberi begitu banyak projek padahal mereka juga memohon banyak tidak begitu banyak dan ini satu fakta juga saya minta Yang Berhormat pergi semak, tidak dibatalkan padahal kelulusan telah diberi untuk diteruskan. Apa yang telah komited dahulu semuanya diteruskan, tidak ada satu pun dibatalkan.

Saya masih ingat bila tahun 2000 saya sendiri baca dalam surat khabar, Kerajaan Terengganu hendak tukar *selling* rumah kos rendah, sesuatu skim yang telah diusahakan oleh kerajaan dahulu dan dia punya pengagihan senarai dahulu pun tidak kira lagi, dia hendak tukar lagi. Masa itu memang sudah jadi satu isu pernah saya tanya dan masa itu saya tidak dapat jawapan tetapi tengok, semak balik apa sudah berlaku pada projek perumahan kos rendah dahulu, tengah diusahakan, nama telah dikenal pasti tetapi lepas itu kerajaan baru ambil alih dia tukar *selling* nya dan harganya juga. Ini saya masih ingat, ada satu fakta dan saya ulang apa yang pernah saya cakap dahulu, okey?

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Soalan Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah Yang Berhormat Hulu Terengganu, kita tidak ada masa ya. Kita ada hanya sampai 6 November, belum habis lagi dua. Yang Berhormat, minta teruskan dan jangan bagi jalan lagi.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Okey, jangan bagi jalan, terima kasih [Ketawa] Memandangkan rumah-rumah berkenaan telah dijual kepada penghuni-penghuninya, kementerian dan pihak Kerajaan Negeri Johor sedang bekerjasama untuk

menyelesaikan beberapa masalah yang berkaitan dengan teknikal dan pelan bangunan bagi membolehkan masalah hak milik strata diselesaikan.

Mengenai cadangan supaya rumah-rumah awam yang disewa di bawah Program Perumahan Rakyat dijual seperti PPR Taman Cendana di Pasir Gudang, sebenarnya kementerian ini telah menerima beberapa cadangan yang sama sebelum ini. Bagaimanapun, sukacita dimaklumkan Program Perumahan Rakyat untuk disewa adalah satu program yang disasarkan kepada golongan rakyat miskin dan tidak mampu untuk membeli rumah kos rendah. Bagi mereka yang bercadang untuk membeli rumah kos rendah masih ada peluang untuk membeli rumah kos rendah di projek perumahan yang dimajukan oleh sektor swasta atau di bawah dasar baru Program Perumahan Rakyat untuk dibeli seperti mana telah saya terangkan dengan panjang lebar tadi.

Oleh yang demikian, buat masa ini kementerian belum bercadang untuk menjual rumah-rumah yang disewa tetapi kita masih dalam buat kajian mengenai dengan isu ini.

Mengenai rumah khususnya projek perumahan Taman Purnama, Kempas, Johor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau. Isu Taman Purnama, Kempas, Johor, sebenarnya kedudukan projek tersebut pada masa ini sudah siap dibina tetapi tidak dapat dihuni kerana CFO masih belum dipohon oleh pemaju, iaitu Yusoff and Sons Sdn. Bhd. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang memantau projek ini dan pemaju sedang dalam proses mendapatkan sokongan dari agensi-agensi teknikal untuk mendapat CFO.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah, Pokok Sena, Rantau Panjang dan Tumpat telah membahaskan isu-isu berkaitan kebombaian. Mengenai bantuan kepada bomba sukarela dari segi latihan dan peralatan, pihak kementerian senantiasa mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh pasukan bomba sukarela. Mereka membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan cara menghadiri kebakaran-kebakaran yang berlaku di kawasan mereka, terutamanya di kawasan-kawasan yang jauh dari balai bomba.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Kerajaan juga sentiasa peka dengan keperluan pasukan bomba sukarela dan membekalkan peralatan-peralatan asas dari masa ke semasa. Pada tahun 2002 sebanyak ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat, sudah diputuskan tadi, dia hendak terus Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tidak ada, terus sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta maaf.

Dato* Seri Ong Ka Ting: Tidak mengapa. Yang Berhormat kalau ada apa-apa, saya boleh layan nantilah. Bagi saya habiskan ini, sebab masa cukup terhad.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, sedikit lagi Yang Berhormat.

Dato* Seri Ong Ka Ting: Sebanyak RM6 juta telah diperuntukkan untuk pembelian peralatan bomba sukarela. Mengenai cadangan supaya peruntukan untuk Jabatan Bomba dan Penyeiamat Malaysia ditambah, pihak kerajaan sedar tentang keperluan peruntukan bagi mempertingkatkan lagi kemampuan Jabatan Bomba. Untuk tujuan ini, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, peruntukan sebanyak RM1 bilion telah diberikan, iaitu sudah ada peningkatan - ceiling. Ini merupakan peningkatan melebihi 100% daripada peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Pihak kementerian akan mengemukakan permohonan untuk peruntukan tambahan kepada Jabatan Bomba dalam Kajian Separuh Penggal RMK8.

Menyentuh mengenai statistik kebakaran, dimaklumkan bahawa pada setengah tahun pertama tahun ini, bilangan kebakaran yang berlaku di seluruh negara ialah sebanyak 16,016 kes, yang mengakibatkan kerugian sebanyak RM314 juta dengan 21 kematian dan 26 kecederaan.

Berkaitan isu keperluan pili bomba dan bekalan air yang secukupnya supaya dapat disediakan untuk tujuan kecemasan, Jabatan Bomba dan Penyeiamat Malaysia telah menyediakan peruntukan yang besar untuk tujuan memasang pili-pili bomba baru dan juga penyelenggaraan pili-pili bomba yang berkenaan. Bagi tujuan 2002, sebanyak RM7 juta telah diperuntukkan, iaitu RM4 juta untuk penyelenggaraan dan RM3 juta lagi untuk pemasangan pili bomba, dan pada tahun akan datang, peruntukan ini akan ditambah lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Menyentuh perkara berkaitan ...

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Kinabatangan, ya?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tadi sudah buat keputusan. Kalau saya bagi seorang, semua kena bagi.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi.

Dato" Seri Ong Ka Ting: Minta maaf. Kalau ada apa-apa, kita boleh bincang kemudian.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Okey, terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Menyentuh perkara berkaitan pembinaan Muzium Padi di Gunung Kerian, Kedah, adalah dimaklumkan bahawa pelan bagi projek ini telah dikemukakan ke Ibu Pejabat Bomba Negeri Kedah. Walau bagaimanapun, memandangkan projek ini agak unik, dan dianggap sebagai struktur khas di bawah undang-undang, ianya telah dirujuk kepada Ibu Pejabat Bomba di Putrajaya untuk kelulusan. Pihak jabatan telah mengenakan syarat-syarat yang sepatutnya dari segi keselamatan kebakaran. Difahamkan projek ini masih belum siap sepenuhnya dan Jabatan Bomba belum lagi menjalankan pemeriksaan bagi tujuan pengeluaran sokongan CFO.

Mengenai proses pembinaan balai bomba baru, sukacita saya maklumkan bahawa pembinaan balai bomba baru adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan. Lembaga Perolehan yang bertanggungjawab untuk mendapatkan kontrak bomba bagi pembinaan balai bomba adalah bergantung kepada nilai kontrak berkenaan, iaitu ianya adalah dalam bidang kuasa Kementerian Kewangan jika melebihi RM50 juta, dan Kementerian Perumahan akan mengusahakan kontrak jika kontrak itu adalah dari nilai RM200.000 hingga RM50 juta.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Berkaitan kajian menghadapi ancaman bencana senjata *mass-destruction*,

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato'Seri Ong KaTing:.... dimaklumkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya kena sama ratalah. Dimaklumkan bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat...

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong KaTing: Tidak bagilah.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Dimakiumkan bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia membuat persiapan yang rapi untuk menghadapi bencana-bencana, seperti bencana alam dan bencana industri. Mengenai bencana yang diakibatkan oleh peperangan, ianya perlu ditangani secara yang berbeza dan tidak lagi menjadi tanggungjawab satu jabatan sahaja, malahan ianya memerlukan gabungan beberapa agensi seperti tentera, polis, pertahanan awam, kesihatan dan sebagainya, dan jabatan masing-masing telah membuat persiapan mengikut peranan masing-masing.

Menyentuh cadangan supaya paip bomba diasingkan daripada paip untuk bekalan minuman, sukacita dimakiumkan bahawa kaedah tersebut akan menelan belanja yang sangat tinggi. Buat masa ini, pihak kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan paip yang berasingan tetapi bagi mengatasi kekurangan ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat mempunyai persefahaman dengan pihak berkuasa air, iaitu apabila berlaku kecemasan, pihak berkuasa air akan menutup laluan-laluan air ke bahagian tertentu bagi meningkatkan pengeluaran air di kawasan kebakaran. Bagi perindustrian yang berisiko tinggi, Jabatan Bomba dan Penyelamat telah menetapkan supaya mereka mempunyai paip air bertekanan - *pressurised hydrant* - bagi tujuan menentang kebakaran.

Menyentuh isu majlis perkahwinan anak lelaki Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, saya difahamkan bahawa majlis perkahwinan berkenaan adalah acara peribadi dan tidak melibatkan peruntukan kerajaan. Mesyuarat-mesyuarat bagi mengatur majlis dijalankan di luar pejabat dan di luar waktu pejabat, pegawai-pegawai yang terlibat adalah secara sukarela dan pelaksanaan majlis adalah mengikut konsep gotong-royong dalam semangat kekeluargaan. Majlis ini pada asalnya dirancang secara kecil-kecilan....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat tidak bagilah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Nanti, bagi saya habis, sebab saya belum bagi gambaran. Majlis ini pada asalnya dirancang secara kecil-kecilan, tetapi oleh kerana permintaan ramai daripada keluarga-keluarga bomba, bilangan jemputan dan kehadiran telah ditambah mengikut kemampuan Ketua Pengarah secara peribadi. Dan

majlis ini telah diadakan dua kali, iaitu sebelah petang diadakan di Stadium Juara, Bukit Kiara, bukan di Bukit Jalil - saya hendak betulkan fakta ya. Jamuan itu adalah dikhususkan untuk anggota bomba dan keluarga termasuk anak-anak dan juga sebahagian daripada rakan yang berkaitan dengan bomba, dan kira-kira 5,000 orang nadir, bukannya 20,000, ya. Manakala majlis di Hotel *Renaissance*, Kuala Lumpur telah dirancang untuk jemputan khas dan dihadiri oleh 600 orang, terdiri daripada saudara-mara dan kenalan rapat keluarga pengantin, bukannya dihadiri oleh 6,000 orang seperti dakwaan Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Ketua Pengarah sendiri telah menjelaskan dalam satu akhbar tempatan, dan beliau memang merasa sedih perkara ini telah ditimbulkan dan fakta pun sudah diperbesarkan ataupun *figure* dan tempatnya adalah tidak betul. ~

Akan tetapi walau bagaimanapun, saya telah diberi tahu bahawa apa yang telah dilakukan oleh Ketua Pengarah, beliau ambil tanggungjawab sepenuhnya - *he is fully responsible and*, beliau rasa dia boleh menghadapi dakwaan ini. Tuan Pengerusi, saya ingin merakamkan ucapan ...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak bagi jalan? Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tadi dia janji hendak bagi.

Dato* Seri Ong Ka Ting: Tidak. Cukuplah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah.

Dato* Seri Ong Ka Ting: Kalau saya buka tadi, saya tidak bagi...

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, cukuplah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ada minit mesyuarat kenduri di Jabatan Bomba.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat kata tadi ia tidak melibatkan apa-apa kepentingan kerajaan di luar waktu pejabat dan di luar daripada pejabat tetapi minit mesyuarat kenduri ini diadakan di Bilik Mesyuarat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor. Ini ... [*Menunjukkan dokumen berkenaan*]

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak mengapa Yang Berhormat. Cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya sudah kata, Ketua Pengarah sudah bagi tahu beliau boleh ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi semua.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya hendak minta supaya ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ... oleh kerana Jabatan Bomba adalah satu jabatan yang mempunyai ...

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, dia tidak bagi Yang Berhormat. Kalau menteri tidak duduk, dia tidak bagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]* Bomba di kawasan saya ini, saya mahu tanya.

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau tidak duduk, dia tidak bagi Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ... sebab BPR pernah menyatakan bahawa Jabatan Bomba antara jabatan yang tertinggi terdedah kepada amalan rasuah. Saya tidak menuduh Ketua Pengarah tidak *[Bercakap tanpa pembesarsuara]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, ya. Okey, okey.

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak duduk, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kalau tidak kementerian melakukan penyiasatan. *[Disampuk] {Tidak menggunakan pembesar suara}*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Okey, okey.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sebab saya pun hairan juga sebab ada maklumat mengatakan bahawa ... *[Tidak menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ... bunga telur sahaja, telur direbus di Balai Polis Pandan Indah 18,000 biji. *[Tidak menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Pokok Sena, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ia melibatkan pada hah itu adalah hari bekerja. *[Tidak menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Semua ketua-ketua balai bomba di Kuala Lumpur ini ... *[Tidak menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena, Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ... pada waktu yang sama Macam mana? *(Tidak menggunakan pembesar suara)*

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, sudah cukup.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Okey, okey.

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup. Cukup Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Duduk dulu Yang Berhormat.

Dato¹ Seri Ong Ka Ting: Yang saya dengar Yang Berhormat bagi Pokok Sena ada sebut dia bukan hendak menuduh Ketua Pengarah. Jadi dengan itu saya terimaiah. Maksud saya kementerian memang tidak mahu apa-apa gambaran negatif, dan sebenarnya saya pun sangat ambil berat tentang perkara ini, dan saya telah diberi jaminan oleh Ketua Pengarah sendiri, beliau tidak menyalahgunakan atau dari segi rasuah, semua itu tidak timbul. Jadi, beliau memang rasa ini adalah satu perkara yang tidak sepatutnya dihadapakan terhadap beliau.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat, jaminan Ketua Pengarah tidak boleh ... *[Tidak menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Kita sudah buat *ruling*. Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...memberikan satu jawapan. Penyiasatan perlu dibuat. Tidak cukup hanya .. *[Tidak menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah buat *ruling*. Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato" Seri Ong Ka Ting: Okey, okey, okey.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: satu jaminan *[Tidak menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau tidak berterusan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena, cukup. Ha, cukup. Sila duduk.

Dato'Seri Ong Ka Ting: Okey, okey. Sayatelah diberi....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Sebab sudah *ruling* Yang Berhormat. Ya.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Okey. Saya sudah jawab berdasarkan apa yang telah dimaktomkan kepada saya tadi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...tetapi, saya ada gambar. [*Menunjukkan beberapa keping gambar*][*Tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup!

Dato' Seri Ong Ka Ting: Perkahwinan anak seseorang pegawai, kalau Yang Berhormat ada apa-apa bukti kukuh, siasat betul-betui dahulu, ada saluran betui, tetapi janganlah cepat sangat hendak bangkitkan seolah-olah macam satu kesalahan sudah dilakukan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Itu saya ada gambar ... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...generator bomba digunakan untuk majlis kenduri. [*Tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat. Cukup. Sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya ada gambar lori bomba bawa kerusi meja ...

Dato" Seri Ong Ka Ting: Okey, okey. Cukup, cukup.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini bukti. Saya tidak tuduh, tetapi gambar ini buktinya.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Kalau tidak tuduh, dia tunjuk gambar, itu serupa juga.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Gambar ini bagi tahu pada saya, sebab itu saya minta penjelasan kerana timbulkan satu keraguan ...

Tuan Pengerusi [Dato" Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Dato" Seri Ong Ka Ting: Tetapi jangan bimbang. Ada apa-apa, kerajaan sendiri tidak akan lepaskan kalau ada apa-apa kesalahan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Itu saya minta jaminan bahawa satu penyiasatan perlu dibuat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat. Duduk.

Dato* Seri Ong Ka Ting: Yalah. Tetapi untuk keadilan pada Ketua Pengarah, saya tidak mahu timbul satu gambaran terlalu awal, seolah-olah macam sudah ada satu kesalahan. Perkara ini kita ambil perhatian dan penjelasan telah diberi oleh Ketua Pengarah, telah saya sampaikan di sini, dan lain-lain itu, saya ingat *to be fair*, dengan izin, Ketua Pengarah jangan kerana dia tidak dapat hadir di sini, tidak boleh kita buat macam-macam untuk saya bercakap bagi pihak beliau.

Tuan Pengerusi, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2003 yang menyentuh bidang kuasa kementerian saya. Cadangan, teguran, saya telah ambil perhatian. Saya sendiri telah dengar, duduk di sini, sudah catat, dan saya juga kalau tidak sempat untuk menjawab semua kerana batasan masa, saya memang ambil perhatian yang berat tentang cadangan-cadangan yang membina. Dengan itu saya sekali hendak mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Sekian.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM150,590,000 untuk Maksud B.14; RM33,337,000 untuk Maksud B.15; dan RM528,271,300 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM150,590,000 untuk Maksud B.14; RM33,337,000 untuk Maksud B.15; dan RM528,271,300 untuk Maksud B.16 di diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,459,150,080 untuk Maksud P.14 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2003 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,459,150,080 untuk Maksud P.14 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2003.

**Maksud B.17 [Jadual] -
Maksud P.17 [Anggaran Pembangunan 2003] -**

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat,-Kepala Bekalan B.17 dan Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas.

Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

12.14 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk turut membahas Kementerian Belia dan Sukan bagi Butiran 020100, 020200, 040100 dan lain-lain.

Apabila kita mengimbas kembali industri sukan dalam negara kita ini mungkin kalau kita renung secara bijaksana, kita boleh mempersoalkan kepada diri kita sendiri, pemimpin-pemimpin sukan, apa juga bentuk sukan, apa juga persatuan-persatuan sukan, seharusnya telah dapat mengamati bahawa industri sukan dalam negara kita ini begitu parah dan begitu amat memalukan.

Pada saya pihak kementerian dan kerajaan harus perlu mencari pendekatan, hams perlu mengkaji ke arah mana industri sukan ini harus kita letakkan martabatnya sehingga boleh mengangkat darjat dan martabat ahli-ahli sukan dalam negara ini yang saya lihat bahawa masih ramai para atlet kita, para pemain sukan kita yang boleh dikategorikan sebagai mempunyai kelas dan setanding dengan mana-mana atlet sukan yang lain, sekiranya diberi pendedahan, sekiranya diberi tempat dan sekiranya diberi perhatian secara serius.

Pada saya, mungkin pada peringkat awal, banyak yang berbicara mungkin ada yang mempersoalkan secara berseloroh ataupun gimik. Tetapi pada realitinya, pada hakikatnya, masalah perbadanan ataupun industri sukan dalam negara kita ini, kalau dibicara pun mungkin tidak habis dengan jangka waktu yang panjang. Apa yang saya perlu sarankan, pihak kerajaan dan Kementerian Belia dan Sukan harus

menguatkuasakan satu akta ataupun undang-undang di mana campur tangan terus kepada mana-mana persatuan yang dilihat tidak berpotensi dan tidak ada kesungguhan ataupun keinginan untuk memajukan apa juga bentuk sukan yang telah diamanahkan kepada mereka. Bukan sahaja soal bola sepak, bulu tangkis, pelari, perenang dan sebagainya, bahkan harus dikaji dari segala keseluruhan sudut yang boleh di mana pihak kementerian dapat memainkan peranan secara langsung.

DemikianEah juga kementerian harus meninjau para pegawai di peringkat tinggi mahu pun di peringkat rendah di semua peringkat, peringkat negara, peringkat negeri, peringkat daerah dan sebagainya kerana pegawai juga harus memainkan peranan seiring dengan tuntutan dan kehendak sukan itu sendiri.

Kala"u kita kaji negara-negara lain, walaupun negara mereka jauh ketinggalan dari segi pembangunan sukan tetapi mereka lebih menyerlah, mereka lebih mempertontonkan kehebatan para atlet mereka berbanding dengan negara kita. Kerajaan harus memfokuskan bahawa industri sukan ini boleh bukan sahaja mempromosi sebuah negara tetapi boleh mengangkat martabat sesebuah negara dan boleh meningkatkan ekonomi dan pendapatan sesebuah negara tersebut.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan dan juga para pegawai-pegawai di semua peringkat termasuk persatuan-persatuan, apabila sahaja mereka memegang jawatan, mereka harus turun ke padang, harus meninjau, harus melihat potensi mana industri sukan yang telah diamanahkan kepada mereka harus dibawa.

Ini tidak, ada yang memegang jawatan berpuluh-puluh tahun, menang tanpa tanding, menang tanpa tanding, yang lain jadi tukang angguk, jadi tukang pak turut....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Larut sebelah tu.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini berlaku dalam industri sukan kita, dalam persatuan-persatuan sukan....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Panaslah kerusi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Mana ada, bagilah orang baru memimpin persatuan sukan yang boleh membawa perubahan drastik kepada industri sukan ini. Saya dapat melihat betul, kadang-kadang kita ketawa melihat apabila ada AJM, ada pertandingan, presiden tidak tanding, padahal tidak boleh cakap pun, jalan pun tidak boleh sudah. Bagilah orang muda pimpin persatuan-persatuan ini untuk memastikan industri sukan kita dapat dijalankan, dapat digerakkan secara berkesan. Saya sudah marah ini.

Seorang Ahli: Bagi Yang Berhormat bagi Larut.

Tuan Jimmy Lim Donald: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Silakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih Tuan Pengerusi dan kawan baik saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Jadi, biasanya kita mendengar alasan untuk minta menang tanpa bertanding oleh kerana presiden itu atau pegawai kanan itu dapat mencari wang atau *advertisement* untuk memajukan sukan itu. Apa pendapat Yang Berhormat tentang alasan ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ha, inilah industri sukan kita malap, gerhana macam Kelantan dan Terengganu. [*Ketawa*] Sebab apa? Persatuan sukan seolah-olah *one man show*, ini boleh cari duit, ini boleh lobi sana, yang lain tidak buat kerja. Kalau ini menjadi intipati persatuan-persatuan sukan gerhanalah industri sukan kita sampai 2020.

Yang kita kehendaki, yang kita inginkan pemimpin-pemimpin sukan di semua peringkat, presiden, timbalan presiden, naib presiden, setiausaha kehormat, semua berperanan, masing-masing cari, tidak bergantung di antara satu dengan lain. Apabila ini berlaku, presiden tidak berfungsi pun, dia [*petikjari*], angguk pun, jadi tukang angguk, ya bos, ya tuan. Jadi, inilah kelemahan-kelemahan yang kita hadapi.

Di pihak kementerian pula, peruntukan yang sedia ada ini harus dikaji, harus dirancang kerana kita sudah merdeka 45 tahun, menuju 46 tahun. Di peringkat daerah tidak ada prasarana ataupun mini kompleks sukan yang boleh menampung kehendak dan perkembangan anak-anak muda, anak-anak sukan itu sendiri. Kalau kita lihat China, walaupun dia suatu ketika blok komunis, kelas-kelas sukan untuk umur 4 hingga 6 tahun bertaburan di serata China itu.

Kenapa kita tidak di Malaysia, kita fokus satu, dua sukan yang mana para belia kita amat meminati sukan tersebut. Bukalah sekolah sukan untuk 4 tahun, 6 tahun ini supaya mereka belajar di situ, bersukan di situ dan boleh dimanfaatkan pelajar-pelajar ini dan mungkin kita akan boleh melahirkan atlet-atlet sukan yang begitu cemerlang, yang begitu komited dan tahu apa dia perlu lakukan.

Soal bola sepak, banyak sudah rakan-rakan menyentuh, ini telah menjadi buah mulut bukan sahaja di Dewan Parlimen ini, telah di *consent* oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, di kedai kopi, di kaki lima pun berbicara soal mutu bola sepak kita. Bayangkan, Malaysia dalam dunia globalisasi seumpama ini boleh 6-1, 6-2, apa punya persatuan pasukan ini.

Saya mintalah, sama ada siapa yang terkena saya tidak kira, yang penting bola sepak ini adalah satu industri sukan yang begitu popular di negara ini dan digemah oleh semua golongan masyarakat kita. Liga persatuan

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Larut dekat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Apa ini, pertandingan Liga Malaysia, adakah FAM telah mengkaji sejauh mana Liga Malaysia ini peningkatannya, saya tengok bukan meningkat bahkan mutu permainan dalam Liga Malaysia menurun, menurun, sehingga satu perlawanan 500 penonton, 1,000 penonton, paling ramai peringkat akhir, itu sahaja, selebihnya persatuan sukan malap dan gerhana seperti di Kelantan.

Jadrinilah kalau boieh FAM harus kaji masaiah yang berlaku ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini saya lihat ...

Seorang Ahli: FAM

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa dia sudah habis Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin:FAM tidak pernah pun turun ke daerah, negeri-negeri ini dengan kumpuan yang ramai melihat bagaimana industri bola sepak kita ini terlampau teruk. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini, ha.

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Berapa minit ini.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: 10 minit Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sudah seminggu saya tidak cakap ini. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa. Walaupun seminggu, masa 10 minit Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ha.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa 10 minit Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak ada. Boleh gulung sedikit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada, sudah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Nanti dahulu saya habis dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, nanti dahulu, dia hendak....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Duduk dahulu, duduk dahulu. Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi, begitulah kalau boleh harapan saya apa juga persatuan sukan komitedlah, komitmenlah dengan amanah yang telah diberikan. Pihak kementerian harus mencari kaedah ini, panggil semua presiden-presiden sukan ini buat satu dialog, buat satu rundingan, pendekatan yang baik untuk menentukan industri sukan kita mulai tahun 2003 ini cemerlang dan bergemerlapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk] [Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato'¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada, tidak ada.
12.25 tgh.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Ya, terima kasih. Saya tidak akan berucap panjang cuma pendek sahaja berkenaan satu perkara iaitu Butiran 020000 - Pembangunan Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, objektif kementerian ini adalah untuk membina satu masyarakat belia yang bersatu padu dan berdisiplin dan sebagainya dan saya ingin bertanya, apakah polisi atau program-program yang telah dirancang oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk menyemarakkan semangat patriotisme di kalangan belia. Saya dapati bahawa tiap-tiap tahun apabila kita sambut hari kemerdekaan, cara belia untuk meraikan hari ulang tahun itu adalah dengan cara yang nampaknya tidak begitu sihat di

mana mereka keluar dengan kumpulan yang besar di Melaka sehingga membuat kerosakan yang teruk kepada harta benda.

Setelah apa yang berlaku daripada tahun 1999, tahun 2000 dan juga tahun ini di Melaka dan nampaknya cara mereka meraikan hari itu ialah untuk mengibarkan bendera sahaja, dengan izin, *its seems to me that the only way they know how to show their patriotism is to wave the flag only*. Jadi, saya mintalah apakah rancangan spesifik, program spesifik yang boleh dirancangan oleh Kementerian Bella dan Sukan supaya mereka akan betul-betul faham apakah maksud kemerdekaan dan juga apakah maksud patriotisme.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberitahu Dewan bahawa saya gembiralah-semua Ahli Parlimen telah mendapat satu jemputan daripada Pejabat Ketua Pengarah Biro Tatanegara untuk menghadiri satu konvensyen atau kongres patriotisme negara pada 24 dan 26 Oktober tahun ini. Dan antara tujuannya ialah untuk menyemarakkan semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia amnya dan generasi muda khususnya.

Dan begitu banyak kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa terdapat polarisasi kaum di antara belia juga. Dan, saya rasa bukan sahaja rancangan atau program harus diadakan untuk mengadakan semua parti untuk membincangkan isu yang penting ini iaitu isu patriotisme dan apa yang mustahak juga kita haruslah mendapat satu *consensus* di antara semua parti politik berkenaan dengan isu polarisasi kaum di kalangan belia.

Tuan Pengerusi, apa yang mustahak ialah bahawa di Malaysia walaupun begitu banyak kali kita menekankan begitu pentingnya semangat patriotisme harus wujud di semua kalangan rakyat tetapi kadang-kadang definisi ini menjadi begitu kabur. Ada orang mengatakan bahawa kaum Cina, belia Cina tidak masuk ATM ataupun Angkatan Tentera Malaysia, itu adalah satu semangat yang kurang dalam patriotisme. Dan, saya rasa ini bukan definisi yang betul. Jadi, saya haraplah Kementerian Belia dan Sukan boleh betul-betul mengeluarkan satu definisi yang betul.

Seperti saya, saya menyokong saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita semua lawan ekstremis di negara ini, kita harus lawan *political fanaticism*, kita kena lawan *racial chauvinist*, kita kena lawan *religious fanatic* juga tetapi apakah definisi ekstremis ini. Kalau belia atau golongan NGO-NGO yang menentang dasar kerajaan juga dianggap *extremis group* maka saya rasa mesej mustahak yang ingin disampaikan itu tidak akan mendapat balasan atau sokongan yang sepadu.

Jadi, kita haruslah mengadakan satu deftnisi di mana semua, bukan sahaja mengikut semua *political party* tetapi semua rakyat boleh terima definisi yang *authoritative*.

Jadi, saya berharap kongres patriotisme negara yang akan diadakan pada 24 hingga 26 Oktober tahun ini di mana saya dapati dekat 250 peserta telah dijemput termasuk semua ketua menteri, semua menteri besar dan semua ahli Parlimen akan berjaya dan dapat menghasilkan satu dasar atau cadangan yang baik untuk menyemarakkan semangat patriotisme di kalangan rakyat terutama generasi muda.

ttu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Larutdahulu.
12.31 tgh. -T

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut mengambil bahagian dalam B.17, Kementerian Belia dan Sukan di bawah Butiran 020100, 020200, 020600, 020700 dan 050600 yang membabitkan belanja yang dianggarkan lebih RM700 juta termasuk pembangunan RM423juta.

Pertama sekali, saya sebagai salah seorang yang terbabit dalam badan sukan di peringkat kebangsaan mengaiu-alukan kritikan-kritikan dan cadangan. Tetapi janganlah ibarat 'melontar batu sembunyi tangan', tidak *gentleman*.

Saya memuji sikap Menteri Belia dan Sukan. *[Disampuk]* Sayangnya dia tidak ada dalam Dewan ini yang boleh menerima teguran dan kritikan tetapi tidak seperti yang lainnya termasuk Timbalan Menteri Belia dan Sukan yang melenting bila ditegur *[Tepuk]* secara hakikatnya. Kalau kita benar-benar ikhlas ingin membangunkan, turun ke padang. Semalam saya turun ke padang, saya masuk kampung untuk melihat satu pertandingan liga yang dianjurkan di peringkat kampung.

Jadi, saya ingin menafikan kelantangan sahabat saya dari Kinbatangan. Saya ambil contoh dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia, tidak benar. Kalau ahli-ahli majlis Persatuan Bola Sepak Malaysia, sebagai contoh mengatakan ahli-ahli majlis Persatuan Bola Sepak berhubung kait dengan *yes man*'adalah tidak benar. Presiden kami seperti juga pemimpin yang lain, terbuka. Cuma masalahnya apabila ada mesyuarat, mereka ini membisu, tidak mahu mengeluarkan pandangan-pandangan secara ikhlas dan mereka lebih mengharapkan cadangan mereka itu terus diterima. Inilah yang menjadi masalah.

Jadi, saya berharap Persatuan Bola Sepak Malaysia sentiasa mengalu-alukan teguran dan kami juga ingin menegur kepada mereka yang salah membuat teguran. Sebab itu saya ingin mengulangi di sini, ttdak ada kotornya tangan kalau kita turun ke padang sebagai untuk memberi motivasi. Kalau Menteri turun, Timbalan Menteri turun, terutama di kawasan. Saya cukup mengalu-alukan, memberi satu semangat dan perangsang. Tetapi kalau kita *final* Piala Malaysia pun, kita bagi jemputan tidak datang, orang lain bertanya. Ini yang menjadi masalah kalau pertandingan yang sebegitu pun kita tidak berikan perhatian, saya pernah bertanya di Dewan yang mutia ini. Saya ambil contoh final Piala Malaysia 1998 sehingga tahun lalu, tidak ada. Ini hakikat.

Grand finale, dengan izin, Tuan Pengerusi, semasa Perak lawan Terengganu itu, saya rasa Sangga sewaktu saya menghadiri satu *conference* di Zurich, FIFA. Pasukan Argentina terkejut bagaimana stadium di Bukit Jalil yang boleh memuatkan seramai 100,000 orang, sewaktu Perak mengalahkan Terengganu dalam pertandingan akhir. Satu kebanggaan. Jadi, kita kena terima. Orang tegur saya pun, saya terima. Apa salahnya untuk membina.

Saya juga ingin menegur untuk kebaikan kita. Pertama sekali, saya ingin bertanya Kementerian Belia dan Sukan, Perdana Menteri sendiri telah menyatakan RM200 juta yang diperuntukkan untuk memberangsangkan lag! kemajuan sukan negara kita.

Sebelum itu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, ketua kontinjen yang terpaksa bergelumang di Busan untuk menaikkan jalur gemilang. Sehingga semalam mendapat 6 pingat emas. Kita rakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada kontinjen Malaysia.

Begitu juga saya ingin bertanya tentang tiga pemain sepak takraw yang dikatakan telah mencemar nama baik negara kita dengan pengambilan dadah. Ingin saya bertanya kepada pihak yang berkenaan, kenapa perkara ini dihebah-hebahkan, sedangkan mereka ini boleh dibawa balik secara senyap-senyap. Lupakah kita, wartawan yang berada di Busan beribu orang. Tidak rugi kalau secara senyap-senyap kita bawa mereka balik ke negara kita. Kenapa kita ingin mendedahkan perkara itu kerana kita belum tahu lagi, apakah mereka ini benar-benar mengambil dadah. Bukan bermakna saya menyokong pengambilan dadah. Dalam bola sepak pun, setiap kali ada pertandingan bola sepak, kita akan adakan pemeriksaan ke atas pemain-pemain, ujian air kencing. Dan kita tidak kompromi dalam hal ini.

Saya berpendapat agak merugikan mereka ini yang telah diketahui menjalani ujian pemeriksaan tetapi masih berada di dalam kontinjen Malaysia di Busan. Katakanlah mereka ini menang pingat emas, sudah tentu pingat tersebut akan ditarik balik dan ini akan lebih memalukan dan mengaibkan lagi nama negara kita. Jadi, saya berharap, jadikan iktibar kerana kos perbelanjaan yang membabitkan rombongan kita ke sana itu besar dan kita di dalam Parlimen ini juga yang meluluskan.

Maka sebab itu saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, ke mana perginya peruntukan Kementerian Belia dan Sukan kepada persatuan-persatuan belia di daerah-daerah yang terpaksa ibarat 'meminta sedekah' kepada pemimpin-pemimpin termasuk kami wakil rakyat, dan yang lebih malang lagi selepas mereka ini memohon peruntukan, jemputan pun tidak dihantar.

Di kawasan saya baru-baru ini, diadakan satu majlis perjumpaan, Majlis Belia Daerah. Muka pegawai yang berkenaan pun tidak nampak. Saya minta diambil perhatian kerana macam yang saya katakan tadi, ini perlu supaya koordinasi di antara kementerian dan juga pertubuhan-pertubuhan belia dapat dipertingkatkan lagi.

Sebab itulah saya pernah mencadangkan tujuan badan-badan sukan ini ditarik keluar daripada Akta Pertubuhan dan diletakkan di bawah Pesuruhjaya Sukan adalah semata-mata untuk membantu, memberi nasihat dan memberi panduan kepada badan-badan sukan kerana kita tahu badan-badan sukan terutamanya, tidak mampu untuk menjalankan kegiatan hingga menyebabkan mereka kadang-kadang gagal mengadakan mereka agung dan kalau mereka ini diletakkan macam dahulu di bawah Akta Pertubuhan, sudah tentulah dengan izin, Tuan Pengerusi, mereka ini direg/ster.

Bayangkan kalau mana-mana pertubuhan direg/sfer, ia akan membabitkan dan memberi risiko yang tinggi kepada pemegang-pemegang jawatan. Jadi, kenapa sehingga ke hari ini, saya sendiri telah bangun membangkitkan beberapa kali, badan-badan belia juga tidak diletakkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan kerana badan-badan ini juga di bawah satu kementerian yang sama.

Jadi, saya berharap kepada Kementerian Belia dan Sukan supaya mengambil berat perkara ini, tentang peruntukan yang diagih-agihkan. Yang dapat - dapat, yang tidak dapat langsung - tidak dapat langsung. Macam kami wakil rakyat yang mampu, macam Yang Berhormat bagi Pokok Sena, setakat bagi jersi, bolehlah. Itu belum bagi menanggung kos mengadakan liga, pertandingan. Ini kita kena lihat.

Kita tidak menafikan kementerian juga ada membantu tetapi cara peruntukan ini disalurkan, Majlis Sukan Negeri. Kita kena faham mereka yang memegang jawatan

dalam badan-badan sukan ini atau badan-badan belia adalah merupakan jawatan sukarela, minat. Bayangkan kalau dihentak mereka semua ini, semua cabut lari, siapa yang memegang jawatan ini. Bukannya semua profesional.

Okey kalau Kementerian Belia dan Sukan merasakan hendak menjadikan profesional semuanya, dibayar gaji tetapi berapa ramai yang boleh dibiayai.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat cukup.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penghujungnya saya juga meminta kepada Kementerian Belia dan Sukan di dalam kita ghairah untuk mendapatkan hak penganjuran Sukan Olimpik, buatlah betul-betul. Gunakanlah apa juga badan-badan sukan yang lain yang boleh untuk sama-sama membantu berkempen kerana saya yakin perkara ini boleh kita dapat dan boleh kita perolehi sebagaimana yang telah dilakukan oleh bekas Menteri Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Annuar Musa sewaktu mendapatkan penganjuran Sukan Komanwel di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat cukup.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Dengan itu, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Sri Aman dahulu.

12.41. tgh.

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada Butiran 020000 tentang Belia dan Sukan.

Saya yakin, Tuan Pengerusi, pegawai-pegawai kita di Kementerian Belia dan Sukan ini adalah orang yang berkelayakan, orang yang telah terdedah kepada macam-macam cara penyelidikan dan membuat perancangan. Tetapi untuk orang yang di bawah seperti saya, melihat dari pedalaman, macam tidak ada perancangan dari Kementerian Belia dan Sukan.

Yang kita nampak adalah semua ini dari bawah ke atas. Jadi, kalaulah orang di bawah mengenali orang yang di atas, ada peruntukan, ada aktiviti tetapi aktiviti kadang-kadang kita mengatakan *bottom up strategy* adalah baik, tetapi kita juga memerlukan idea-idea daripada pegawai kanan kita dan pegawai atasan kita yang telah mempelajari dan yang telah menyelidiki macam mana negara-negara yang lain dapat menguatkan aktiviti sukan dan aktiviti belia mereka.

Tuan Pengerusi, saya ini datang dari kaum bumiputera minoriti dan pola penduduk di Sarawak, di pekan - kaum Cina, di luar pekan - kaum Melayu dan di pedalaman - kaum bumiputera minoriti. Jadi, apabila ada apa-apa bantuan, apa-apa aktiviti dan apa-apa pemilihan, kita nampak ombak ini tidak sampai ke pedalaman tetapi apabila ada pilihan raya, orang yang memang setia kepada Barisan Nasional, yang dapat *deliver seat* laU orang dari pedalaman ini.

Jadi, saya harap kita buat perancangan supaya yang menjadi isu bukan siapa yang *not who you know but what you know*, dengan izin. Jadi, kita harap apa-apa aktiviti, pertolongan dan bantuan bersama sampai ke pedalaman. Kita juga nampak kadang-kadang badan sukan ini apabila mereka telah membuat ketetapan tetapi kadang-kadang ketetapan itu diupayakan dan macam-macam pendirian mereka dapat diketepikan. kadang-kadang kita melihat pun agak aneh juga.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya minta kementerian memikirkan macam mana kita boleh membantu Ahli-ahli Yang Berhormat kita untuk membantu kementerian menegakkan tahap kesukanan di negara kita ini dan juga membantu belia kita. Oleh kerana setiap Ahli Yang Berhormat kita memang menggunakan wang yang berpuluh ribu ringgit setiap tahun untuk membantu golongan belia dan kelab-kelab untuk menjalankan aktiviti itu dan ini. Mungkin boleh difikirkan memberi setiap Ahli Yang Berhormat RM20.000 peruntukan setiap tahun oleh kerana saya rasa tidak kurang daripada RM20,000 yang kita gunakan untuk membantu belia dan sukan serta kelab-kelab di pedalaman. Mungkin kita salurkan kepada Ahli Yang Berhormat daripada kerajaan sahaja, ini terpulang kepada kebijaksanaan kementerian.

Yang seterusnya, saya balik kepada *favorite topic* kawan saya Yang Berhormat bagi Larut tadi tentang bola sepak. Saya harap, lebih banyak lagi liga-liga kecil, liga-liga kampung dapat dijalankan supaya kita dapat mencari talen yang ada, bakat-bakat yang ada di kampung. Pada suatu ketika dahulu, kita melihat liga bola sepak di antara negeri di Malaysia ini sungguh hebat, kita ada pemain import. Sekarang tidak ada pemain import, kita nampak *attendance* di stadium-stadium kita pun jatuh menjunam. Jadi, liga ini merugikan semua hinggalah ada *football association* yang tidak dapat membayar gaji pemain-pemain mereka dan saya haraplah kementerian dapat berbincang dengan orang seperti kawan saya, Yang Berhormat bagi Larut.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya nampak aktiviti-aktiviti sukan dan belia ini juga banyak melibatkan murid-murid sekolah. Dapatkah Kementerian Belia dan Sukan mengolah satu polisi di mana bukan sahaja murid-murid dari sekolah yang terlibat tetapi

juga orang yang tidak bersekolah lagi ataupun murid-murid yang sudah tercicir dari sekolah mereka. Kalaulah melibatkan murid-murid sekolah, dapatkah kementerian mencari cara untuk membantu sekolah-sekolah yang tidak cukup sumber kewangan untuk membantu murid-murid yang di bawah jagaan mereka tetapi digunakan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti belia dan juga aktiviti-aktiviti sukan. Sekian sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]; Pokok Sena.

12.47 tgh.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020200 - Pembangunan Sukan. Semua telah pun disebut tadi tentang persoalan tidak gembiranya kita tentang mutu sukan negara kita khususnya kepada sukan-sukan yang popular seperti bola sepak, badminton dan sukan-sukan yang kita kuasai dahulu seperti hoki, sepak takraw dan sebagainya yang memerlukan kepada pemerhatian serius oleh kerajaan, Kementerian Belia dan Sukan.

Saya hendak lihat sedikit kepada perkembangan masa dahulu. Dahulu, kalau kita lihat bahawa bola sepak antara kita dengan Jepun dan Korea, kita boleh *beat* mereka, kita boleh atasi mereka. Mereka datang ke Piala Merdeka dahulu, kita boleh buli mereka tetapi hari ini, sudah berlaku sebaliknya. Begitu juga dengan permainan sepak raga, sepak takraw. Yang saya malu sekalinya di Sukan Asia. Bukan soal isu tiga orang yang terlibat dengan dadah tetapi kerana kekalahan kita dalam sepak raga timbang, sepak raga bilang, sepak raga bulat ini sedangkan permainan ini dimainkan oleh masyarakat Malaysia, orang Melayu ini sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi sehingga menimbulkan kemurkaan kepada Sultan pada waktu itu. Kita main dulu. Orang Korea pun tidak pernah main tiba-tiba johan Korea baru-baru ini. Ini satu benda yang memalukan.

Kita main sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, kita kuasai permainan ini tiba-tiba johan di Sukan Asia ini ialah Korea. Ini, saya kira bahawa Kementerian Belia dan Sukan seharusnya memberikan perhatian. Begitu juga dengan badminton kita lihat. Di waktu kita menyertai All England, Piala Thomas suatu ketika dahulu, saya rasa mungkin pada waktu itu, Korea tidak sertai dan mungkin Korea pun belum pandai main badminton lagi. Waktu Abdullah Fairus kemudian Tan Yee Kang', Tan Ah Bong', Tan Ah Kwang', 'Ang Bong Bee', Punch Gunalan, Abdul Rahman Mohammad dan sebagainya, pada waktu itu, kita sudah pun menguasai sukan ini tetapi, hari ini bukan sahaja Korea turut menguasai, jurulatih beregu Malaysia ialah Korea. Ini menunjukkan

bagaimana berlakunya kemerosotan kepada mutu sukan kita khususnya kepada badminton dan berlaku satu lonjakan penguasaan di bidang sukan oleh negara-negara yang dahulunya ketinggalan jauh daripada kita.

Jadi oleh sebab itu, bagi saya bahawa satu penelitian dan pengkajian harus dibuat. Bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi bagi saya bahawa, Dasar Pandang Ke Timur ini bukan sahaja untuk kita melihat pengalaman Korea untuk keluar daripada kemelut, daripada krisis ekonomi seperti yang dicadangkan oleh satu pasukan petugas daripada MTEN tetapi Kementerian Belia dan Sukan juga harus melihat bagaimana suatu pengkajian untuk melihat bukan sahaja *skill* permainan. Hari ini, kita mengambil jurulatih-jurulatih daripada luar ini untuk lebih kepada *skill* permainan, cara dan kaedah permainan.^ Tetapi, kita harus melihat bagaimana Korea dan Jepun dalam dasar pembangunan sukan sehingga boleh memacu satu pencapaian sukan yang lebih baik daripada kita sedangkan suatu ketika dahulu, kita yang menguasai dan mengatasi mereka.

Jadi, saya lihat bahawa ini harus diambil kajian yang lebih teliti. Tidak cukup kita ambil jurulatih datang ke sini tetapi kita tidak mengambil soal bagaimana mereka membangunkan industri sukan, sektor sukan dalam negara mereka. Tidak cukup kita mengambil teknologi-teknologi yang lain, teknologi daripada Korea kerana mereka maju dalam soal sains dan teknologi dan sebagainya, tetapi dalam sukan, kita tidak belajar daripada mereka bagaimana mereka boleh maju dalam bidang sukan. Jadi, ini yang saya harapkan daripada pihak kerajaan.

Kemudian juga, berkaitan dengan soal kerjasama seperti yang pernah saya sebut dahulu dengan Kementerian Pendidikan. Ini perlu dibuat secara yang serius sebab kalau dahulu kita lihat, di sekolah melahirkan pemain-pemain yang baik, bintang-bintang di peringkat sekolah yang saya kira baik pada waktu itu. Ini kerana disebabkan bahawa pada waktu itu, suatu ketika dahulu, sekolah-sekolah ini, kebanyakan sekolah memberi fokus kepada satu, dua sukan untuk mereka kuasai.

Masa sekolah dahulu, kalau di Kedah, Kolej Sultan Abdul Hamid ia terkenal dengan bola sepak, kalau Sekolah Menengah Tengku Abdul Malek, ia terkenal dengan sepak takraw. Ada sekolah-sekolah yang lain, terkenal dengan raga ataupun ragbinya. Maknanya, ia memberikan fokus, tumpuan kepada satu-satu bidang, tidak kepada semua walaupun semua jenis permainan diaktifkan di sekolah tetapi fokus kepada satu-satu bidang sukan itu, telah memberikan kejayaan untuk melahirkan bintang-bintang

sukan yang baik di peringkat sekoiah ataupun di peringkat Majlis Sukan Sekolah-Sekolah pada waktu itu.

Jadi, saya kira bahawa inilah juga yang harus dimainkan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk mengembalikan fokus dan tumpuan. Tidak cukup sekadar kita melahirkan sekolah-sekolah sukan semata-mata tetapi sekolah-sekolah yang sedia ada ini juga harus dibenkan tumpuan. Hari ini, kita lihat sekolah-sekolah, semua jenis sukan pun dia hendak main, yang menyebabkan akhirnya tidak ada satu yang kita lihat yang mempunyai mutu yang baik daripada sudut melahirkan bintang-bintang ataupun pasukan-pasukan sukan yang baik dalam negara kita. Jadi oleh sebab itu, bagi saya bahawa soal penjurusan ini harus diambil kira. Kementerian Pendidikan juga harus diberikan tngatan supaya jangan hanya meletakkan pembangunan bola sepak, pemantauan, penguasaan bola sepak ini hanya kepada FAM.

Ini, saya lihat bahawa Majlis Sukan Sekolah-Sekolah sendiri pun memberikan hak pengendalian kepada FAM untuk mengendalikan sukan bola sepak, kalau tidak silap saya 16 tahun ke atas. Ia kebanyakannya dikendalikan oleh FAM, tidak dikendalikan secara langsung walaupun ia di bawah Majlis Sukan Sekolah-Sekolah tetapi sebahagian besarnya pengendalian itu dibuat oleh FAM. Jadi sepatutnya, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah ini seharusnya, kerjasama boleh, tetapi bukan menyerahkan sepenuhnya kepada FAM semata-mata tetapi harus diambil tanggungjawab untuk melahirkan bintang-bintang bola sepak di negara kita ini.

Ini, yang saya harap daripada pihak kerajaan untuk melihat persoalan-persoalan ini di samping mengatasi dan menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan soalan persatuan-persatuan sukan yang kadang-kadang timbul krisis dan sebagainya yang bagi saya, bahawa sangat memalukan.

Yang keduanya ialah Butiran 020300 - Pembangunan Belia dalam negara kita. Saya melihat bahawa soal pembangunan belia ini, Kementerian Belia dan Sukan ini lebih glamor kepada sukanlah. Lebih glamor kepada sukan, orang nampak dalam media dan sebagainya, glamor dalam sukan tetapi tidak nampak glamor dengan pembangunan belia. Walaupun saya tidak menafikan ada program-program pembangunan belia telah dibuat tetapi tidak menampakkan suatu kejayaan yang besar dalam melahirkan masyarakat belia dalam negara kita ini sebagai masyarakat yang mempunyai identiti, yang mempunyai keterampilan yang baik, yang tinggi dalam kehidupan masyarakat kita. Sebab itu, kita masih lagi berlegar masalah moral belia, masalah moral yang juga lahir daripada kesan penganggurannya, kemudian masalah

belia pekerja kiiangnya, masalah belia menganggur, masalah belia desanya yang masih belum dapat digembleng, dijanakan untuk melahirkan masyarakat belia yang mempunyai identiti, yang mempunyai kekuatan sebaliknya, masyarakat belia sering dieksploitasi oleh kepentingan-kepentingan politik.

Lima tahun sekali, pameranlah golongan belia. Inilah maknanya, golongan belia untuk majlis-majlis perhimpunan bersama dengan pemimpin, itu sahaja tetapi dalam hendak melahirkan mereka sebagai golongan belia yang mempunyai kemampuan, daya ketahanan, keupayaan diri mereka untuk berdikari agak kurang bagi saya. Tidaklah saya hendak tuduh kata, tidak ada buat tetapi kurang diberikan tumpuan dalam hendak melahirkan masyarakat belia berdikari. Sebab itu, Program Belia Berdikari ini perlu dijanakan kembali, perlu diatur, perlu dibuat satu Program Belia Berdikari ini. Program Gerakan Belia Berdikari ini perlu dilahirkan dalam masyarakat kita supaya ia mempunyai satu kemampuan dan keupayaan, dan tidak bergantung walaupun datang krisis ekonomi macam mana pun, dia mampu menghadapi situasi, suasana dan keadaan. Ini juga harus berlarutan daripada Kementerian Pendidikan. Rakan saya Yang terhormat bagi Sungai Petani, Setiausaha Parlimen ini boleh dibuat.

Begitu juga dengan belia pekerja kilang. Ini harus diambil kesempatan masyarakat belia yang banyak di kalangan pekerja-pekerja kilang iaitu untuk melahirkan mereka ini melalui program-program pembinaan, membina daripada apa yang mereka ada, bermula daripada apa yang mereka tahu.

Kita tidak boleh kadang-kadang daripada atas ke bawah tetapi kita tidak melihat apa-apa permasalahan daripada bawah. Sebab itu, Kementerian Belia dan Sukan harus mengatur program-program yang boleh mengenal pasti apa-apa permasalahan mereka, maka kita dapat menjalinkan dan melakukan program-program yang lebih bersifat membina daripada apa yang mereka ada bermula daripada apa yang mereka tahu. Kadang-kadang yang mereka tidak tahu, kita pergi beritahu mereka pun, pening kepala depa. Kadang-kadang perkara yang kita beritahu pun, dia tidak tahu macam Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan. Kadang-kadang dia beritahu, dia pun tidak tahu apa kepala ekor...

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak masuk Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, begitu juga dengan soal beiiia-belia desa, belia pelajar dan sebagainya.

Akhir sekali Tuan Pengerusi ialah pembangunan belia dalam konteks hubungan belia antarabangsa. Hubungan belia antarabangsa ini harus ditingkatkan, bukan sekadar untuk menghantar belia iaitu dua hala antara belia kita negara luar, belia negara luar untuk datang ke negara kita kecuali jangan bawa belia dari Israellah. Tetapi persoalannya yang timbul hari ini ialah sejauh mana kita dapat membina masyarakat belia di luar negara dan juga belia dalam negara kita terhadap jaminan perlindungan kepada masyarakat belia. Sebab bagi saya, bahawa isu penyerahan Ahmad Ibrahim Bilal kepada Amerika Syarikat ini telah menghilangkan satu keyakinan masyarakat belia antarabangsa dan juga belia Malaysia terhadap jaminan perlindungan apabila mereka berada di Malaysia.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:Khususnya kepada belia-belia Islam di negara luar.

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat, sudah cukup dah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, saya hendak gulung. Seolah-olahnya, bila mereka rasa dengan penyerahan Kerajaan Malaysia, Ahmad Bilal Ibrahim ini kepada Amerika, seolah-olah mereka menganggap bahawa, kami tidak berani datang ke Malaysia, nanti datang, kalau Amerika isytihar kata kami ini terlibat dengan apa-apa kegiatan *terrorist*, maka Malaysia akan menyerah mereka. Belia Malaysia juga merasai bahawa kita semua ini, belia Malaysia ini, terasa bahawa terancam dan tidak menjamin satu perlindungan kerana peristiwa ini mendedahkan bagaimana lemahnya sektor keselamatan dalam negara kita, pertahanan dalam negara kita sehingga dibolosi oleh pemimpin-pemimpin FBI, CIA terhadap negara kita.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...Sehingga mereka tahu bahawa Ahmad Bilal Ibrahim itu ada di sini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jadi, inilah saya kecewa, saya kesai dengan tindakan.....

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...Yang diakukan oleh kerajaan, menghantar dan menyerahkan Ahmad Bilal Ibrahim untuk 'disembelih' oleh Kerajaan Amerika. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Saya bagi Serdang. 12.59 tgh.

Dato* Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh tentang Butiran 020400 - Peiaksanaan Rakan Muda.

Tuan Pengerusi, sepanjang masa pihak Kementerian Belia dan Sukan telah melancarkan program dan aktiviti-aktiviti Rakan Muda pada beberapa tahun dahulu, pada ketika itu begitu hebat, begitu baik untuk mengaturkan pelbagai aktiviti dan program untuk generasi muda di kalangan masyarakat kita ini. Tetapi, sehingga kini saya nampak program, aktiviti-aktiviti Rakan Muda yang dianjurkan oleh pihak kementerian atau Pejabat Belia dan Sukan peringkat daerah dan negeri tidak begitu memuaskan...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, boleh sambung petang ini?

Dato¹ Yap Pian Hon: Baiklah.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Sembilan minit lagi sebelah petang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hah.

Mesyuarat disambung semulajam 2.30 petang

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

2.30 ptg

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mesyuarat dalam jawatankuasa. Yang Berhormat dari kawasan Serdang sila sambung ucapan.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, objektif dan matlamat program Rakan Muda yang dilancarkan kerajaan pada ketika itu, semata-mata untuk membanteraskan masalah sosial yang terdapat di kalangan masyarakat generasi muda. Oleh itu program ini begitu baik untuk memberi satu galakan dan perangsangan kepada generasi muda tetapi oleh kerana mungkin selepas beberapa tahun ini terdapat bahawa program ini tidak longgar sedikit dan tidak tersusun dengan baik.

Misalannya saya membangkitkan perkara ini peserta dalam program Rakan Muda pada tahun 2001 terdapat 320,600 pemuda yang mengambil bahagian. Dalam tahun 2002 dianggarkan sampai 316,000 ertinya dengan bilangan yang begitu kecil ini tidak membayangkan bilangan generasi muda yang terdapat di negara kita.

Maka itu, sebab itu apa sebab program ini tidak dapat lagi menarik lebih ramai lagi generasi muda untuk menyertai terutamanya sekali kepada masyarakat, generasi muda dari masyarakat India dan China yang saya dapati bahawa dan macam saya saksikan bahawa kekurangan generasi muda daripada masyarakat India dan Cina untuk menyertai program ini, apakah sebabnya berlaku demikian.

Adakah pihak kementerian telah mengkaji terhadap kelemahannya berlaku di situ adakarsama sikap yang seperti di bidang yang lain. Kalau generasi muda daripada sebilangan besar daripada masyarakat Cina, generasi muda Cina dan India tidak menyertai program mungkin akan menjejaskan program yang begitu baik untuk masa depan generasinya.

Dengan demikian saya harap kelemahan-kelemahan dan teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional terhadap program ini hendaklah memberikan satu pandangan serius supaya untuk mendapat tahu apa akan terjadi berlaku pada masa akan datang.

Jadi pihak kementerian untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini selepas ini, apa program yang lebih rapat lagi untuk diberikan kepada generasi muda tadi yang berbagai kaum untuk dapat menyertai dalam program ini untuk mendapat mencapai persefahaman dalam aktiviti-aktiviti tersebut.

Tuan Pengerusi, saya minta pandangan daripada pihak kementerian, oleh kerana masalah sosial begitu teruk yang dilanda di dalam masyarakat kita ini terutama sekali generasi muda sama ada sampai setakat ini, sama ada, adakah generasi muda yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti KMM (Kumpulan Militan Malaysia) ini, sama ada terdapat, adakah kenal pasti, sama ada generasi muda telah mengikuti kempen, mengikuti aktiviti-aktiviti haram ini yang dibimbing oleh segelintir rakyat di dalam KMM ini.

Saya merasa bimbang dan khuatir kalau generasi muda telah dipengaruhi aktiviti akan memberilah satu masalah teruk kepada masyarakat kita. Itu sebablah minta pandangan daripada pihak kementerian dan sama ada boleh, oleh kerana untuk menarik generasi muda daripada masyarakat Cina dan India itu bolehkah kementerian boleh menimbangkan untuk menambah kakitangan atau pembantu-pembantu luar

daripada masyarakat Cina untuk menarik ramai lagi generasi muda tadi ini, untuk menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh kementerian itu.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya rasa, saya sependapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman, bahawa boleh dipertimbangkan oleh kementerian untuk memberi peruntukan khas kepada wakil-wakil rakyat Barisan Nasional untuk menentukan program-program kawasan yang lebih berkesan sebab seperti kementerian-kementerian lain berilah peruntukan khas atau rancangan-rancangan tertentu di kawasan-kawasan masing yang lebih berkesan untuk menarik ramai lagi pemuda-pemuda di kawasan tersebut. Kalau boleh ini adalah satu akan memberi satu manfaat kepada generasi muda di kawasan Parlimen yang diwakili oleh Barisan Nasional yang sepanjang masa di sokong oleh rakyat di situ.

Tuan Pengerusi, saya hendak membangkitkan satu perkara iaitu saya difahamkan pihak kementerian telah berhasrat untuk membeli, memohon satu tanah kerajaan di atas Lot. 5288 Batu 12 Puchong seluas 5 ekar sebagai pusat Rakan Muda daerah Petaling di kawasan saya ini. Saya dimaklumkan bahawa permohonan telah lama dan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelapan telah diuntukkan untuk mewujudkan pusat Rakan Muda Daerah Petaling di atas tapak yang diminta itu. Tapi beberapa tahun, tiga tahun sudah, tiga tahun masih belum ada hasil.

Saya memang mengalu-alukan kedatangan pihak kementerian untuk mewujudkan Pusat Rakan Muda di kawasan Puchong kerana kawasan Puchong merupakan satu kawasan yang berbilang bangsa generasi muda yang begitu ramai dan juga oleh kerana kes aniaya begitu juga teruk di kawasan itu, maka saya harap bolehkah pihak kementerian untuk mempercepatkan projek pusat Rakan Muda Daerah Petaling yang akan diwujudkan di kawasan Puchong ini, apakah sebab lambat?

Mungkin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kerana adalah penting untuk memberi satu perangsang, satu nafas baru kepada generasi muda di kawasan Puchong. Maka dengan yang demikian saya menyokong anggaran yang dibentangkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila Yang Berhormat bagi Tanjong.

2.39 ptg

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 050500 - Penganjuran Sukan Antarabangsa. Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kementerian terhadap satu komentar di

sebuah akhbar tempatan baru-baru ini mengenai satu sukan antarabangsa yang dianjurkan oleh Malaysia iaitu Sukan Komanwel pada tahun 1998.

Apa yang disoal-soalkan adalah mengapa selepas empat tahun Kuala Lumpur menganjurkan Sukan Komanwel akaun atau penyata kewangannya masih belum diumumkan manakala Manchester di United Kingdom yang menganjurkan Sukan Komanwel baru-baru ini telah menyiapkan penyata kewangan dalam masa dua bulan selepas sukan itu tamat. Manchester sedang merancang untuk memulangkan 9 juta paun ataupun kira-kira RM50 juta kepada para penganjur kerana penjualan tiket telah mencapai tahap yang luar jangkaan.

Sementara itu Kuala Lumpur masih mencari-cari jalan untuk memperakaunkan geran sebanyak RM10 juta yang diberikan kepadanya. Sementara Majlis Bandaraya Manchester boleh mendapat keuntungan sebanyak 3 juta paun dan tanggungan kerajaan Britain ke atas Sukan Komanwel 2002 telah diringankan sebanyak 2 juta paun, Kuala Lumpur tidak terima apa-apa. Badan-badan sukan di Britain juga menerima manfaat sebanyak 4 juta paun sebaliknya Majlis Olimpik Malaysia masih tidak dapat memperakaunkan bagaimana wang rakyat digunakan dalam Sukan Komanwel tahun 1998.

Tuan Pengerusi jika apa yang dibongkar dalam komentar akhbar ini benar, pihak penganjur telah tidak hiraukan langsung prinsip ketelusan dan akauntabiliti. Kementerian diminta menjelaskan apa terjadi dengan Sukom Ninety Eight Sendirian Berhad. Syarikat yang ditubuhkan untuk menganjurkan Sukan Komanwel Kuala Lumpur. Adakah syarikat ini *insolvent* dan mengapa selepas empat tahun syarikat ini masih belum dapat menunaikan tanggungjawabnya untuk membuat kenyataan kewangan Sukan Komanwel. Adakah tindakan telah diambil oleh Sukom Ninety Eight Berhad untuk menyelesaikan pertikaiannya dengan satu vendor tiket. Adakah tindakan diambil untuk memungut wang dari pelbagai pihak penganjur yang dijanjikan kepada SUKOM.

Saya ingin tahu apakah peranan yang dimainkan oleh kementerian dalam perkara ini dan bilakah penyata kewangan akan disiapkan.

Tuan Pengerusi, sebanyak RM1 juta diperuntukkan untuk penganjuran sukan antarabangsa dalam Belanjawan 2003 ini. Saya ingin tahu apakah sukan antarabangsa yang ingin dianjurkan oleh kementerian dan sama ada pihak swasta akan memainkan peranan dalam penganjuran sukan antarabangsa ini.

Saya juga ini menyentuh tentang Butiran 020200 - Pembangunan Sukan. Saya ingin membangkitkan Tuan Pengerusi, satu isu iaitu mengenai Sukma (Sukan Malaysia) dan ingin menyoalkan sama ada Sukma telah mencapai matlamat asalnya. Khususnya saya ingin menyoalkan mengapa Sukma ini telah membenarkan atlet-atlet atau pemain-pemain yang telah mencapai prestasi dan kedudukan dunia ataupun peringkat Asia untuk mengambil bahagian dalam Sukma yang pada asalnya bertujuan untuk mencungkilkan bakat-bakat baru supaya dapat menyediakan bakat-bakat baru ini mengambil bahagian dalam sukan antarabangsa.

Misalnya Tuan Pengerusi, mengapa pemain-pemain squash seperti Nicol David dan Ong Beng He yang telah pun mencapai taraf juara dunia dan peringkat Asia pun masih dibenarkan mengambil bahagian dalam Sukma pada tahun ini semata-mata membolehkan negeri-negeri yang mereka wakili mencapai kedudukan yang lebih baik melalui kemenangan-kemenangan pemain-pemain yang bertaraf antarabangsa sedangkan Sukma adalah untuk peserta-peserta yang bawah 23 tahun dan juga sepatutnya tidak pernah mencapai taraf antarabangsa supaya bakat-bakat baru ataupun peserta-peserta yang tidak pernah mencapai prestasi yang baik dalam peringkat antarabangsa, bakat-bakat baru dapat memenangi Sukma dan juga diberi perhatian ataupun sokongan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk dipimpin ataupun dilatih menyertai sukan-sukan antarabangsa yang lebih tinggi.

Saya ingin melihat kementerian membuat penilaian semula supaya menjamin matlamat Sukma dapat dicapai bagi membangunkan mutu sukan negara dan saya berharap mulai Sukma yang akan datang, pemain-pemain dalam kategori ini tidak akan diberi peluang untuk mengambil bahagian supaya pemain-pemain ataupun bakat-bakat baru tidak disekat peluang untuk menonjol dalam sukan Sukma ini.

Akhirnya, saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pasukan Malaysia kerana telah mendapat enam pingat emas, sekurang-kurangnya sudah menewaskan sebuah negara jiran di selatan Johor yang kita selalu tidak senang hati dengan pencapaian mereka. Saya juga merasa tidak puas hati membaca satu kenyataan daripada seorang pegawai tinggi dari Majlis Sukan Negara di peringkat pertengahan Sukan Asia, apabila Malaysia cuma dapat memenangi tiga pingat emas.

Dia berkata, pasukan Malaysia di Busan, Korea ini sekurang-kurangnya mesti menang lebih dari lima pingat emas sebab pada masa itu Singapura sudah memenangi lima pingat emas. Dia kata, kita perlu walaupun tidak mencapai matlamat yang lain,

sekurang-kurangnya kita mesti tewaskan Singapura dalam pungutan pingat emas semata-mata untuk memuaskan hati Perdana Menteri kita.

Beberapa Ahli: Tidak begitu.

Tuan Chow Kon Yeow: Itu kenyataan beliau.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Sukan Air bagaimana, sukan air?

Tuan Chow Kon Yeow: Sukan Asia.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Air, acara air.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Chow Kon Yeow: Apa-apa pun lah. Saya rasa kenyataan ini sangat mengecewakan khususnya dikeluarkan oleh seorang Naib Ketua Majlis Sukan Negara semata-mata seiuruh pasukan negara.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Sri Gading.

Tuan Chow Kon Yeow: Seiuruh pasukan negara ingin menunjukkan satu prestasi semata-mata untuk memuaskan hati Perdana Menteri dan bukan atas semangat kesukanan ataupun atas semangat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukupiah.

Tuan Chow Kon Yeow: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukupiah.

Tuan Chow Kon Yeow: Masa sudah cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup dah masa tah.

Tuan Chow Kon Yeow: Cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, Kuala Terengganu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Sayajuga ingin.....

Tuan Chow Kon Yeow: Sudah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis, sudah habis.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Chow Kon Yeow: Ingat ada peluang kasi.....tak apalah saya gulung satu, dua ayat. Jadi saya berharap.....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Ketawa]* Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tak apa gulunglah. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hem.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia bagi peluang.

Tuan Chow Kon Yeow: Kementerian akan mengambil berat tentang beberapa isu yang saya bangkitkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Terengganu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya...er...

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti Yang Berhormat boleh berucap.

DF. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya juga ingin membincangkan sedikit di bawah 020000 Pembangunan Belia dan Sukan dan juga di bawah 020000 di bawah pembangunan sukan.

Yang pertamanya, saya ingin merujuk terus kepada sebagaimana yang disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini tentang kemerosotan sukan di negara kita. Biasanya berlaku kemerosotan sukan, kita terus menuding jari kepada persatuan-persatuan sukan khususnya kalau dikatakan bola sepak tadi, menuding jari terus ke FAM.

Tetapi daiam hal ini, pihak Kementerian Belia dan Sukan dan juga pihak Menteri sendiri perlu bertanggungjawab kerana sukan ini di bawah kementerian dan mereka perlu mengambil tahu tentang perkembangan sukan-sukan terutamanya sukan-sukan yang penting.

Saya ingin memberi contoh yang *specific* di mana kegagalan ataupun di mana sikap Kementerian Belia dan Sukan mengambil acara-acara sukan, memberikan peruntukan kepada acara sukan dalam bentuk ataupun jumlah yang besar tetapi tidak memberi satu pulangan yang baik kepada negara kita khususnya program ataupun penglibatan seorang ahli sukan kita di dalam F1 di mana Kementerian Belia dan Sukan telah memperuntukkan satu *loan*, satu pinjaman sebanyak RM3.69 juta di bawah *National Sports Development Trust Account* kepada suatu badan dan pinjaman ini telah diberikan kepada pelumba itu sendiri dan tidak ada satu pun bentuk *agreement* atau pun yang telah dibuat di antara kementerian dengan badan tersebut, hanya satu surat yang ditandatangani oleh pelumba ini, driver F1 ini tanpa sebarang bentuk *confirmation* daripada kementerian sendiri.

Ini merupakan suatu yang saya kira pihak kementerian dan Menteri sendiri perlu bertanggungjawab dan dalam hal F1 ini kita dapat melihat bagaimana kita bukan mendapat nama tetapi mendapat malu apabila kementerian menaja seorang *driver* yang *sub-standard* yang tidak mempunyai taraf dunia untuk bertanding dan amat memalukan bila kita bercakap tentang F1 ini, pelumba kita beberapa kali tidak *qualified* dalam pertandingan itu sendiri ataupun perlumbaan yang sepatutnya beraja dan ini Kementerian perlu bertanggungjawab dengan jumlah subsidi yang terbesar diberikan ataupun *loan* yang begitu besar diberikan kepada pelumba dan juga kepada badan itu sendiri, ataupun satu badan yang diberikan untuk mengendalikan perlumbaan itu sendiri.

Di manakah lojiknya kementerian memberikan suatu jumlah yang besar semata-mata untuk menaja seorang pelumba yang tidak mencapai kepada standard dunia dalam perlumbaan F1 ini dan juga dalam keputusan-keputusan yang kita lihat daripada perlumbaan-perlumbaan yang ditandinginya telah meletakkan negara kita dengan satu nama yang begitu negatif apabila mereka ataupun pelumba ini tidak *qualified*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang sukan-sukan utama yang sebagaimana disebut oleh beberapa orang rakan tadi. Kita melihat bahawa tiga aspek utama yang perlu diperhatikan. Yang pertamanya, dari segi pengurusan. Yang kedua, dari segi jurulatih dan yang ketiganya, dari sudut pemain itu sendiri.

Kebiasaannya kalau berlaku kekalahan ataupun kemerosotan sesuatu sukan itu, pemainiah yang biasanya dipersalahkan, diletakkan ataupun ditudingkan jari. Pihak pengurusan jarang diletakkan kesalahan dalam hal ini. Ini yang berlaku kepada sukan-sukan di negara kita seperti yang disebut bola sepak dan apa yang berlaku adalah dalam beberapa sukan di negara kita berlakunya *infighting the in public* - di tengah-tengah ataupun pergaduhan berlaku.

Sebagai contohnya ragbi, berlaku pergaduhan di kalangan anggota-anggota atau mereka yang mengendalikan Persatuan Ragbi, MAAU berlakunya pergaduhan ataupun perebutan lebih baik ataupun lebih sesuai digunakan perkataan perebutan kuasa dalam badan-badan sukan ini sendiri yang memberi kesan yang besar kepada pembangunan sukan di negara kita dan ini kita dapat lihat sendiri standard sukan di negara kita secara umumnya jatuh merudum akibat daripada *infighting* dengan izin, di kalangan pegawai-pegawai sukan ataupun mereka yang merebut jawatan di dalam sukan di dalam negara kita ini sendiri.

Secara *specific* nya juga Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat bola sepak di negara kita, FAM adalah suatu badan yang kita kira *the richest sport organization* di negara kita dan kita boleh melihat perkembangan yang ada, *performance* yang ada itu, kita melihat adalah sesuatu yang amat malang di mana standardnya jatuh dengan begitu teruk. Mungkin standard kita sekarang sama dengan Laos ataupun Kampuchea ataupun mungkin dengan Nepal dan negara-negara lain. Kita tidak boleh ataupun tidak lagi berupaya menandingi jaguh-jaguh ataupun negara-negara yang memang kuat dalam sukan bola sepak seperti Jepun, Korea dan juga mungkin Iran dalam konteks Asia ini sendiri.

Jadi, *bottom line* nya setiap kali kita kalah, pemain digugurkan, pemain dipersalahkan, tidak *perform* dan sebagainya. Persoalannya, bagaimana dengan pegawai-pegawai dan pengurusan, itu satu. Dan juga bagaimana dengan pihak kementerian sendiri ataupun Menteri sendiri, Menteri Belia dan Sukan sendiri perlu bertanggungjawab. Kita mungkin mudah menuding jari kepada FAM, *fullstop*. Akan tetapi, kementerian ataupun Menteri sendiri perlu bertanggungjawab dalam sukan-sukan yang kita anggap sebagai sukan yang popular di kalangan masyarakat kita dan kementerian serta Menteri sendiri perlu bertanggungjawab dengan pembangunan sukan. Kita jangan menyalahkan ataupun menuding jari kepada FAM dan kementerian cuci tangan, menteri cuci tangan, kalau ada sukan-sukan yang boleh memberi kebanggaan, di situlah ada menteri. Kalau dapat pingat, kalau menang, Menteri ada. Kalau kalah, Menteri awal-awal lagi lari.

Ini satu sikap yang tidak bertanggungjawab saya rasa. Sekarang ini bila bola sepak jatuh, standard bola sepak negara kita jatuh, semua menuding jari kepada FAM. Saya rasa dalam hal ini juga kita kena bagiyusf/ce kepada FAM dan mereka juga perlu melihat secara keseluruhan pembangunan sukan di negara kita. Mungkin ada beberapa cadangan yang boleh dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang pertamanya, mungkin kementerian sendiri perlu melihat dan meneliti supaya jangan membazirkan wang negara semata-mata untuk menghantar pasukan-pasukan yang sub-standard khususnya kalau kita melihat contoh dalam Sukan Asia baru-baru ini, kita menghantar pasukan hoki wanita. Kita kalah 16 - 0, kita kalah 9 - 0, macam main ragbi kita kalah dan ini memalukan negara kita sendiri.

Yang keduanya, kementerian mesti memainkan *an active role* - peranan yang lebih aktif dalam membangunkan sukan-sukan yang penting di negara kita khususnya bola sepak. Kementerian perlu memainkan peranan yang lebih penting kerana kalaudi

beberapa negara, kita ambil contoh di beberapa negara, kalau sukan bola sepak ini mereka kalah, bukan sahaja pengurusan bola sepak yang letak jawatan, tetapi menteri berkenaan pun letak jawatan kerana bertanggungjawab di atas kekalahan ataupun kejatuhan standard sukan di negara-negara yang berlaku itu.

Yang ketiganya, pihak pengurusan mana-mana persatuan sukan khususnya bola sepak, perlu di *overhaul* secara keseluruhannya agar kita dapat mencapai matlamat yang kita mahu dan sebagai contoh yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena di mana Jepun dan Korea, mereka membuat satu *study* yang mendatam, mereka mengkaji secara mendalam sukan-sukan yang mereka terokai dan juga sukan-sukan yang mereka terlibat. Bola sepak - bagaimana mereka menjadi negara yang gergasi di peringkat dunia sekarang ini.

Hoki - kalau dahulu mereka tidak pernah ada permainan hoki di Korea, tetapi mereka menjadi gergasi dunia di peringkat dunia. Badminton - begitu juga sekarang ini mereka menjadi gergasi dunia. Jadi kita perlu melihat dari segi *sports development* yang berlaku di negara-negara tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa cukup.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah antara perkara-perkara yang ingin saya sebut dan saya harap kementerian perlulah secara keseluruhan apa yang berlaku dan Menteri berkenaan juga perlu bertanggungjawab, lebih bertanggungjawab kepada perkembangan sukan di negara kita dan jangan hanya menuding jari kepada badan-badan ataupun individu-individu tertentu. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Balik Pulau.

Datuk Mohd. Zain bin Omar [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga turut hendak cakap seperti mana kawan-kawan lain, yang sudah pun bercakap dalam bidang pembangunan belia dan sukan. Saya memang minat dalam bidang ini daripada kecil lagi sampai sekarang. Cuma saya hendak buat teguran-teguran supaya kita nampak perkara yang sebenarnya.

Yang pertama, kita bercakap, ramai sudah bercakap, hah ini termasuk saya sama. Kita bercakap ini bercakap hendak apa? Cakap bab sukan, salah orang, tunjuk yang tidak betul, yang betul tidak pernah tegur, tidak pernah tunjuk. Pendek kata daripada mula saya dengar dari dahulu lagi, semua salah orang.

Kita tidak cari jalan macam mana hendak tengok supaya beri teguran yang membina untuk pemimpin ataupun mana-mana badan menjalankan suatu kegiatan yang sempurna. Kita lupa dalam negara kita ini bukan kita pentingkan kemenangan. Semua pemimpin bercakap kita mahu penyertaan. Kita selalu bercakap macam itu. Kita tidak pernah kata, kita mesti menang. Kalau hendak lawan mesti menang. Kalau hendak jadi apa, jadilah.

BeJum pernah kita dengar mana-mana pemimpin pun bercakap macam itu. Yang tahu, kita berharap penyertaan, itu sahaja. Ambillah bahagian. Menang, kalah, lingkup penuh ranah. Itu yang berlaku kepada kita kebanyakan rakyat Malaysia int. Itu yang kita selalu bercakap dari dahulu lagi, daripada zaman Tunku Abdul Rahman sampai sekarang. Hah ini barulah kita mula nampak tuduh menuduh itu salah, ini salah tetapi saya belum lagi nampak bagaimana hendak perbaiki.

Ini patut kita sedar. Saya hendak tunjuk satu contoh kepada Menteri Belia dan Sukan ini, cuba perhati baik-baik, jangan silu, jangan takut, jangan susah hati, pemimpin belia umur berapa tahun?

Seorang Ahli: 40 tahun ke atas.

Tuan Mohd. Zain bin Omar: 40 ke atas apa, yang sudah 55 tahun pun dok jadi belia lagi. *[Ketawa]* Betul tak betul Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau dah betul, bolehkah pemimpin-pemimpin belia di kalangan umur 50 tahun 55 tahun, hendak memimpin, hendak bawa selera anak muda. Kalau tak boleh kerana anak muda kecenderungan dia dalam bidang lain. Macam kita hah inilah, kalau hendak tengok siapa yang suka membantah, membangkang, kalangan orang muda, tetapi orang-orang tua, orang lama macam kita ini, pernah kita membantah dan membangkang? Kerana jiwa kita sudah berubah.

Jadi, bila kita berubah, macam itulah juga kalau pihak pembangkang pun, yang garang yang mana, yang 40 tahun, 42 tahun, yang kurang garang yang mana, 60 tahun, 65 tahun, kalau belia di kalangan umur 55 tahun memimpin belia yang umur antara 19 ke 30 tahun, jiwa tidak sama, maka sebab itu kegiatan-kegiatan ataupun rangsangan belia tidak begitu ketara, cuba ubah, try tengok, mintalah, bersaralah kamu, jangan dok suruh pemimpin bola sepak sahaja bersara.

Suruh orang lain sama, tengok dengan lebih mendalam, buat kajian, buat cadangan, kita akan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batang Lupar.

Tuan Mohd. Zain bin Omar: Tidak bolehlah, saya diberi 10 minit. Saya ada tiga point lagi, tak berilah kepada sesiapa pun. Itu satu ya, ringkas, hendak hurai yang itu setengah pun tidak habis. Tetapi saya pergi kepada yang kedua. Peruntukan kepada belia. Nampak macam besar, tetapi tak sampai, ada yang sampai, tetapi tidak cukup.

Kita ada, apa yang kita nampak begini, kita ada macam Rakan Muda, perbelanjaannya besar, kalau hendak suruh semua anak muda seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak, masuk main peranan Rakan Muda, peruntukannya cukup besar, hams memberi perhatian setiap negeri mesti ada satu peruntukan yang agak lumayan sepanjang tahun supaya Rakan Muda dapat bergerak, seperti mana kawan-kawan saya tadi kata, kadang-kadang diminta peruntukan Parlimen.

Belia minta peruntukan Parlimen, ia tidak boleh hendak salur kepada semua belia, tidak cukup, maka berilah peruntukan supaya peruntukan ini dapat diberikan kepada belia-belia supaya belia dapat bergerak dengan cergas, kalau tidak macam dok ada sekarang inilah. Kata orang Pulau Pinang macam dok ada la ini, naik pun dak, turun pun dak, takat tu aja, orang Pulau Pinang kata, orang lain saya tak tahu. Orang Larut saya tak tahu dia hendak kata apa, tetapi saya faham dia kata. Kalau peruntukan seperti mana sedia ada, Rakan Muda tidak dapat bergerak dengan baik, harus ada satu rancangan khas dalam setahun itu Rakan Muda bergerak secara besar-besaran.

Yang lain, peruntukan kecil boleh kita beri bantuan, kita memberi sokongan ataupun Kementerian Belia dan Sukan beri sedikit imbuhan kepada pemimpin yang cergas, persatuan yang cergas, yang kurang cergas itu kita denda dia sedikit, denda dia, supaya dia dapat kesedaran, aku tak dapat bergerak kerana aku tak cergas, itu.

Yang ketiga, semua saya ingat termasuk saya, saya pun baru sedar, kita lupa belia ini datang dari mana, yang kata belia ini kalau dia duduk dalam sekolah, dia tidak mengaku diri dia belia, dia kata murid sekolah, bila sudah keluar daripada sekolah, baru dia kata dia belia, bila dia masuk pertubuhan pun, bukan dia duduk dalam sekolah tingkatan 3 masuk belia - dak, dia tunggu keluar sekolah.

Ertinya, kita tumpu program kepada orang yang sudah masuk persatuan belia, sepatutnya kita kena bergerak bersama-sama dengan pendidikan. Saya beri contoh, saya balik kepada bola sepak kerana saya tahu bola sepak, kita buat program, kita cari

anak-anak daripada sekolah itu, yang berjaya, yang mampu dan yang boleh bermain bola dengan cara baik dan ada mutu. Kita kumpulkan mereka, bawa masuk ke dalam asrama, latih mereka sambil belajar, kerana pelajaran itu amat penting kemudian memberi latihan boleh sepak dengan bersungguh-sungguh. Ada satu ketika bila dah kita kumpul, sampai di situ tukar pengetua, pengetua tak kisah dengan bola sepak, tak ada guru yang boleh melatih dengan baik.

Hancur! budak-budak yang dah kita kenal pasti, berapa banyak yang kita lakukan di seluruh Malaysia, tetapi apa sudah jadi, kerana tidak ada kaitan bersama di antara kementerian dengan kementerian. Kita bermula dari sekolah, jangan lupa, hendak suruh main bola sepak, hendak tunggu umur 25 tahun baru hendak mula main bola? Dia-kena bermula daripada darjah 6, darjah 5, darjah 4, bila dah dia belajar, dia boleh bermain, bila dia meningkat, barulah mutu permainan dia boleh ditonjolkan kepada orang, ditonjolkan kepada pemimpin-pemimpin yang suka kepada aliran bola sepak. Ini tidak. Sekolah pun makin banyak dah tak ada padang. Kementerian Pendidikan tidak ambil kisah sama ada padang ada ataupun tidak ada. Pengarah-pengarah tak ambil kisah, sama ada ada padang ataupun tidak ada padang, yang ada padang pula kerana bangunan perlu dibuat, dibuat bangunan di atas padang bola sepak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada satu minit lagi.

Tuan Mohd. Zain bin Omar: Allah mak, banyak lagi ini, berilah peluang kepada saya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu minit.

Tuan Mohd. Zain bin Omar: Saya baru kali pertama saya bercakap, saya tidak mahu bercakap selalu, tetapi kalau saya bercakap berilah peluang saya habis. Tolong tengok yang ini, adakan perhubungan dengan Kementerian Pendidikan supaya pegawai-pegawai ataupun pengarah ataupun sesiapa sahaja yang bertanggungjawab sedar bahawa ini perlu, padang ini perlu untuk latih anak-anak kita berminat dalam sukan, bukan bola sepak sahaja, semua bidang, tetapi pernahkah kita terlintas, pernahkah menteri-menteri teringat perkara ini, pernahkah orang yang bertanggungjawab dalam semua bidang ini terlintas ataupun berfikir masalah ini, tidak ada. Saya takut lepas jawab, tahun depan, tahun berikut tak juga jadi. Yang ini yang saya harap sangat, saya minta Kementerian Belia dan Sukan patut ambil perkara ini serius.

Tidak usah kisah keputusan sekarang ini, bola sepak yang kami buat, saya cakap fasal bola sepak, tidak mahu bercakap bab lain, hendak bercakap bab lain panjang sangat. Saya tengok kita anjur macam-macam, pada peringkat awal kita hendak tengok supaya orang ramai menonton bola sepak, ambil, import orang masuk. Import pemain-pemain luar masuk, tiga orang main bersama-sama dengan pasukan, orang ramai seronok tengok ini, pemain import main, bersungguh-sungguh, tetapi akhirnya bila kita hendak kumpul pasukan Malaysia untuk bertanding, kita terlupa semua negeri hendak cari striker, kemudian pasukan Malaysia tidak ada striker, macam mana hendak menang, kita terlupa, setiap negeri mahu menang, diambil dua striker daripada luar negeri, satu defender yang kuat, yang garang, yang boleh rempuh semua orang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukuplah.

Tuan Mohd. Zain bin Omar: Allah. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Gulung, gulung.

Tuan Mohd. Zain bin Omar: Terima kasihlah, setakat itu sahaja, saya kena tunggu tahun depan pulalah, hendak bercakap fasal perkara-perkara lain. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selangau.

3.09 ptg.

Tuan Joseph Maun anak Ikeh [Selangau]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya memang kagum dengan perbahasan dari Ahli Yang Berhormat bagi Balik Pulau.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih diberi peluang untuk membahaskan P.17 - Kementerian Belia dan Sukan mengenai beberapa perkara di peringkat Jawatankuasa ini yang berjumlah RM701.4 juta, pertama saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 02300 berkenaan dengan Pembangunan Belia dan Sukan.

Jika kita mahu anak kita berjaya, sama ada dafam bidang sukan atau apa-apa bidang, ia mesti bermula daripada kecilnya, bak kata pepatah Melayu, 'melentur buluh daripada rebung.'

Kita tengok, kalau kita pergi ke kampung-kampung atau rumah panjang, kebanyakan di kampung-kampung dan rumah panjang itu tidak ada gelanggang, bagaimana mereka hendak berlatih atau hendak buat, sama ada gelanggang takraw, badminton dan apa jua, kebanyakan di kampung-kampung tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Tuan Pengerusi, belum saya baru mukadimah, ini sepuluh minit, minta maaf. Jadi, saya minta Kementerian Belia dan Sukan memberi peruntukan bagi khas sama ada kepada Ahli-ahli Parlimen atau ADUN supaya setiap kampung lebih lagi di kawasan luar bandar, di rumah-rumah panjang, untuk memberi peruntukan untuk membina gei-gei yang saya sebutkan. Misalnya, di Sarawak, kalau kita pergi di kawasan saya misalnya di Selangau, lebih 500 buah rumah panjang, tidak sampai 5% yang ada gei-gei itu.

Bagaimana? Begitu juga bila mereka pergi ke sekolah, kebanyakan sekolah itu tidak ada padang juga, dan guru-guru sekolah yang diberi untuk mengajar kurang berminat iaitu tidak ramai yang ada guru sukan, yang begitu berminat untuk dalam bidang sukan. Jadi saya minta Kementerian Pendidikan membuat koordinasi bersama-sama dengan Kementerian Belia dan Sukan, supaya sekurang-kurangnya setiap sekolah mesti ada di *post* atau diberinya guru yang berminat dalam bidang sukan. Bagaimana anak kita, kita hendak mencungkil bakat mereka, kalau tidak ada guru yang berminat, ini betul apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Balik Pulau tadi.

Tetapi saya kurang bersetuju sedikit, Balik Pulau mengatakan orang tua ini tidak dapat memimpin persatuan belia dan sukan, itu terpolung kepada individu, ada orang-orang tua ini, tua-tua keladi, makin lama makin jadi. Kalau orang muda-muda ini yang berumur 40 tahun, 35 tahun kalau semua pemimpin orang muda, nanti semuanya 'bang' meja, bagaimana, tidak ada orang tua yang begitu matang atau ada idea yang baik untuk controlnya, saya merujuk kepada Datuk Seri Peter Tinggom boleh jadi, jaga itu Datuk.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Boleh beri laluan.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Tuan Pengerusi, masa, nanti, nanti kalau ada.
[Ketawa]

Tuan Pengerusi, yang kedua Butiran 200500 berkenaan dengan pembangunan ekonomi belia yang diperuntukkan RM2.5 juta.

Dalam era k-ekonomi, kita mahu anak-anak muda kita, belia kita mempunyai tenaga mahir. Saya minta Kementerian Belia dan Sukan mengambil ramai lagi anak-anak muda kita yang tercicir, lebih lagi yang lepasan sekolah di peringkat tingkatan 5, tingkatan 3 atau kalau boleh juga di tingkatan 6 yang tidak ada kerja untuk berlatih dalam bidang teknikal dan vokasional. Sebab sekarang kita tahu, ramai daripada buruh asing terutamanya dari negara dekat kita Indonesia balik ke negara mereka sendiri dan

kita mahu anak-anak kita ini dilatih supaya mereka mempunyai bidang-bidang tertentu, tenaga mahir supaya mereka ini dapat bekerja, supaya mereka tidak mempunyai budaya lepak dan sebagainya.

Jadi, kita mahu supaya tiap-tiap daerah kalau boleh mempunyai Pejabat Belia dan Sukan dan untuk menguruskan dan juga memberi ejen-ejen Kementerian Belia dan Sukan atau penjabat sukan untuk datang ke kampung-kampung menerangkan, memberikan borang dan sebagainya, apakah bidang yang perlu untuk mereka ambil, binaan, juruelektrik dan sebagainya. Jadi, saya minta dan berharap ejen-ejen ini datang ke kampung-kampung, ke rumah-rumah panjang untuk menerangkan kepada mereka. Sebab mereka bila sudah lepas Tingkatan Lima tidak tahu apa hendak dibuat. Jadi, saya berhatap peruntukan diberikan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan supaya mereka dapat pergi ke pedalaman atau kawasan luar bandar dan sebagainya.

Yang ketiga Tuan Pengerusi, mengenai dengan Butiran 050400, Pejabat Kompleks Belia dan Sukan Negeri. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana di kawasan Parlimen saya di Selangau sebuah Kompleks Sukan telah dibuat dan akan siap di daerah Datau, Dakus tetapi di kawasan Selangau ini ura-ura hendak membuat di dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini tetapi belum ada. Jadi saya minta walaupun ini perkara spesifik, saya minta Kementerian Belia dan Sukan *take note* lah supaya tiap-tiap daerah sekurang-kurangnya ada kompleks *multipurpose* seperti ini supaya rakyat di kawasan itu dapat mengadakan aktiviti sukan dan juga tentang belia kita, Kompleks Sukan, ia mesti diuruskan bukan sahaja ia ada kompleks belia mesti cukup dengan *facilities*, alat dibekalkan.

Kadang-kadang di kapung-kampung, di sekolah-sekolah atau di kompleks-kompleks sukan tidak ada cukup perkakas dan juga tidak cukup jurulatih dan sebagainya untuk supaya mereka dapat berlatih dengan baik, mempunyai kemahiran yang begitu kita harap-harapkan.

Kita tidak mahu anak kita, belia kita itu hanya setakat jaguh kampung sahaja. Kita mahu atlet-atlet kita dalam bidang sukan itu bertaraf dunia, itu yang kita harapkan. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Balik Pulau tadi atau rakan-rakan saya. Jadi, untuk berbuat demikian semangat daripada kecil itu mesti kita asah dengan baik. Ya Yang Berhormat bagi Batang Lupar kalau ada soalan saya beri. Ini kawan saya dari Sarawak.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya memang sudah hendak bercakap Tuan Pengerusi tetapi kawan sudah beri peluang hendak bertanya, saya

bertanyalah. Jadi, persoalan yang dibangkitkan tadi ialah persoalan orang tua, orang mudajadi pemimpin belia. Jadi saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, setuju atau tidak dengan saya kalau kita mengehadakan *term of service* dalam setiap orang jadi pemimpin belia ataupun pemimpin sukan. Kalau dibuat pemilihan tiap-tiap empat tahun sekali ianya dua tahun sahaja. Kalau lebih daripada dua tahun, disyaratkan dia tidak boleh bertanding semula supaya berubah sikap dan berubah minda kepimpinan.

Tuan Joseph Maun anak Ikeh: Terima kasih kawan saya Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Saya, ada yang setuju, ada yang tidak setuju. Ini terpulang kalau ianya dapat memimpin dengan baik yang kita harap-harapkan, kita dapat misalnya persatuan itu dapat berjaya, kita tidak usah tukar tetapi kalau yang tidak dapat ini memang kita tukar tetapi ada yang tidak dapat pun masih, apa Yang Berhormat bagi Larut katakan tadi, kawan dari Kinabatangan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: .. Ini tidak dapat bertukar. Kita mahu sama ada persatuankah, politikkah kalau pemimpin itu tidak dapat memajukan memang kita tukar tetapi seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita walaupun 21 tahun sudah lama, sebab dia dapat berjaya kita tidak mahu menukar beliau kecuali dia yang mahulah. Sekian, terima kasih [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sipitang.

3.19 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 20200 - Pembangunan Belia dan Sukan, khusus kepada Butiran 020200 - Pembangunan Sukan.

Tuan Pengerusi, banyak diperkatakan oleh rakan-rakan mengenai dengan pembangunan sukan ini dan memang dalam Kementerian Belia dan Sukan ini di samping adanya belia, ada juga sukan. Belia itu perkara yang wujud pada manusia dan ia akan melalui prosesnya sendiri. Belia akan menjadi dewasa, menjadi matang, mengikut masa kerana umur kita dari hari ke hari bertambah tetapi sukan perlu suatu penumpuan yang khusus kerana sukan itu ialah acara yang perlu dibangunkan secara sen'us. Jikalau kita tidak memberikan tumpuan kepada sukan ini ia boleh menjadi mundur, statik ataupun menjadi maju bergantung kepada usaha kita khususnya Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan Kementerian Belia dan Sukan ini khususnya sukan, sebenarnya sukan ini kalau kita lihat ia sebagai *indicator* juga kepada

pembangunan negara tersebut. Sukan ada kaitannya dengan tahap kemajuan negara, sukan ada kaitan dengan tahap ekonomi negara, sukan juga ada kaitan dengan tahap kestabilan politik negara. Negara-negara yang maju, negara-negara yang kaya dan stabil politiknya kita melihat bahawa prestasi sukan mereka begitu menonjol dan negara-negara yang tidak stabil, yang bermasalah daripada segi politik juga prestasi sukan mereka merudum.

Kalau kita melihat negara kita, kita ada kriteria ini semua. Kita sudah ke tahap yang lebih maju, tahap ekonomi kita baik dan juga politik kita stabil sejak merdeka dahulu. Namun demikian acara sukan ini kita masih perlu penumpuan. Perkembangan sukan negara kita tidak lah begitu menonjol berbanding dengan negara-negara lain yang lebirunaju sudah pastinya dan negara-negara yang sama dengan kita seperti Korea dan juga Jepun dan sekarang ini lebih menonjol ialah negara China.

Oleh itu, dalam banyak-banyak sukan kita perlu fokuskan negara kita supaya kita boleh timbul di pentas dunia. Kita memang banyak acara sukan tetapi kita dalam dunia hari ini kita tidak boleh berpegang kepada sukan yang tidak mendapat sambutan dunia. Kita boleh mungkin baik dalam silat tetapi silat tidak mendapat tempat di dunia ini. Oleh itu kita mesti ada satu penumpuan ataupun fokus kepada sukan-sukan yang mendapat tempat di dunia. Misalnya bola sepak dan lain-lain sukan yang boleh kita berada di pentas dunia.

Oleh itu satu program khas perlu dibentuk untuk memilih jenis-jenis sukan yang perlu kita tonjolkan di pentas dunia dan diberi penumpuan khas di samping ada juga sukan-sukan lain yang boleh kita buat di peringkat daerah dan di peringkat negeri yang mana kita tidak akan menumpukan untuk kita masuk ke pentas dunia.

Tuan Pengerusi, untuk ini saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian, dari segi peruntukan pembangunan sukan ini. Mengikut laporan prestasi saya tidak tahu kerana tidak lengkap barangkali, pembangunan-pembangunan sukan, peruntukan yang diberi pada tahun 2002, RM13.6 juta untuk program ini. Kalau dilihat daripada laporan prestasi yang dibelanjakan pada 2002, cuma RM3 juta. Apakah ini menggambarkan betul atau tidak angka ini. Kemudian pada tahun hadapan pada belanjawan tahun 2003, RM13.6 juta. Apakah program yang akan dirancang untuk membelanjakan duit sebanyak ini kerana kita melihat prestasi yang ditonjolkan di sini, laporan ini pada tahun 2001 dibelanjakan cuma RM1.3 juta, begitu rendah tidak sampai lebih kurang 10%.

Apakah kementerian melihat bahawa peruntukan ini perlu dikurangkan lagi ataupun tidak ada program yang hendak dibuat ataupun kalau perlu, apakah perlu lagi ditambah peruntukan kerana saya melihat bahawa pembangunan sukan ini begitu penting kerana dalam Kementerian Belia dan Sukan ini, sukan adalah satu perkara yang perlu kita kembangkan dengan pesat. Bagi saya program khas untuk menonjolkan sukan-sukan penting ini perlu peruntukan yang besar tidak cuma dengan RM13.6 juta barangkali lebih daripada itu. Misalnya satu, untuk bola sepak sahaja saya membaca hari ini *Utusan Malaysia* komentar daripada Abu Baker yang menjawab balas komen daripada Yang Berhormat bagi Larut selaku Timbalan Presiden FAM, mempunyai banyak cadangan yang kebanyakan cadangan itu saya memang bersetuju apabila membaca-komen tersebut.

Misalnya bola sepak. Kita perlu ada penumpuan bagaimana pada sukan tahun 2002, Piala Dunia empat tahun akan datang, apakah kita boleh mengikuti bola sepak *World Cup* dengan izin, piala dunia pada tahun 2006 ataupun pada tahun 2010. Apakah persediaan kita di peringkat sekarang ini, apakah ada program untuk membolehkan kita mungkin masuk ke peringkat suku akhir ataupun ke peringkat separuh akhir ataupun bagaimana program untuk bola sepak ini.

Saya melihat bahawa bola sepak ini begitu penting dan disebut-sebut di seluruh dunia, inilah sukan yang berprestasi. Di samping bola sepak ini juga mempunyai pejuang ataupun nilai ekonomi yang begitu tinggi. Jikalau seseorang belia itu mahir dalam bola sepak, dia ada pasaran, ada permintaan, kelab-kelab di Eropah, kelab-kelab di Amerika dan juga negara-negara yang lain.

Tuan Pengerusi, saya melihat bahawa sukan bola sepak ini kita ada perlu program khas, apakah kerajaan ada perkara ini. Rangka program dalam masa 10 ke 20 tahun akan datang untuk mencapai matlamat kita seperti yang dibuat oleh Korea dan Jepun. Itu yang pertama.

Yang kedua, kita mesti mengenal pasti anak-anak yang berpotensi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Balik Pulau tadi. Kita mesti mengenal anak-anak ini daripada umur sekolah rendah. Kita kenal pasti siapa mereka ini daripada awal. Dan untuk mengenal pasti ini kita mesti letakkan kriteria-kriteria, yang mana saya ingin mencadangkan kriteria-kriteria tertentu misalnya daripada segi fizikal mereka bagaimana, tinggi badan, garis pusat paha misalnya, garis keliling paha seperti yang dikatakan oleh saudara Abu Baker dalam *Utusan Malaysia* itu. Kalau dibandingkan saiz

paha orang Malaysia, berbanding dengan saiz paha pemain Korea ataupun pemain di Eropah, kita ini begitu kecil.

Jadi, kita mengenal pasti mereka ataupun anak-anak yang akan ditonjoikan ini supaya dapat mencapai standard dunia ini. Bagaimana cara kita untuk mencapai ini kita mestilah mengkaji, mesti ada.., saya selalu bercakap pada tahun lepas pun peranan *scientist kita*, pakar-pakar sukan kita..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: ...Peranan pakar pemakanan, bagaimana bentuk makanan mereka ini. Kemudian daripada segi disiplin mereka, bagaimana kita bentuk untuk menjadi pemain bola sepak yang berdisiplin. Saya minta maaf Tuan- Pengerusi, baru-baru ini tiga pemain kita di Busan terpaksa dihantar balik kerana **positif** heroin. Ini amat memalukan kerana pemain kita tidak ada disiplin, tidak ada tanggungjawab. Bagaimana kita hendak membentuk disiplin pemain-pemain ini daripada awal supaya mereka sama dengan disiplin pemain-pemain Eropah dan pemain-pemain di Korea dan juga di Jepun barangkali.

Kemudian daripada segi bakat mereka perlu diasah secara serius supaya tahap mereka itu kita, mengejar tahap kepintaran daripada segi mengawal bola, daripada segi menendang bola, daripada segi memberi bola dan sebagainya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya gulung Tuan Pengerusi. Jadi inilah yang kita perlu, kita berharaplah perkara ini diambil serius. Kita perlu berada di pentas dunia. Kita tidak boleh menoleh ke belakang. Kita mesti ada program lima tahun sepuluh tahun, lima belas tahun, dua puluh tahun, bagaimana kita mesti berada di pentas dunia dalam sukan bola sepak ini misalnya ataupun sukan-sukan lain yang mana pada hari ini begitu menurun. Kita perlu peruntukan khas, kalau perlu RM50 juta, kalau perlu RM100 juta, RM100 juta, kita mampu yang penting kita boleh maju seperti negara-negara lain. Dengan itu Tuan Pengerusi, saya menyokong terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tiba-tiba ramai ingin berucap ya?

Tuan Mohamad bin Sabu: Tiba-tiba [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

3.29 ptg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Objektif, strategi satu hingga tujuh digabungkan sekali. Tuan Pengerusi, program belia

selalunya digambarkan program belia di kampung-kampung, hanya dua perkara yang tertonjol iaitu lawatan dan hiburan. Ini dua yang tertonjol, sama ada belia atau beliawanis, bila dianggap program belia, lawatan, lawatan melawat Putrajaya, lawatan ke Melaka. Lawatan ini pula dipilih kalau belia itu yang dianggap pro-parti pembangkang maka mereka ini tidak ada peluang untuk lawatan. Soalnya sekarang kalaulah program belia ada diskriminasi politik, kerajaan tak boleh buat program belia dengan berjaya sebab kalau sebelah Semenanjung ini, kalau Bumiputera 64% penyokong Barisan Alternatif....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Huh! Huh!

Tuan Mohamad bin Sabu: . . . bumiputera ya! Ini angka pilihan raya yang lepas, jaoTyang menyokong kami pula adalah belia, anak-anak mud a. Jadi, kalaulah berdasarkan mereka itu cenderung kepada politik parti pembangkang, maka mereka diketepikan, program belia tidak boleh berjalan kerana majoriti belia adalah di pihak Barisan Alternatif, ini angka tahun 1999, angka akan datang, wallahualam....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Hah?....dan bila programnya lawatan-lawatan sekali-sekala, hiburan. Program-program belia yang agak aktif di tahun 80-an, barangkali sekarang ini program lain itu kurang aktif kerana belia-belia ini menghabiskan masa mereka bekerja di kilang dan sebagainya dan sekarang banyak kena buang kerja, mereka kembali berada di kampung, di simpang-simpang jalan yang kita tidak berapa nampak 5-6 tahun dahulu, sekarang ada kembali kerana banyak kena buang kerja. Terutama sekali di Seberang Prai dan orang-orang Kedah yang bekerja di Seberang Prai yang banyak kena buang di Penang dan sekarang balik ke Kedah. Mereka ini tidak tahu hendak buat apa. Program-program untuk aktiviti mereka boleh dikatakan tidak ada beliatani, belia yang terlibat dalam NGO, kegiatan-kegiatan sosial yang lain, kurang.

Saya mengucapkan tahniah kepada MCA, benda yang baik kita puji terutama belia-belia mereka ini banyak terlibat dalam bomba sukarela. Saya kagumlah kalau di Kedah itu boleh dikata setiap pekan kecil pun ada bomba sukarela. Saya nak tanya kenapa satu kaum sahaja, adakah belia-belia Melayu tidak terlibat ataupun tidak suka dalam kerja-kerja sukarela seperti pasukan bomba ini? Kalau boleh dijadikan *multi-racial* itu lebih baik, pertama tadi itu saya ucap dahulu MCA aktif dalam hal bomba sukarela ini. UMNO tidak aktif dalam bomba sukarela, dia tidak mahu memadamkan kebakaran tetapi dia suka membakar. *[Ketawa]*

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengapa Yang Berhormat perlu mengucapkan terima kasih kepada MCA?...[*Ahli Dewan ketawa,*] walhal anggota-anggota atau ahli-ahli pasukan bomba sukarela bukan semua dari MCA, mereka adalah dari lapisan orang ramai dan untuk menubuhkan satu pasukan sukarela, ia memerlukan sekurang-kurangnya lima puluh ribu, tetapi kerajaan tidak bagi apa

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, ya, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Asalkan bagi latihan!

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih atas penjelasan sebab MCA *claim* itu mereka punya [*Ketawa*], tapi saya hendak sebut di sini memang bantuan itu kurang adakah kerana hendak memulakan aktiviti bomba sukarela itu memerlukan modal yang mahal, maka kurang belia-belia di kalangan orang Melayu, orang India terlibat. Jadi kita harap kerajaan beri bantuan sebanyak mungkin kepada mereka yang hendak terlibat dalam bomba sukarela termasuklah kalau mereka bekena di kilang, mereka dapat cuti dengan bergaji, dengan *recommendation* daripada pihak kementerian belia. Dan begitulah juga pertubuhan-pertubuhan sukarela tadi dan kalau saya kata tadi bahawa memanglah kalau di Kuala Kedah yang satu itu, ketua dia MCA, yang saya kata MCA itu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Menyampuk*]

Tuan Mohamad bin Sabu: Tapi anggota-anggotanya banyak daripada kalangan parti lain, tapi saya kata tadi kalau pertubuhan itu hendak masuknya kena yuran ataupun kena buat bayaran yang tinggi, maka payahlah belia-belia lain hendak masuk. Saya minat hendak melihat perkembangan bomba sukarela ini kerana mereka begitu cergas, begitu cepat, saya ingat di Pulau Pinang pun adalah tetapi di Kedah saya kagum dan saya galakkan belia-belia di Kuala Kedah menyertainya dan saya pun akan melawat ke tempat-tempat itu supaya mereka bukalah kepada belia-belia di kalangan orang-orang Melayu terutamanya untuk menyertai program-program seperti itu.

Seterusnya, pertubuhan-pertubuhan belia kita tidak dapat menafikan kecenderungan mereka kepada individu tertentu atau pertubuhan belia digunakan untuk tujuan politik. Sebab itulah ada pemimpin belia sampai dekat umur 60 tahun hendak mempertahankan kerana itu *based* dia, kekuatan dia dan kalau dia pegang MAOIC, maka dia sudah ada perwakilan-perwakilan yang akan pergi ke mesyuarat peringkat bahagian dan peringkat pusat nanti. Kalau, dia pegang 4B, maka dia sudah ada beberapa yang dia telah buat culaan yang akan menyokong dia. Oleh itu atas dasar inilah dia pertahankan supaya golongan mereka ini menjadi ketua walaupun umur sudah

lebih daripada 40 tahun dan setengahnya menjangkau 60 tahun. Kecenderungan kepada parti-parti politik ini kita tidak boleh nafi, ada yang cenderung pada UMNO, yang cenderung pada PAS, yang cenderung pada DAP. Cuma kita harap bantuan kementerian belia jangan pilih belia itu cenderung kepada parti mana. Ini adalah kerana kita hendak paksa orang cenderung kepada sesuatu parti, tidak boleh, saya mahu semua orang Melayu menyokong PAS tapi tidak boleh sebab naluri mereka, mereka memilih UMNO, saya tidak boleh buat apa. Akan tetapi, kalau kita memaksa supaya mereka yang menyokong kita sahaja kita beri bantuan, maka program belia tidak dapat berjalan.

Oleh Sebab itu kami di peringkat negeri yang kita memerintah ataupun pertubuhan-pertubuhan misalnya dalam PAS, kami merupakan satu pertubuhan yang agak berjaya iaitu Unit Amal, kalau yang lelaki, yang perempuannya kita panggil Unit Amal Nisa, dengan pasukan uniformnya, sukarelawannya dan sebagainya. Hendak minta buat program kadang-kadang di Temple Park pun tidak boleh. Hah! hendak buat program di Templer Park, hendak buat di taman-taman manakah untuk program rekreasi, program bertemu itu tidak boleh, kerana mereka ini adalah cenderung kepada PAS, sedangkan kita ada juga Yayasan Amal.

Yayasan Amal kami ini bersedia untuk berkhidmat dalam negeri ataupun di luar negara. Sama ada mangsa-mangsa pelarian Afghanistan ke, apa ke, kita bersedia berkhidmat tetapi oleh kerana mereka ini cenderung kepada parti lain, maka galakan dan bantuan tidak diberi. Kalau ini berlaku sedangkan UMNO makin kurus!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: AikkLmana ada.....

Tuan Mohamad bin Sabu: Belia-beliannya...huh!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Gaya....

Tuan Mohamad bin Sabu: Eh, Gaya itu lain! *[Ketawa]*, Gaya macam Sabahlah dahulu menjelang pilihan raya, Sabah BN menang tapi apabila mari pilihan raya umum, Johor pun sudah mula teruk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebab itu kita kena lihat aktiviti, bukan kecenderungan. Begitulah juga kalau belia itu misalnya daripada kumpulan A, janganlah. pula pandang kumpulan B, sebab itu sama-sama parti pun ada puak A dan puak B. Begitulah juga misalnya di kementerian belia itu banyak golongan yang menyokong MAYC, maka ada diskriminasi terhadap 4B. Kalau 4B yang

banyak duduk dalam kementerian pro, maka diskriminasi pula terhadap ABIM ataupun terhadap pertubuhan-pertubuhan NGO yang lain.

Jadi, ini kita harap belia betui-betul dia cater belia, asalkan bawah umur 40 tahun tidak kira dia cenderung ke mana, aktiviti mereka tidak bersifat militan, tidak bersifat angkat senjata, tidak bersifat menimbulkan kekacauan, mereka ini mendokong demokrasi, kementerian pula kena bagi bantuan, boleh janji? [*sambil menunjukkan ke arah Timbalan Menteri*] Janji? Huh! Kalau tidak, Kementerian Belia ini tidak boleh jalan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa sudah cukuplah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Masa cukup dah! Begitulah juga kita harap masalah yang masih lagi berat di Malaysia ini, perkara ini tidak menjadi tajuk utama masalah dadah, masalah dadah tidak dapat kita *tackle* terutama sekali di tepi-tepi laut khususnya di Kuala Kedah kami itu banyak yang mati muda, antara 35 hingga 45 tahun, meninggalkan janda yang cukup banyak.

[*Dewan menjadi gamat seketika dengan sorakan dah ahli-ahli yang berhormat*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Menyampuk*] Wakil rakyat tidak ada dadah ke?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Tuan Mohamad bin Sabu: Sri Gading....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Wakil rakyat tidak ada sudah?

Tuan Mohamad bin Sabu: Wakil rakyat menagih dadah itu dijangkiti daripada zaman Barisan Nasional memerintah lagi. Sejak saya pegang ini saya bergaullah dengan mereka tetapi penagih ini dia tidak berlaku dengan menghisap sehari dua.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Jadi hal dadah ini sudah teruk, jadi kita haraplah belia ini jangan jemu-jemu *tackle* masalah ini. Janji ya! sokong semua belia walaupun dia sokong parti mana, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

3.40 ptg

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih di atas kebenaran untuk saya bersama-sama bercakap sedikit tentang Kementerian Belia dan Sukan, saya bercakap tentang Pembangunan Belia dan Sukan - 02000. Bercakap tentang belia dan sukan ini, hendak cakap salah, tidak cakap pun salah, jadi serba salah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Senang, untuk senang, lebih baik tidak mahu cakap [*Dewan menjadi gamat seketika apabila Timbalan Yang di-Pertua berjenaka secara bersetoroh*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Untuk 2003, RM701 juta diperuntukkan kepada Kementerian Belia dan Sukan dari segi pembangunan dan juga pengurusan. RM701 juta diperuntukkan dan peruntukkan ini saya rasa cukup selesa untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan belia dan sukan. Namun seperti yang saya katakan tadi, kelemahan-kelemahan di kedua-dua sektor ini, belia dan sukan masih belum dapat diatasi. Pelik bin ajaib, peruntukan yang cukup tetapi masalah tetap tidak dapat diatasi. Saya harap Kementerian Belia dan Sukan agaknya harus mengkaji pendekatan-pendekatan yang harus diambil bagi mengatasi masalah-masalah yang telah kita jumpai...

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...yang telah kita rasai dan yang telah kita hadapi supaya...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Gading,

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...seperti Baltk Pulau.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan bangun...Rompin pun bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini ada dua ini, antara boss dengan Kinabatangan, saya bagi ooslah. [*Ketawa*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, bukankah kita rakan seperjuangan dalam Barisan Nasional, di sana yang ada masalahnya [*Ketawa*]. Saya tertarik dengan pandangan Sri Gading dan Kuala Kedah, nampak Kuala Kedah ini kadang-kadang baik juga hujah beliau semenjak dia ada pergi mendapat pakar rujuk UN

bagi baik hati dan jiwanya termasuk untuk membersihkan jiwanya. Alhamdulillah, ada satu kebangkitan baru hikmahnya.

Saya hendak bertanya kepada Sri Gading. Memang patut benarlah kita pastikan belia-belia ini dipupuk supaya tidak terjebak dalam masalah-masalah sosial seperti dadah, terjebak kepada benda-benda yang lain, syabas. Tetapi Kuala Kedah tadi buat satu elemen juga, dia kata supaya belia ini tidak terjebak kepada kerja-kerja atau aktiviti yang militan, tetapi saya hendak bertanya yang militan ini 4B ke, Belia MAYC, tidak ada. Yang militan ini, yang terjebak dengan aktiviti KMM ini belia bukan belia 4B, bukan belia MAYC, belia yang ada terlibat dengan kumpulan parti politik. Hah! Kalau kita mahu menegur mencadangkan kepada belia-belia organisasi di bawah kerajaan dan naungan parti, adakah periu kita bersihkan kumpulan belia dalam kumpulan parti itu dahulu, baharulah menjadi contoh dan teladannya. Minta pandangan Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya bersetuju, sebab itu pemimpin-pemimpin negara kita, kepimpinan kerajaan kita, memberikan garis-garis panduan kepada parti-parti politik supaya jangan bertindak dengan tindakan-tindakan yang boleh membawa arus militan kepada pengikut-pengikutnya. Macam PASlah katakan, memang kadang-kala antara kegiatan-kegiatannya mendedahkan ahli-ahli mudanya kepada kegiatan-kegiatan militan dan ini akan memberikan suatu keadaan yang berbahaya kepada masa depan negara. Jadi kita kena latih kesopanan, adat istiadat dan sebagainya.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Berbalik saya kepada kementerian belia Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan dan kementerian supaya mungkin semua persatuan sukan di negara ini dirombak kepimpinannya untuk memastikan bahawa sukan di negara kita ini mendapat tempat.

Yang kedua, bagaimana pula bahayanya belia-belia menagih dadah dengan pemimpin belia dalam parti menyatakan bahawa pahala tidak boleh disebut melainkan dengan nada 'uk uk uk'...

Tuan Mohamad bin Sabu: Ini melampau ini *[Ketawa]* Ini dia hendak terberak Tuan Pengerusi. Minta dia

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Mohamad bin Sabu: Uk uk uk itu hendak terberak itu [*Bercakap tanpa pembesar suara*] [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, saya akan menjawab apa yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan dalam hujah saya berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bila hendak buat hujah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, sita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita sentiasa melihat pasang surut, turun naik belia dan juga sukan kita seperti yang kita bangkitkan dan seperti yang kita ketahui dalam Sukan Komanwel umpamanya, kalau kita hendak cerita tentang sukan. Saya bagi contoh, pasukan hoki wanita kita kalah 18-0. Kalah sudah satu perkara, lengit satu perkara. Siapa yang akan agaknya berani bertanggungjawab tentang kemerosotan yang begitu menghinakan negara.

Soal bola sepak, soal sepak takraw, soal badminton dan macam-macam jenis sukan yang kadangkala kita tidak pasti, apakah negara kita apabila masuk dalam arena antarabangsa, kita akan dapat mencapai sesuatu yang membanggakan negara. Kita terumbang-ambing. Apabila hantar kontinjen kita, kita tidak pasti. Kita sangka menang dia kalah tetapi yang peliknya kadang-kadang kita sangka dikalah, dia menang pula. Tidak konsisten. Di mana silap ini? Di mana? Di mana silap?

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian kalau hendak hantar ke *Commonwealth Games* kah, Olimpiklah cuba adakan agaknya..., saya ada juga terbaca dalam satu rencana kalau sesuatu pasukan itu tidak menepati *standard* yang *qualified* tentang untuk menentukan sekurang-kurangnya kita gangsa kita jangan hantar. Sama ada dia bola sepak, minta maaf, kita gugurkan dahpada menyertai kontinjen pasukan negara kita. Kalau ada keberanian sama ada di pihak kementerian ataupun MOM....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Gulung, gulung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Gulung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tolak Tuan Pengerusi orang yang bertanya tadi. [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu kalau Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya ada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau hendak jawab itu boleh simpan untuk Bajet 2004. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini hendak jawab Yang Berhormat bagi Kinabatangan punya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah. Apa yang difikirkan mustahak keluarkan. Ada satu minit lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak bertanya kementerian, apakah peruntukan kementerian hanya diserahkan atau ditujukan ataupun dikhususkan kepada badan-badan sukan? Apa hal tentang golongan muda, golongan belia, golongan orang-orang muda di kampung-kampung dalam acara kita untuk menentukan sukan ini menjadi kemertahan kepada golongan muda di seluruh negara. Apakah ada langkah-langkah lain, selain daripada peruntukan ini disalurkan hanya kepada badan-badan sukan yang tertentu. Tidakkah ada rancangan pihak kementerian untuk memeriahkan sukan ini untuk didemokrasikan kepada seluruh belia dan anak muda di seluruh negara maka ada satu cara pendekatan, bagaimana hendak menggalakkan anak-anak muda kita di kampung-kampung di seluruh negara supaya terlibat secara aktif dengan sukan yang mereka minat.

Saya banyak kali bercakap, pihak kementerian masih membisu, membisu seribu suara, membisu. Apakah perancangan untuk membina stadium-stadium kecil, stadium-stadium mini di kampung-kampung, apakah diberikan perhatian yang berat oleh pihak kementerian? Kalau diberikan perhatian yang berat untuk memeriahkan sukan di kalangan anak-anak muda yang tidak mempunyai persatuan-persatuan sukan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sikit lagi Tuan Pengerusi, saya hendak habiskan hujung ayat. Tidak baik Tuan Pengerusi kalau ayat saya tidak seiesai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, ayat itu kasi habis.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mati nanti mata tidak pejam Tuan Pengerusi, jadi saya selesaikan ayat.

Jadi, apakah tidak ada perancangan untuk menentukan supaya anak-anak muda sekarang ini sebenarnya rasa terasing dengan peruntukan kerajaan kepada hendak memeriahkan sukan di kampung-kampung dan di seluruh kawasan. Mereka rasa terasing kerana mereka rasa mereka tidak dilibatkan, kerana mereka tidak ada

persatuan, tidak ada perkumpulan yang rasmi. Jadi, bagaimana agaknya pendekatan kementerian untuk mendemokrasikan sukan ini di kalangan seluruh anak-anak muda di seluruh negara. Terima kasih Tuan Pengerusi atas kebenaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

3.51 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya dengan kementerian, berbangkit daripada perbahasan yang saya dengar memang saya cukup yakin bahawa dua-dua pertubuhan belia dan pertubuhan sukan di negara kita ini adalah dirancang secara *ad-hock*, kurang *leadership* daripada kementerian dan kurang bimbingan daripada kementerian. Ini nyata dan penting diambil kira.

Saya hendak bertanya soal kemampuan belia. Umpamanya kadang-kadang pemimpin belia ini dia gilakan kuasa, gilakan kedudukan, gilakan apa sahajalah hendak jadi pemimpin. Jadi, dia tidak hendak lepas. Kalau 20 tahun pun 20 tahunlah duduk sana walaupun kepimpinannya buruk sekali, tidak berprestasi tinggi dia tahan sahaja sebab hendak jadi presiden, hendak jadi pengerusi, hendak jadi setiausaha sebab nama itu mungkin menunggu Datuk, menunggu Tan Sri diberi oleh Yang di-Pertuan Agong baru berhenti. Jadi, ini kita tidak boleh..., kita mesti had dan bataskan semua pemimpin ini pada satu had masa sahaja.

Kementerian mesti memberi *leadership*. Bataskan tiap-tiap perlembagaan persatuan-persatuan belia dan persatuan-persatuan sukan mesti dibataskan. Okey, pemilihan empat tahun sekali, dua penggal dipilih berhenti daripada situ. Kalau dia mahu, kalau betul-betul dia pandai selepas itu boleh berdiri lagi sekalilah. Ataupun ada buat satu undang-undang, *desecration* kementerian, Menteri, secara peribadi memberi kebenaran baru dia boleh bertanding. Kalau tidak jangan diberi pertandingan kepada mereka ini. Kalau tidak sukan dan belia kita akan hanya secara *ad-hoc*, kementerian lepas tangan persatuan jalan sendiri. Siapa yang bodoh, siap yang maias, siapa yang tidak aktif menyebabkan persatuan badan ini jadi tidak aktif, tidak bergerak. Jadi, saya mintalah kepada kementerian.

Satu lagi pembangunan sukan. Pembangunan sukan memang betul kita memang *ad-hoc* diserahkan, sekolah mana ada. Pada tahun 1950-an, 1960-an, 1970-an kita melihat padang masih banyak, besar, tempat permainan ada sekarang sudah

sempit. Belia-belua kita telah disempit oleh pembangunan bandar, pembangunan rumah kedai. Mana yang mendatangkan ekonomi yang besar inilah dia. Tidak kira padang-padang sekolah, tidak kira padang-padang sukan, padang-padang rekreasi ambil semua. Jadi, di mana tempat anak-anak kita hendak main.

Jadi, saya mencadangkan supaya pihak kementerian daripada peringkat sekolah, latihan sekolah dan sukan sekolah mesti berterusan. Bukan zaman sukan sahaja. Tiga hari sukan kita tengoklah cikgu semua kelam kabut hendak main, sukan kiri, sukan kanan. Macam mana *hockey stick* sudah tidak ada, bola tidak dipam, semua benda tidak ada. Jadi, macam mana hendak pandai. Tetapi hendak pelepasan dua hari itu hendak pergi ke padang, budak-budak hendak *enjoy* sahaja bukan untuk sukan tetapi untuk *enjoy* itu sahaja dapat pelepasan dua hari. Jadi, itu sahaja tujuan.

Jadi, kita hendak minta daripada peringkat sekolah, muda sampai peringkat menengah dan lepas itu ada segolongan yang betul-betul berminat, yang betul-betul maju dalam sukan ini disyaratkan universiti-universiti, kementerian berbincang dengan Kementerian Pendidikan bagikan tempat mereka ini masuk universiti untuk menjadi *coaches* dan sebagainya latihan sampai ijazah dalam soalan-soalan kesukanan dan sebagainya. Mereka ini bila lulus nanti masukkan tiap-tiap sekolah dan semua sekolah di negara kita ini mendapat seorang satu, dua atau tiga orang *coach* yang mahir dalam segi sukan, peringkat sekolahnya, peringkat universitinya, peringkat pekerjaan, *placement of work* selepas universiti *qualification*. Jadi, dengan ini baru kita lihat ada *leadership* diberi oleh kementerian. Berbincang dengan kementerian-kementerian lain.

Kalau tidak sentiasalah bila sekolah mahu, buat. Kalau sekolah hendak cuti dua hari, buat sukan ramai-ramai, ini sahaja. Selepas itu kita hendak cari budak ini tidak mampu, sekolah ini tidak mampu. Mana hendak mampu? Padang tidak ada, bimbingan tidak ada, peruntukan tidak ada. Di mana letak *leadership*?

Saya setuju apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Balik Pulau, apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Selangau tidak ada padang. tidak ada apa benda. Apabila mahu tanya, berjaya atau tidak kita di Olimpik. Umpamanya Sukma, bukan lagi untuk melatih orang untuk sukan tetapi hanya untuk kebanggaan sebahagian orang yang hendak menang ini. Orang sudah menang macam yang dikata tadi salah seorang daripada Yang Berhormat menyebut, orang yang sudah di peringkat nasional sudah peringkat *international* pun ditandingkan sama dengan orang yang daripada kampung berlari ini, potensi Sukma ini. Macam mana dia ada motivasi din kepada dia, memang dia kalah. Kalau saya berlari dengan Watson Nyambek umpamanya memang saya

kalah. Di mana letak motivasi saya? Saya sudah tidak hendak lari. Bagilah peluang kepada dia kalau hendak dia sahaja.

Adakan satu sukan lagi, Sukma kah, SUKOM kah apa benda nama dia, tetapi adakan sukan untuk pihak yang betul-betul sudah sampai tahap nasional, tahap *international* ataupun *regional* ini. Kita tandingkan di antara mereka yang *creme of the national* sukan. Dan Sukma ini biarlah digunakan untuk mencari *scouting the talent* daripada peringkat bawah dan kita latih dan masa latihan, jangan bila latihan suruh budak-budak daripada kampung, pelosok bandar dan daerah datang ke bandar, datang ke Kuching, datang ke Bintulu, datang ke Johor tetapi persekolahan tidak dilihat. Ibu bapa mana hendak lepas anak pergi sekolah kalau sekolah hendak ambil PMR, hendak ambil SPITf, STPM. Saya tidak suruh anak saya walaupun dia ada sukan hanya berapa tahun sahaja, *life spends* dan sebagainya *successful* dalam sukan.

Jadi, di mana letak kemahuan saya? Kemahuan saya anak saya mesti pergi universiti kerana kementerian tidak berbincang dengan Kementerian Pendidikan supaya anak saya ini boleh dilatih sebagai *coach*, ada masa hadapan dalam sukan ini. Jadi, *academic is a must* kepada saya. Jadi, motivasi dan latihan ini mesti diberi peluang. Anak-anak ini, ibu bapa mesti diberi *comfort* pemikirannya. Kalau tidak macam mana ibu bapa hendak beri galakan sebab anak saya tidak akan maju sebagai *hockey player*, *football player*. Hendak menang yang dapat sekarang ini dapat 80,000 dia hendak *retire* wushu itu memanglah macam itu satu seorang sahaja. Mungkin satu dia seorang sahaja. Tetapi yang selepas ini dia *retire* habis ceritalah itu. Adakah latihan diberi kepada dia sebagai *coach* wushu? Di manakah sekolah yang dia akan diletakkan, selepas kahwin umpamanya. Jadi, kita mesti melihat, baru kementerian boleh dikatakan telah memberi *leadership* kepada sukan.

Yang kedua, latihan saya sentuh Butiran 02050 ini, ekonomi belia. Saya tahu saya sebut sekali dua perkara ini tetapi saya tidak lihat perkembangannya. Kita bagi latihan dengan belia bawa masuk ke IKBN beri latihan *carpentry* lah, bagi latihan inilah apa benda lagi, beri latihan. Habis latihan kerajaan sudah belanja berjuta-juta budak ini balik, lain yang dilatih lain yang dia buat sebab tidak ada susulan. So, *again* saya bertanya, di mana letaknya *leadership*? *What have we been doing?* Tidak ada.

Tuan Pengerusi, soalan *placement* memang membuang duit. Al-Gore dan Clinton buat, *they wasted the billion of US Dollar* untuk latihan dan *placement* memang kita tidak boleh buat, Amerika pun tidak boleh buat. Saya baca satu buku laporan *The Wastage in Washington*. Jadi, kalau benda ini kita tidak lihat, *study* kelemahan orang

lain, gunakan kelemahan itu untuk memperkuat tindakan kita. Latihan tidak ada susulan kemudian akan membuang masa, membuang duit, kerajaan akan membuang apa sahaja.

Anak-anak apa yang dilatih, tinggal satu sahaja, kahwin. Macam mana hendak kahwin. Kalau anak-anak orang Muslim dilatih macam mana hendak kahwin, masa perkahwinan ada *interview* lagi. Ini sudah diberi *certificate* sahaja ini. Apabila sudah dapat *certificate* boleh kahwinlah tidak payah lagi melalui proses-proses yang tertentu. Ini sahaja yang saya lihat. Ini sahaja yang kekal yang lain ada yang jadi *fall/or*, jadi *fisherman*, ada yang dilatih menjadi *carpenter*, jadi pemandu kereta kerana, tidak ada susulan. Susulan mestilah dtbuat. Jangan duit kerajaan dibuang begitu sahaja. /eacters/wjo-mesti diberi dan carilah orang yang pandai, tahu mengurus ini. Buangkan sikit asal yang duit banyak kita boleh jagakan. Biar anak-anak kita *successful* walaupun duit kita belanja lebih sedikit.

Jadi inilah persoalan *leadership* yang perlu. Jadi saya baru terima telefon **tadi** kerana orang Sarawak tahu perbincangan soal Kementerian Belia dan Sukan. Saya menerima telefon dia kata orang Kementerian Belia dan Sukan di Sarawak belum melihat muka menteri datang berjumpa dengan persatuan-persatuan di negeri Sarawak. Jadi apa kata, menteri datanglah sekali jumpa dengan ketua-ketua belia, ketua-ketua sukan di Sarawak, mereka pun ingin berjumpa menteri yang *handsome* ini tetapi tidak jumpa. Kalau menteri tidak datang, timbalan menterilah datang, dengar rungutan mereka, dengarlah kesedihan mereka, dengarlah apa rintihan mereka.

Semalam saya sebutkan macam mana hendak jadi jurulatih hoki wanita, tadi pasal hoki wanita disebut daripada Semenanjung tetapi dihantar ke Sarawak. Gaji dan elaun RM600 sebulan, ada tambahan daripada sini RM1.200 selepas itu total pendapatan RM1.800. Dari RM1.800 itu bayar rumah mungkin RM600, bayar kereta mungkin mungkin berapa lagi? Jadi macam mana hendak hidup?

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi dengarlah, sebelum saya menutup perbincangan saya ini, minta tolonglah lihat semula pendapat-pendapat *coach* ini supaya janganlah *coach* ini dianggap *office boy* sahaja, tidak. Kalau kita hendak maju untuk imej sukan kita baik, *coach* inilah pokok pangkalnya untuk membangun ahli-ahli sukan dan atlet kita. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Hulu Terengganu.

4.02 ptg.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya suka turut membahaskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Belia dan Sukan bagi 020100 - Pentadbiran Belia dan Sukan, 020200 - Pembangunan Sukan, dan 020300 - Pembangunan Belia.

Tuan Pengerusi, sekarang ini biala kita sebut sahaja persatuan sukan, tergambar di kepala-Rita ialah perbalahan, persengketaan, percakaran sesama sendiri sama ada atlet dengan jurulatih, sama ada di peringkat sesama atlet atau yang lebih berat lagi ialah perebutan jawatan dalam persatuan-persatuan. Dan sebut sahaja apa dia persatuan sukan, kita akan dengar bermacam-macam masalah ini sebagaimana yang berlaku kepada Persatuan Olahraga Malaysia, satu persatuan yang tertua di Malaysia tiba-tiba digantung pendaftarannya kerana perebutan dan perbalahan di dalamnya. Ini sangat memalukan kita dan saya rasa perkara ini sepatutnya diberi perhatian yang khusus oleh pihak kementerian. Kita tidak mahu bila sebut sahaja sukan, yang ada dalam kepala ialah percakaran dan perbalahan.

Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya pihak kementerian sama ada Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri atau menteri memberi perhatian yang khusus atau kalau tidak mampu lagi hendak menyelesaikan perkara ini, kita bagi Timbalan Perdana Menteri memangku jawatan ini atau Perdana Menteri sendiri kalau kita boleh buat kepada negeri Kelantan dan negeri Terengganu. Bila UMNO kalah teruk di Kelantan, kita lantik Perdana Menteri sebagai Pemangku Pengerusi Perhubungan UMNO.

Di Terengganu sekarang ini, kita lantik Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri kerana hendak menyelesaikan [Ketawa] UMNO melantik Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada kena mengena dengan apa yang hendak disampaikan.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Baik Tuan Pengerusi, terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengingatkan saya. Baik, sekarang bukan itu sahaja, tadi berdegar-degar saya dengar daripada UMNO sendiri, daripada Sarawak seolah-olah

semua sepakat dari segi persatuan belia dalam negara kita bahawa kita tidak mahu tengok lagi yang tua-tua ini memegang. Saya juga hendak panjangkan perkara ini di negeri Terengganu. Majlis Belia Negeri Terengganu, yang pegang sudah berpuluh-puluh tahun, umur sudah lebih 60 tahun, bekas Exco zaman tahun 70-an dahulu, tidak hendak turun-turun sampai hari ini, tidak cakap hendak tolak, tidak cakap hendak tolak, tidak turun dan kita dapat maklumat bahawa persatuan belia ini ada 8,419 persatuan belia tidak sampai 30% yang aktif - tidak bergerak, mesyuarat tidak pernah, apa pun tidak pernah.

Begitulah juga di negeri Terengganu, tidak bergerak persatuan belianya. Ketuanya 60 tahun lebih, UMNO belaka Tuan Pengerusi tidak bergerak. Jadi saya harap perkara ini kalau boleh kita buat peraturan, hadkan umur dia. Kalau kata 50 - 50, kalau kata 45 - 45 supaya kita hendak tengok generasi kita ini sihat. Hari-hari kita baca gejala dadah. Peningkatan dadah sekarang ini bukan bilang tahun lagi, bulanan peningkatannya, ribuan penagih dadah meningkat tetapi tidak ada kesungguhan hendak mengatasi perkara ini melalui saluran sukan dan persatuan-persatuan belia.

Saya sangat kecewa dengan apa yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan kepada kerajaan-kerajaan negeri yang tidak di bawah Barisan Nasional. Sebagai contoh Rakan Muda di negeri Terengganu, sepatutnya peruntukan ini diberi terus kepada kerajaan negeri kerana kita yang lebih maklum dan diberi mandat oleh rakyat untuk menyelesaikan masalah ini, tetapi saya tengok sekarang ini tiada usaha yang bersungguh-sungguh kerana wang ini disalurkan melalui saluran yang lain, yang tidak melalui kerajaan negeri, lebih-lebih lagi akhbar-akhbar lebih seronok tengok kalau gejala dadah banyak di negeri Terengganu dan Kelantan.

Gejala sumbang dan sebagainya banyak di Terengganu dan Kelantan, itu yang *dihighlight*, gejala lepak dan sebagainya. Adakah ia berkaitan dengan peruntukan ini maka kementerian tidak hendak beri kepada kerajaan negeri kerana tidak mahu tengok benda ini selesai di negeri berkenaan. Kalau inilah sebenarnya niatnya, sangat mendukacitakan kerana negeri Terengganu dari segi penduduknya 96% lebih orang Melayu yang sama dengan UMNO, orang Islam yang sama dengan UMNO, tetapi kalau niat kita hendak tengok kegagalan ini, hendak tengok anak bangsa kita rosak akhlaknya maka ini sangat mendukacitakan.

Sebab itu saya berharap kementerian dapat menyalurkan melalui kerajaan negeri peruntukan ini sebagaimana saya difahamkan Kementerian Pelancongan boleh buat. Kita sambut Hari Kemerdekaan, Kementerian Pelancongan beri peruntukan

kepada kerajaan negeri untuk buat program menyambut kemerdekaan. Kita buat Pesta Makanan dan Buah-buahan, Kementerian Pelancongan bagi peruntukan kepada kerajaan negeri untuk buat dan menteri datang. Ini saya rasa lebih berfaedah, lebih bermanfaat kepada rakyat keseluruhannya. Sebab itu saya berharap benar supaya kementerian dapat memberi kelonggaran, beri kepada kerajaan negeri, kita sama-sama bina rakyat, sama-sama bina untuk elakkan kerosakan kepada rakyat kita sendiri, Insya Allah.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya juga hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan Sukma yang baru disebut oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Saya ingin minta penjelasan apakah sebenarnya tujuan penganjuran Sukan Sukma ini, sukan dwi-lahunan ini? Adakah kerana kita hendak kegemilangan pingat emasnya ataupun hendak menonjolkan negerinya ataupun apa tujuan sebenarnya? Saya difahamkan melalui bacaan-bacaan, saya melihat di antara tujuannya ialah hendak mencungkil bakat baru dalam sukan untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih atas lagi, tetapi apakah usaha dibuat untuk melahirkan atlet-atlet dan ahli sukan untuk kita ketengahkan.

Setakat ini berapa orang yang telah kita berjaya cungkil daripada Sukma, daripada atlet kampung ini sehingga keluar menjadi seorang yang sangat berjaya. Saya dapat maklumatnya, seorang atlet yang ada sekarang ini dibenarkan mengambil lima acara. Bagaimana kita hendak mencungkil bakat baru kalau seorang boleh pegang lima acara dan begitu juga orang yang di peringkat kebangsaan, orang yang sudah ada nama juga boleh lagi memegang berbagai-bagai acara. Maka ini menyekat dan tidak kepada matlamat yang kita sebut tadi untuk menonjolkan atlet-atlet yang baru untuk kita ketengahkan ke dalam arena yang lebih besar lagi.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh satu lagi perkara yang pada saya tidak sesuai kepada kita sebuah negara Islam yang telah diisytiharkan oleh Perdana Menteri iaitu dalam Sukan Asia baru-baru ini apabila Ratu Boling kita, Shalin berjaya mendapat pingat emas, tiba-tiba beliau melonjak dan memeluk erat jurulatihnya, seorang lelaki. Bukan suami dia, bukan ayah dia, peluk jurulatih yang sebegitu rupa sekali, sumbang mahram akan terjadi kalau begitu. Oleh sebab itu, kalau kita masih ingat datam ingatan kita apa yang berlaku beberapa tahun yang lepas [*Ketawa*] bagaimana seorang jurulatih merangkap juru urut telah mengurus atlet kita, urut punya urut, urut punya urut, akhirnya berlaku perkara sumbang. [*Ketawa*] Bawa ke mahkamah dan lebih sedih lagi turutan

daripada kes ini akhirnya beliau mengambil keputusan membunuh diri dengan meminum minyak kuda dan beliau terkorban, sia-sia, ini yang berlaku.

Jadi saya minta kalau boleh pihak kementerian ...

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Ya, kalau boleh pihak kementerian supaya ada kod etika untuk atlet kita, apa dia batas-batas yang dia boleh buat. Jangan sampai ianya ketehaluan, lebih-lebih lagi kita sebagai sebuah kerajaan Islam yang telah diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa sudah cukup.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Saya ada sedikit lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh lah Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Sudah tidak boleh? Terima kasih banyak Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Saya bagi Tuaran dahulu.

4.12 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa ini bagi Maksud B.17, Butiran 020500 iaitu Pembangunan Ekonomi Belia.

Banyak sudah diperkatakan sebentar tadi tentang permasalahan, cabaran-cabaran negara kita dalam soal sukan. Saya ingin berbahas, Tuan Pengerusi, dalam soal Pembangunan Ekonomi Belia. Dalam butiran ini diperuntukkan sebanyak RM2,599,900 untuk tujuan ini. Dan menurut laporan dalam Belanjawan ini dinyatakan bahawa objektif pembangunan ekonomi belia ialah untuk melahirkan dan meningkatkan bilangan belia untuk menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan serta melahirkan usahawan belia yang berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing.

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat teras Belanjawan 2003 ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa ini adalah merupakan salah satu lagi permulaan baru, a *new beginning for Malaysia*, dengan izin, iaitu kerajaan berharap pertumbuhan ekonomi akan dijana oleh pelaburan dan kegiatan ekonomi tempatan. Dalam soal ini, pertumbuhan ekonomi akan dijana oleh usahawan-usahawan tempatan.

Kalau kita lihat dalam laporan ini juga, prestasi dalam pembangunan ekonomi belia menurut laporan ini kita lihat bahawa dalam tahun 2001 seramai 7,881 yang telah diberikan kursus tetapi yang mendapat pinjaman hanyalah 43 orang. Dalam tahun 2002, anggaran yang akan menghadiri kursus pula ialah 7,780 dan dianggarkan untuk mendapat pinjaman ialah 100 orang, dan dalam tahun 2003 ini pula bilangan yang dianggarkan untuk menghadiri kursus ialah 8,730 orang dan yang akan mendapat pinjaman hanyalah 100 orang.

Tuan Pengerusi, saya tidak mempunyai perangkaan jumlah para belia, khususnya yang tercicir selepas SPM atau selepas STPM. Tetapi bagi Negeri Sabah saya difahamkan bahawa bilangan yang tercicir ialah lebih kurang 20,000 setahun. Saya sedar-Tuan Pengerusi, bahawa kementerian-kementerian yang lain juga seperti Kementerian Pembangunan Usahawan juga terlibat sama dalam soal pembangunan keusahawanan, dan beberapa kementerian serta agensi yang lain. Tetapi dalam Kementerian Belia dan Sukan ini, khusus dalam soal pembangunan ekonomi belia, saya ingin tahu, apa sebenarnya yang dibuat oleh kementerian ini dan khusus dalam soal ini.

Apabila kita melihat misalnya, bilangan 43 orang, saya ingat ini terlalu sedikitlah. Kemudian dalam tahun 2003 ini, baru 100 orang. Saya ingat ini tidak mencerminkan dengan niat dan teras Belanjawan Tahun 2003, iaitu kita mahukan usahawan tempatan. Usahawan-usahawan tempatan, orang-orang Malaysia, rakyat Malaysia, untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara. Ini tidak mencerminkan. Saya ingin tahu, apakah sebenarnya program-program yang dilaksanakan oleh kementerian, sama ada di peringkat persekutuan, peringkat negeri dan peringkat daerah dalam soal ini.

Bagi Negeri Sabah Tuan Pengerusi, Kerajaan Negeri telah menubuhkan sebuah, apa yang dipanggil Majlis Perunding Belia, dan salah satu daripada jawatankuasa di situ ialah dalam soal pembangunan sumber manusia, dalam soal belia dan juga salah satu jawatankuasanya ialah pembangunan ekonomi belia. Dalam soal ini, kita masih lagi mencari-cari apakah program, apakah strategi, bagaimana kita mahu melaksanakannya, sedangkan Tuan Pengerusi, kalau kita lihat teras dalam bajet ini bahawa negara kita tidak akan lagi terlalu mengharap pelaburan daripada FDI. Kita mahu orang-orang kita untuk melabur, untuk memperbanyakkan lagi usahawan-usahawan dan untuk memperbanyakkan lagi kegiatan perniagaan.

Kalau kita lihat yang tercicir tadi, kemudian kita lihat bilangan graduan-graduan yang tidak mempunyai pekerjaan, apakah peranan kementerian untuk menggemblengkan tenaga ini? Tidak mempunyai pekerjaan, kita mahu mereka untuk

terlibat dalam perniagaan, tetapi apa yang kita buat? Jadi dengan peruntukan yang RM2.6 juta ini, apa boleh buat? Kenapa tidak ditambah peruntukan? Kenapa tidak diperbanyakkan sedangkan ini teras dalam belanjawan?

Saya ingin tahu apa sebenarnya yang dibuat dengan RM2.6 juta ini? Apa yang boleh dibuat? Adakah setakat untuk gaji, setakat untuk apa ... atau apa yang boleh dibuat? Saya fikir dalam *new era* ini, suatu perubahan baru dalam negara kita, saya mencadangkan supaya peruntukan untuk pembangunan belia dalam soal keusahawanan ini ditambah dan juga peranan Kementerian Belia dan Sukan ini harus dipertingkatkan, dan kerjasama di antara kementerian peringkat persekutuan dan peringkat negeri, harus juga dipertingkatkan. Dan dari segi pelaksanaan itu, haruslah ia sampai ke akar umbi, sehingga ke peringkat daerah supaya, Tuan Pengerusi, kita dapat membantu mengatasi masalah yang tercicir ini.

Kadang-kadang, misalannya di Negeri Sabah, baru-baru ini saya telah bertanya berapakah pekerja asing yang bekerja di Sabah, dan jawapannya ialah, kita mempunyai 95,000 pekerja asing yang mempunyai dokumen sah di Negeri Sabah. Kalau benarlah perangkaan yang menyatakan 20,000 yang tercicir selepas tingkatan lima, tingkatan enam dalam setahun, bererti dalam dua tahun, kita sebenarnya mempunyai lebih kurang 40,000. Ke manakah anak-anak ini? Yang setahu saya Tuan Pengerusi, ramai daripada belia ini berhijrah ke Kuala Lumpur - pergi bekerja di Semenanjung dan pelbagai masalah yang telah timbul.

Saya difahamkan bahawa ada di kalangan mereka juga terlibat dalam penagihan dadah, pengedaran dadah dan sebagainya - berbagai-bagai masalah. Maklumlah apabila belia ini berhijrah ke Kuala Lumpur yang begitu jauh, mereka jauh daripada keluarga, jauh daripada masyarakat mereka, mereka bebas berbuat apa sahaja. Bukan salah mereka datang ke sini, malah di Kuala Lumpur inilah tempat peluang-peluang berniaga, mendapat pekerjaankah, mendapat pendidikan, di sinilah peluangnya. Tetapi permasalahan dia, kita tidak dapat menyelesaikan masalah belia di peringkat akar-umbi.

Saya ingat ini suatu perkara yang serius sebab sekarang ini negara kita mempunyai berbagai masalah hasil daripada penguatkuasaan undang-undang dari segi pekerja asing, sedangkan sebenarnya ramai belia-belia ini yang kita belum kenal pasti. Saya juga ingin tahu bagaimanakah pihak kementerian, kerajaan mengenal pasti belia-belia ini di peringkat daerah yang kita boleh ambil sebagai pekerja dan sebagainya, supaya kita boleh latih dan sebagainya.

Misalannya di masa-masa akan datang, kita akan mempunyai Kolej-kolej Komuniti di setiap-tiap kawasan Parlimen. Dan kerajaan juga sudah menubuhkan Institut Latihan Perindustrian dan banyak lagi pusat-pusat latihan. Tetapi kesemuanya pusat-pusat latihan ini kerajaan mengharapkan agar belia akan respons. Maknanya kita harapkan dengan adanya iklan dan sebagainya, belia akan tampil ke hadapan untuk mendapatkan latihan-latihan ini.

Cadangan saya di sini Tuan Pengerusi, ialah bolehkah pihak kementerian supaya pro-aktif. Kita boleh bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan, Kementerian Pendidikan untuk mengenal pasti pelajar-pelajar kita yang gagal ini, yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ini, dan kita tawarkan kepada mereka kursus-kursus yang bersesuaian; Nanti lain kali kita mempunyai banyak Komuniti Kolej, tetapi kalau maklumat-maklumat ini tidak sampai ke akar-umbi nanti Komuniti-komuniti Kolej ini barangkali kosong, tiada orang yang datang, sedangkan sekarang ini kita bercerita tentang ICT dan sebagainya, di mana maklumat kita senang. Sebenarnya kita boleh sebarkan.

Di peringkat negeri sebagai contoh, Tuan Pengerusi, kita boleh mengadakan pangkalan data dari segi

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: tercikir ini, dan dari pangkalan data ini, kalau susah sangat mendapat maklumat itu, kita boleh dapat dari Lembaga Peperiksaan - kita sudah beri tahu belia-belia ataupun pelajar yang gagal, yang barangkali tidak bersesuaian untuk bidang-bidang akademik.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tuan Pengerusi, saya menggulung. Jadi, dengan itu saya berharap dalam tahun 2003 ini dan apabila nanti kita lihat prestasi, saya harap yang mendapat pinjaman ini bukan 100 sahajalah. Kalau begitulah 100 yang mendapat pinjaman, yang pergi kursus ini hanya 8,000, saya fikir itu tidak mencerminkan teras belanjawan kita pada tahun ini iaitu menjana pertumbuhan ekonomi dan kekuatan usahawan kita sendiri. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Tumpat. Saya sebut Tumpat, ya.

4.22 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut sama dengan rakan-rakan membahaskan Kementerian Belia dan Sukan dengan merujuk khusus kepada Butiran 020300 - Pembangunan Belia. Dalam perbahasan sepanjang hari ini, saya bersyukur kerana mendengar ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kedua-dua pihak yang memberikan pandangan-pandangan yang kritikal tetapi hampir kesemuanya adalah menumpu ke arah bagaimana hendak memperbaiki lagi tahap mutu kedudukan para belia kita khususnya, sama ada dalam bidang sukan ataupun bidang pembangunan belia secara keseluruhannya. Saya berharap untuk menggunakan sedikit masa untuk menumpu kepada pembangunan belia secara khususnya.

Tuan Pengerusi, masyarakat kita memerlukan peranan dan pembangunan belia yang amat terjaga supaya masa depan negara kita juga akan terjaga ada terjamin. Kita bimbang kalau kedudukan belia tidak dijaga, tidak dipupuk dengan baik, khususnya dari pihak kerajaan, maka akhirnya yang akan menimpa kerugian ialah seluruh negara kita. Oleh sebab itu saya amat suka mendengar bahawa pandangan-pandangan yang dikeluarkan tadi agak kurang berbanding dengan perbahasan-perbahasan dalam kementerian-kementerian yang lainnya, merujuk khusus kepada keuntungan mana-mana parti politik tetapi lebih banyak menumpu kepada pentingnya negara ini membina belia kita untuk mengambil tempat-tempat kita dalam negara ini selepas kita tiada lagi berperanan di muka bumi Malaysia kita ini.

Tuan Pengerusi, peranan belia dan hubungannya dengan asas kehidupan kita sebagai manusia, iaitu membina belia yang mempunyai semangat perjuangan dan moral yang tinggi perlu sekali ditekankan. Saya amat bimbang kerana jika diabaikan kedudukan belia sebagai orang-orang yang mempunyai asas moral yang tinggi, maka kehancuran moral di kalangan para belia di negara kita ini sebagaimana saya sebutkan tadi, akan mengakibatkan kehancuran asas perpaduan dan asas masyarakat dalam negara kita ini.

Contoh-contoh yang kita lihat hari ini adalah amat membimbangkan. Sebagai hanya satu sahaja contoh yang bukan bertujuan untuk mempartipoliticikan masalah ini, ada dengan saya ini satu keratan daripada akhbar "*The Star*" bertarikh 14 September 2002, yang bertajuk, "*High divorce rate in Johor worries officials*", yang bermakna, kadar perceraian yang tinggi di Negeri Johor membimbangkan pegawai-pegawai. Yang dimaksudkan di sini ialah bahawa hampir atau lebih kurang 2,000 daripada 11,575

pasangan Islam yang berkahwin tahun lalu, telah memohon untuk bercerai dengan menggunakan alasan-alasan tidak mempunyai hubungan yang baik atau *incompatibility* dan mempunyai hubungan dengan orang lain, dengan izin, *extra-marital affairs as reasons for divorce*. . . .

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa kaitannya Yang Berhormat dengan kementerian?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Pembangunan belia bagaimana pentingnya membina moral belia ini supaya apabila mereka berkahwin, mereka akan terus kekal dengan asas moral untuk menjaga perkahwinan mereka supaya jitu dan tidak wujud perceraian yang beiieluasa seperti ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Orang tua pun ramai bercerai, ya.

Dato* Kamarudin bin Jaffar: Saya yakin Tuan Pengerusi, bahawa masalah ini, sebab itu bukan untuk mempolitikkannya, bukan sahaja berlaku hanya di Negeri Johor. Ianya saya yakin berlaku mungkin di seluruh negara kita, iaitulah secara umumnya kadar perceraian di kalangan pasangan-pasangan muda tanpa mengira agama pun, saya kira adalah pada tahap yang tinggi.

Oleh sebab itu, saya fikir adalah amat penting bahawa kementerian ini menumpukan sebahagian daripada programnya dalam tajuk "Pembangunan Belia" ini, untuk mewujudkan di kalangan belia sikap-sikap, asas-asas moral yang baik, cara berhubungan dengan baik supaya masalah-masalah seperti ini tidak wujud, walau di negeri mana sekalipun, walau bagaimana tahap ekonominya sekalipun. Kalau Negeri Johor yang kaya pun mengalami masalah ini, mungkin negeri-negeri yang miskin mempunyai masalah ini pada kadar yang lebih besar, mungkin. Atau mungkin sebaliknya.

Ini saya fikir perlu diberi perhatian oleh kementerian ini supaya masyarakat kita, belia kita, pasangan-pasangan muda kita, mempunyai keadaan yang stabil dan tidak diganggu oleh masalah-masalah yang seperti perceraian, seperti masalah-masalah yang lain. Ini saya fikir amatlah penting supaya belia-belia kita, jika tidak lagi berharapan dengan masalah seperti ini, boleh menumpukan masa dan tenaga mereka untuk bekerja dan menjadi orang-orang profesion yang baik dan dengan itu mengukuhkan lagi negara kita.

Keduanya, saya ingin bertanya dengan kementerian berkaitan dengan persatuan-persatuan belia. Sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan yang lain,

persatuan-persatuan belia di peringkat negara, di peringkat negeri, berada dalam keadaan yang amat lemah sekali. Saya ingin tahu butiran-butiran walaupun terdapat dalam laporan berkenaan aktiviti tetapi tidak begitu jelas. Berapa jumlah persatuan-persatuan belia yang ada dalam negara kita ini? Daripada yang ada, yang ada mungkin ribumannya, berapa yang sebenarnya aktif? Dan daripada yang ada ini, dan daripada yang aktif itu, berapa jumlah para belia yang terlibat, secara benar-benar terlibat dengan aktifnya dalam persatuan-persatuan yang aktif ini.

Kebimbangan kita ialah tidak banyak persatuan-persatuan belia ini yang aktif. Kebimbangan kita ialah lebih banyak daripada persatuan-persatuan ini lebih menumpukan masa dan tenaga mereka, seperti juga persatuan sukan yang disebutkan oleh rakan-Takan yang lain, berpolitik dalaman di kalangan mereka ataupun jika tidak berpolitik dalaman, cuba terlibat dalam politik di luar persatuan-persatuan mereka, khususnya parti-parti politik.

Saya fikir kita mewakili semua pihak untuk mengatakan cara yang terbaik, jalan yang terbaik, kaedah yang terbaik bagi semua persatuan-persatuan belia ialah untuk tidak terlibat dengan mana-mana parti politik sekalipun.

Jika mereka berhasrat begitu, maka mereka boleh menyertai cabang-cabang pemuda-pemuda, wanita ataupun puteri yang ada di dalam UMNO ini untuk penglibatan mereka dalam politik tetapi yang persatuan-persatuan politik yang lainnya, yang didaftarkan di bawah Pendaftar Pertubuhan ini tidak patutnya dibenarkan untuk terlibat dalam bidang politik.

Ini sekali lagi saya sebut bukan untuk menguntungkan PAS ataupun merugikan UMNO. Saya fikir UMNO pun tidak dapat keuntungan apa-apa daripada pemimpin-pemimpin belia tiap-tiap hari, tiap-tiap minggu mengeluarkan kenyataan menyokong Perdana Menteri, menyokong UMNO, tidak ada, saya fikir kesan yang positif sangat pun kepada UMNO, sebab orang tahu siapa pemimpin-pemimpin belia ini dan orang mengharapkan mereka menumpukan kepada memperkukuhkan persatuan-persatuan belia mereka dan bukan melibatkan diri dalam badan-badan politik sama ada menyokong ataupun menentang mana-mana pihak.

ini saya fikir amat penting Tuan Pengerusi, memandangkan bukan sahaja contoh perceraian yang saya sebut tadi, kita dengar dan kita tahu bahawa daripada segi jenayah-jenayah lain, jenayah-jenayah dadah dan sebagainya, ianya adalah amat berleluasa dan terus berteluasa dan melibatkan bukan sahaja masyarakat bumiputera tetapi bukan bumiputera.

Dalam hubungan ini,....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ayat akhir. Dalam hubungan ini, saya juga merayu kepada bukan sahaja kementenan tetapi kerajaan seluruhnya untuk melonggarkan lagi tekanan-tekanan dan sekatan-sekatan untuk membuka lagi demokrasi kepada para belia ini bukan sahaja dalam masyarakat umumnya tetapi juga di tempat-tempat khusus seperti dalam kampus-kampus, dalam maktab-maktab supaya belia kita dapat pendedahan awal untuk berlatih, untuk menjadi orang-orang yang aktif dalam sistem demokrasi yang mereka akan terlibat selepasnya.

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Baik, terima kasih.

Tuan Muhamad bin Mustafa: *[Bangun]*

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh, dua orang lagi. Saya bagi Yang Berhormat bagi Peringat, selepas itu Yang Berhormat bagi Bachok, selepas itu Timbalan Menteri menjawab.

4.35 ptg.

Tuan Muhamad bin Mustafa [Peringat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmanni Rahim.*

Tuan Pengerusi, saya ingin turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan ini dengan merujuk kepada Butiran 020000. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa belia merupakan aset dan kekayaan negara yang paling mahal sekali. Jika kekayaan ini tidak dapat dijaga dengan baik, sudah pasti itu merupakan satu kemalangan dan kerugian yang besar kepada negara kita ini kerana merekalah yang akan mengambil alih tampuk kepimpinan negara kita sekarang ini.

Apabila kita tengok kepada perkembangan belia di negara kita sekarang ini tanpa dinafikan bahawa ramai belia yang baik dan cemerlang tetapi di waktu yang sama ramai juga belia yang menghadapi masalah dalam kehidupan kebeliaannya.

Oleh kerana itu, kita sangat mengharapkan kepada Kementerian Belia dan Sukan ini memainkan peranan yang penting untuk memberi isi dan pengertian yang sebenar kepada kehidupan belia yang sekarang ini kelihatan begitu kosong semacam tidak terisi dengan matlamat hidup yang sebenar. Saya harap pihak kementerian perlu

menegaskan atau memperbaharui ingatan mereka kepada matlamat sebenar kehidupan belia itu sendiri dalam konteks negara kita sekarang ini.

Saya bagi pihak rakyat di kawasan Parlimen Peringat sangat dukacita terhadap kementerian ini dan juga Jabatan Belia dan Sukan Negeri kerana program-program belia ini tidak sampai ke kawasan ini. Saya pun berasa hairan kenapa 'hujan', kementerian ini tidak sampai ke kawasan Peringat...

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: *Insya-Allah* sampailah.

Tuan Muhamad bin Mustafa: *Insya-Allah* sampai, ya. Jadi, masyarakat tertanya-tanya kenapa program belia dan sukan begitu sepi dan lengang di peringkat akar umbi khususnya di luar bandar, di kampung-kampung seolah-olah ada satu jurang perbezaan yang begitu jauh, bukan sahaja daripada segi jurang digital tetapi jurang daripada segi program sukan pun begitu ketara sekali...

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan, Yang Berhormat Bagan Datok.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Hendak tanya juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan?

Tuan Muhamad bin Mustafa: Silakan.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, silakan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada sahabat saya Yang Berhormat bagi Peringat. Semasa Menteri Belia dan Sukan datang daripada Peringat, saya tidak dengar pula orang Peringat ucap terima kasih pun. Banyak kebanjiran projek-projek daripada Kementerian Belia dan Sukan untuk belia-belia di Peringat. Sekarang ini apabila Peringat diwakili oleh Yang Berhormat sendiri, saya dengar rungutan daripada Yang Berhormat.

Jadi, kalau kita tidak berterima kasih macam mana pula kita boleh kompelin kalau di peringkat akar umbi ini tidak ada projek.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi bagan Datok. Itu dahulu. Dahulu lain, sekarang lain *[Ketawa]* Saya juga ucap terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat bagi Bagan Datok yang cuba memperingatkan Peringat *[Ketawa]* Ini kerana apa yang dialami oleh Parlimen Peringat sekarang ini ialah masalah diskriminasi yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu ...

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Tuan Muhamad bin Mustafa: Ya [*Ketawa*] Mungkin kerana Menteri kalahlah kot. Diskriminasi ini cukup terasa, yang pertama saya sendiri sebagai orang yang diberi amanah di kawasan Parlimen ini tidak pernah dijemput pun oleh pihak-pihak yang tertentu sama ada daripada jabatan yang berkenaan ataupun pihak-pihak yang tertentu untuk membincangkan masalah belia atau masalah sukan di kawasan ini.

Saya pun tidak faham, apa salah saya sebenarnya [*Ketawa*] Apakah salah saya sebenarnya sedangkan... [*Disampuk*] Pembangkang adalah di dalam Perlembagaan Negara kita pun membenarkan dan kita adalah sebahagian daripada kerajaan. Kerajaan Malaysia ini terdiri daripada parti kerajaan dan parti pembangkang. Pembangkang adalah parti yang sah di sisi Perlembagaan Negara. Kita bukan komunis.

Jadi saya pun hairan kenapa kerajaan ini boleh bertindak begitu rupa dan di waktu yang sama mereka mendakwa bahawa mereka adalah kerajaan yang adil dan mendabik dada adil. Jadi, mereka seolah-olah hendak memperlihatkan keadilan tetapi apa yang beriaku sebenarnya tidak adil [*Disampuk*] Ya, minta maaf ya, Yang Berhormat bagi Bagan Datok.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, terus-terus Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Jadi, saya haraplah di masa-masa yang akan datang kita perlu ada satu muafakat, satu muafakat daripada kerajaan dan pembangkang supaya berlakunya perpaduan. Jadi, saya tengok sekarang ini punca-punca yang beriaku perpecahan dalam masyarakat banyak disebabkan oleh kerajaan. [*Disampuk*] Ya, memang, kerana apa? Kerana berlakunya diskriminasi dan sebagainya.

Ya, jadi, kalau Yang Berhormat bagi Sri Gading mengatakan *Astaghfirullah*, bagus juga kalau dia bertaubat daripada - *Astaghfirullah* itu istighfar, bertaubatkan, kalau kita boleh bertaubat lagi baguslah supaya jangan beriaku diskriminasi begini. Sama juga dengan peruntukan-peruntukan.

Jadi, saya sebagai wakil rakyat yang sah di sisi Perlembagaan Negara tidak diberi peruntukan. Jadi, dalam keadaan kita tidak mempunyai peruntukan apa-apa, kita dituduh kita tidak membawa apa-apa kemajuan, kita itu, kita ini, cubalah bagi keadilan, diberi kekuatan bersama, diberi peluang sama, *insya-Allah* kita akan boleh buat mungkin lebih baik daripada barisan lagi, *insya-Allah*.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:
[*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Timbalan Menteri.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Boleh beri jalan.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Timbalan Menteri pun minatjuga ya *[Ketawa]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Peringat. Saya terpanggil bila Yang Berhormat menyebut tentang perpaduan ini. Soal perpecahan yang Yang Berhormat sentuh datangnya daripada kerajaan, tetapi sejauh pengetahuan saya, tidak tahu benar atau tidak benar, setuju tidak Yang Berhormat bagi Peringat, bandingan, contohnya di negeri Sabah dengan Kelantan.

Di Kelantan, PAS memerintah berlandaskan agama Islam yang begitu kuat. Di Sabah Barisan Nasional. Pelbagai anutan agama di situ. Pelbagai kaum di situ. Tetapi alhamdulillah, selama kerajaan memerintah di negeri Sabah, pelbagai agama, pelbagai anutan dan kebudayaan dapat disatukan sehingga baru-bau ini walaupun menurun tetapi meningkat bilangan undi Barisan Nasional menang di Gaya. Sokongan daripada kaum Kadazan dan sokongan daripada kaum yang lain.

Ini memperlihatkan kepada kita bahawa penyatuan umat daripada pelbagai kaum dan pelbagai anutan agama. Kebenarannya adalah daripada Allah S.W.T. Kebenaran dan kenyataan yang ada pada hari ini, kita dapat menyatukan umat walaupun berbeza agama dan bangsa. Tetapi di Kelantan, umat Islam berbalah dan berpecah, di masjid berpecah, di surau berpecah, di pejabat-pejabat lain berpecah dan di rumah pun berpecah. Semua masyarakat setuju tidak dengan saya, ini petunjuk daripada Allah S.W.T tentang kebenarannya.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau kita tengok soal perpecahan, memang. Kalau hendak tengok dari segi parti pun, di kalangan UMNO lebih hebat berpecah. *[Disampuk]* Ini semua dunia tahu, dunia tahu, tidak boleh hendak sorok. *[Disampuk]* Ya?

Puteri UMNO yang baru ditubuhkan pun, sudah mula belajar untuk berpecah. Jadi, kita kena mengakulah. Soal perpaduan ini adalah soal kita bersama. Yang kita hendak bersatu sekarang ini bukan hanya di Sabah. Di mana-mana pun, kita kena bersatu dan kita kena bermuafakat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Jadi, saya bersetuju bahawa kita mesti bermuafakat dalam perkara yang kita sepakati dan kita cuba hormat-menghormati

dalam perkara-perkara yang kita berbeza. Jadi, apa yang kita sudah sepakat mengikut **Perlembagaan** Malaysia, memang kita kena bagi peruntukan-peruntukan yang menjadi hak rakyat. Jadi, bagi sahajalah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Jadi, kalau ini boleh diberi dengan baik.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Ya? Kesimpulan. Jadi, kalau sekiranya Kerajaan Pusat ingin bersatu padu atau ingin membina perpaduan, bagi sahaja hak kepada yang berhak, jangan bagi kepada yang tidak berhak. Insya-Allah, kalaupun Kerajaan Pusat boleh menegaskan dasar ini, *[Disampuk]* member! hak kepada yang berhak dan jangan bagi hak kepada yang tidak berhak. Insya-Allah, tidak akan berlaku perpecahan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa habis Yang Berhormat.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Bachok, selepas itu Timbaian Menteri menjawab.

4.42 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk memberitukan beberapa perkara dalam pandangan yang mungkin positif kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan, khusus kepada Butiran 040500 - Program Jati Diri Remaja. Saya cuba tumpu kepada isu ini dalam mempertikaikan kejayaan kementerian ini untuk melahirkan generasi belia yang mempunyai jati diri yang serasi dengan wawasan negara.

Pertama sekali, saya mempertikaikan dari sudut penerusan generasi belia untuk menghayati prinsip demokrasi yang menjadi teras politik negara. Dalam kes-kes yang berlaku, khususnya saya cuba merujuk kepada kes pilihan raya kecil yang berlaku kebelakangan ini dengan tidak merujuk satu kes di Gaya.

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada kena mengena dengan belia, Yang Berhormat?

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Ada kena-mengena kerana jati diri yang dikehendaki oleh kementerian ini dan negara khususnya, untuk melahirkan generasi

belia yang menghayati, betul-betui mengamalkan dan meneruskan agenda politik negara, khususnya prinsip demokrasi yang menjadi teras politik negara. Dalam perjalanan pilihan raya-pilihan raya kecil, khusus yang terakhir sebelum ini ialah di Pendang dan Anak Bukit dan sebelum ini ialah di Indera Kayangan, kita melihat trend dan kecenderungan pengundi-pengundi muda, kita nampak banyak berpihak kepada pembangkang. Kenapa perkara itu berlaku? Mungkin ia boleh dianggap gagal oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional untuk merancang beberapa program jati diri bagi pihak kementerian sendiri.

Tetapi asas yang harus kita ambil perhatian ialah beberapa insiden keganasan ataupun perkara-perkara liar dalam menghayati prinsip demokrasi ini, kita nampak banyak kes yang dilaporkan, walaupun tidak disiasat secara rasmi oleh pihak polis, dicituskan oleh generasi belia ataupun pengundi-pengundi muda. Misalnya dalam kes Indera Kayangan, seorang polis yang telah dibantai oleh petugas-petugas pemuda yang dikenal pasti ialah Pemuda UMNO. Begitu juga kes lampu kereta Ketua Pemuda PAS Pedis pecah yang dibantai oleh Pemuda UMNO. Begitu juga 50 orang pemuda UMNO yang memakai *vest* merah telah mengadakan satu usaha kacau ganggu kepada kempen pilihan raya BA ataupun Keadilan pada masa itu.

Demikian juga saya rekodkan ada empat kes yang melibatkan pemuda, khususnya daripada Parti Barisan Nasional yang menjalankan beberapa aktiviti bercanggahan dengan prinsip demokrasi negara yang tidak langsung menghayati suatu jati diri yang diawasi oleh negara. Jadi, program untuk melahirkan kes sebegini, saya contohkan lagi ialah kes di Pendang baru-baru ini. Gerombolan pengundi-pengundi muda telah diasak untuk merangsang satu gerak kerja menurunkan poster serta sepanduk-sepanduk bulan daripada PAS di pekan Pendang. Tarikhnya ialah 15 Julai pada awal pagi, 12.30 malam. Perkara ini direkodkan oleh polis kerana pihak PAS membuat laporan.

Begitu juga berlakunya pecah cermin kereta petugas PAS oleh kerja-kerja Pemuda UMNO di Pokok Asam dan pada hari mengundi, satu kes merujuk kepada...

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: ...Padang Durian. Sekejap ya, saya hendak habiskan.

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan Datok berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Sekejap. Di Padang Durian pada hari mengundi, provokasi...

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Provokasi telah dibuat oleh petugas-petugas Pemuda UMNO dari Wiyayah Persekutuan sehingga mencetuskan pergaduhan. Siiakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bagan Datok.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat, apa kena-mengena dengan peruntukan yang kita hendak bincangkan dengan Kementerian Belia dan Sukan ini? Ini cerita tentang Pemuda UMNO, pemuda PAS ini. Yang kita hendak bincangkan ini tentang Kementerian Belia dan Sukan. Sejauh mana peruntukan tidak sampailah, program mana yang kita hendak salurkan. Saya ingat Tuan Pengerusi, biarlah Yang Berhormat ini khusus sedikit, ini Jawatankuasa peringkat khusus. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya sudah beritahu Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Sukatan kepada program jati diri remaja ini, saya yakin perlu untuk menjuruskan pembentukan jiwa yang sihat, akhlak moral dan menghayati betul-betul lunas-lunas demokrasi negara menjadi prinsip atau teras politik negara.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Sekiranya kejayaan sebenar di bawah program jati dirt ini, saya yakin dalam kita menghayati, mengamal dan mempraktikkan sistem demokrasi ini, tidak berlaku kes-kes sedemikian.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Oleh kerana itu, hasrat...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading berdiri Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: ...Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menjalankan urusan pilihan raya yang adil dan telus, ini akan berjaya sekiranya program jati diri ini berjaya. Sri Gading.

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya rasa sahabat saya dari Bachok ini 'mengata dulang, paku serpih, mengata orang, diri yang lebih'. Kalau tuduhan kepada pergerakan Pemuda di Pendang, Pemuda PAS simbah asid ke kereta, soal turunkan bendera UMNO, Barisan Nasional itu soal yang memang sudah jadi agenda utama Pemuda PAS. Malahan, dengar cerita ada Pemuda PAS pukul Pemuda UMNO kerana memasang bendera. Jadi, janganlah Yang Berhormat 'mengata dulang, paku serpih, mengata orang, PAS yang lebih'.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat bagi Sri Gading sebab dalam usaha untuk membentuk generasi masa depan, penghayatan jati diri remaja ini mesti dimulakan dengan kedua-dua belah pihak, kerajaan mahupun pembangkang.

Persoalan berbangkit, kedua-dua pihak ini mesti diselesaikan oleh pihak kerajaan yang memerintah, bukannya parti pembangkang yang hendak memerintah. Kalau diserahkan asas pemerintahan itu kepada pembangkang, lain cerita yang akan dibuat pula. Kemudian, kejayaan...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Saya ingat cukuplah.

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sedikit sahaja.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Ya, sedikit sahaja? Tidak banyak?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tidak banyak, betul, betul.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Okey, boleh.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Cuma hendak tahu sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah lebih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat. Saya hendak tanya mana lebih baik. Okeylah Yang Berhormat tuduh Pemuda UMNO menurunkan bendera dengan orang tua PAS selak kain, mana baik? *[Ketawa]* Yalah, kalau ikut saya, memang teruk itu, cakap betul. Tetapi tidak apalah, ini dalam mahkamah. Tidak apalah, ini dalam siasatan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tidak usah panjang sangat Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Itu bukan rujukan sebab kita berbincang di atas tajuk generasi muda. *[Ketawa]* Sebab cerita selak kain itu, itu cerita orang tua.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Dia minta....

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Minta maaf, tidak boleh ulas panjang. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kain pun tidak ada.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Saya hendak masuk yang akhir, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kena selak.

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Yang akhirnya, saya melahirkan rasa dukacita dengan kegagalan pihak Kementerian Belia dan Sukan untuk membentuk akhlak, moral di kalangan belia. Ini kerana, kebelakangan ini berlakunya kes-kes ataupun gejala sosial serta perkara-perkara yang dianggap negatif dalam kehidupan masyarakat yang harmoni. Ada berlakunya rendah moral, *vandalism*, penagihan dadah, amalan merokok yang tidak terbatas, amalan remaja yang merokok meniru orang tua dan seumpamanya sebagaimana tiru Yang Berhormat bagi Sri Gading mungkin. Ini satu perkara yang boleh kita nilai daripada angka yang saya dapati, misalnya dalam tempoh perbandingan di antara Januari hingga Jun 2001 berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2002.

Dalam tahun 2001 - 2,647 kes remaja kita terlibat dengan jenayah juvana. Begitu juga dalam tempoh tahun 2002, direkodkan 1,431 kes. Angka ribu-ribu ke atas ini suatu contoh kegagalan dalam usaha untuk membentuk jiwa yang terdidik dengan harmoni bagi menghayati kehidupan yang bahagia dan harmoni serta menghindar asas-asas negatif dalam kehidupan pemuda ataupun belia itu sendiri. Demikian juga berlakunya pemuda dianggap sebagai virus dalam masyarakat yang merosakkan segala

asas fahaman kehidupan, mencabar kewibawaan orang tua dan sekali gus merosakkan bakat dan kepimpinan serta masa depan untuk meneruskan masyarakat yang terarah kepada suatu asas keharmonian.

Oleh kerana itu, saya mencadangkan supaya pihak kementerian dalam program memperkasakan lagi program jati diri remaja ini, seharusnya pihak kementerian mengkaji balik sukatan program, pengisian dan pendekatannya dan saya mencadangkan dalam program ini, suatu pendekatan yang *compulsory* ialah penghayatan kepada asas ajaran agama serta pembinaan akhlak yang tinggi lagi perkasa bagi memastikan setiap generasi belia di sekolah, di universiti ataupun di peringkat pengajian tinggi, bila keluar nanti mereka mempunyai suatu keperkasaan diri bagi membentengi diri untuk berjaya dalam kehidupan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Timbalan Menteri menjawab.

4.52 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu, izinkanlah saya merakamkan penghargaan saya kepada kesemuanya, 19 orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa mengenai bajet bagi Kementerian Belia dan Sukan. Sementara pandangan, cadangan, kritikan dan teguran yang disuarakan tadi itu memang terdapat banyak yang akan dapat memperkaya percambahan fikiran kita supaya kita sama-sama dapat mencapai kemajuan dalam proses pembangunan belia dan sukan di negara kita.

Walaupun demikitan, terdapat juga beberapa butir yang saya rasa pernah saya jawab dahulu dalam Dewan yang mulia ini. Walaupun demikian Tuan Pengerusi, saya tidak jemu-jemu hendak menjawab apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Untuk menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, suka saya menarik perhatian Yang Berhormat bahawa istilah industri sukan itu sebenarnya begitu kurang tepat. Kiranya hendak dihubungkaitkan dengan pembangunan sukan yang dimaksudkan sebab industri sukan itu biasanya membawa makna yang berkaitan dengan industri-industri yang berkaitan dengan sukan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kinabatangan menyentuh tentang perlunya pihak kementerian campur tangan dalam urusan persatuan-persatuan sukan kebangsaan. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997, pihak kementerian tetap memainkan peranannya

dalam usaha mengawal selia dan memantau aktiviti sukan tetapi dalam pada itu, perlu juga kita memberi perhatian bahawa persatuan-persatuan sukan kebangsaan yang dimaksudkan itu tidak mempunyai kuasa-kuasa autonomt yang tertentu. Ini termasuk pemilihan pucuk pimpinannya dan juga hal-ehwal urusan sehari-harian. Itu biasanya pihak kementerian tidak akan masuk campur secara langsung meainkan bila sesuatu persatuan sukan kebangsaan menghadapi kemelut.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dahulu Yang Berhormat. Menghadapi kemelut yang tertentu, barulah pesuruhjaya sukan akan masuk campur seperti mana yang dapat kita lihat dalam kes yang membabitkan KOAM...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kinabatangan bangun Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada beberapa perkara. Pertama, kenapa saya menggunakan istilah industri sukan? Ini kerana, negara-negara yang telah berjaya melaksanakan program sukan mereka, ianya telah dijadikan sebagai industri pendapatan negara itu sendiri di mana ianya mendatangkan hasil yang lumayan kepada negara-negara yang telah berjaya dalam sukan.

Yang kedua, memang kita menghormati apa juga akta dan peraturan-peraturan dalam persatuan-persatuan sukan tetapi kita tidak boleh pula "sudah terhantuk, baru tengadah, sudah kena, baru hendak cari ubat dia". Kita melihat kalau pun mungkin persatuan sukan itu dipilih oleh ahli-ahli dia tetapi tempoh dia ada, kalau ianya tidak menampakkan kejayaan, maka campur tangan harus diadakan di mana pendekatan harus ada di antara kementerian dengan persatuan-persatuan sukan yang tidak boleh melahirkan para atlet ataupun pemain-pemain sukan, maka harus dipersoalkan, dipertanggungjawabkan, kenapa persatuan ini tidak memainkan peranan yang seluas mungkin untuk memastikan bahawa sukan yang diceburi oleh persatuan ini boleh menghasilkan para atlet yang cemerlang dan boleh mewakili negara serta boleh memenangi apa jua pertandingan. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sebenarnya tidak sempat saya hendak huraikan apa yang saya hendak jawab kepada butir-butir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebenarnya, sudah pernah berlaku dalam sejarah dan pembangunan sukan negara kita di mana sesebuah persatuan sukan kebangsaan itu yang akan diambil alih oleh pihak kementerian semata-mata kerana ianya tidak dapat

membuktikan kebolehnya untuk memajukan sukan yang berkenaan khususnya daripada segi prestasi, bilangan pingat yang dapat dimenangi dalam satu-satu temasya sukan. Ini tidak timbul langsung.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat juga menyentuh tentang tempoh bagi seseorang pemimpin menyandang sesuatu jawatan dalam persatuan sukan kebangsaan. Walaupun ini sering kali dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini tetapi untuk makluman Yang Berhormat, ini tetap diambil kira dalam kajian pihak kementerian kebeiakangan ini. Dalam erti kata lain, cadangan yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bersabit dengan perkara ini tetap diberi perhatian yang wajar. Walaupun demikian, setakat ini belum ada lagi sebarang kata putus mengenai sama ada kita akan menghadkan tempoh bagi seseorang pemimpin yang menyandang jawatan dalam persatuan sukan kebangsaan.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Dewan yang mulia ini, salah satu topik yang hangat dibahaskan adalah prestasi pasukan bola sepak negara kita kebeiakangan ini. Ini bukan sahaja bersabit dengan prestasinya dalam Sukan Asia di Busan yang berlangsung sekarang bahkan pada pendapat saya, ianya telah pun membangkitkan kesedaran di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat kita mengenai peri pentingnya kita bertindak untuk membendung kemerosotan prestasi bola sepak negara kita sebab pada keseluruhannya, prestasi bola sepak kita tetap dianggap sebagai memilukan.

Saya masih ingat lagi Tuan Pengerusi, dalam Dewan yang sama pernah juga saya menjawab soalan yang menjurus kepada topik yang sama di mana saya pernah menyentuh tentang salah satu punca masalah iaitu berikutan adanya kes sogokan wang yang membabitkan pemain-pemain kita, kalau tidak silap saya bilangan pemain-pemain kita terbabit pada ketika itu melebihi 100 orang dan mereka telah pun disingkir dari pasukan negara kita. Dan seterusnya apa yang kita nampak adalah satu *gap*, dengan izin ataupun satu jurang, satu kekosongan yang perlu di tsi yang setakat ini saya rasa ianya masih belum lagi dapat diisi dengan sepenuhnya.

Dalam hubungan ini Tuan Pengerusi, saya juga pernah menyentuh tentang tidak banyak pasukan bertaraf antarabangsa yang rupa-rupanya tunjuk minat hendak datang, hendak menerima pelawaan kita supaya dengan menerusi lawatan mereka moga-moga ianya akan dapat memberikan, membolehkan pemain-pemain kita pendedahan ataupun *exposure* yang sewajarnya untuk bersaing, untuk bermain dalam arena sukan bola sepak.

Tuan Pengerusi , saya, apa yang saya sebut sebenarnya adalah tidak banyak pasukan bertaraf antarabangsa, bukannya tiada langsung pasukan asing yang tunjuk minat. Ini perbezaan yang ketara tetapi malangnya ini telah pun disalah anggap ataupun diputar belit oleh pihak yang tertentu dalam usaha mengelirukan keadaan. Inilah yang saya anggap paling malang sekali.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Larut membuat dakwaan bahawa saya melenting bila ditegur. Saya rasa kiranya kita menyingkap kembali kepada *Hansard* yang sedia ada, saya rasa setakat ini, saya sekadar memberi penjelasan yang sewajarnya mengenai butir-butir yang dibangkitkan oleh mana-mana pihak, mana-mana seorang Ahli Yang Berhormat, dan kiranya tindak tanduk sedemikian rupa iaitu penjelasan-yang diberi itu tidak disenangi oleh pihak yang tertentu saya minta maaf, Tetapi tak kanlah, ini juga disifatkan sebagai sifat melenting. Ini saya rasa kurang tepat dan kurang ada sama sekali.

Yang Berhormat Larut juga mengesyorkan supaya Menteri dan Timbalan Menteri turun ke padang. Ini satu syor yang baik, saya rasa bukan saja Menteri dan Timbalan Menteri sahaja yang perlu turun ke padang tetapi juga semua pegawai yang berkenaan termasuk juga pegawai dari persatuan sukan yang berkenaan.

Tidak kisah sama ada dari persatuan bola sepak ataupun persatuan sukan yang lain. Ini memang tanggungjawab kita bersama, tetapi dalam pada itu Tuan Pengerusi, istilah turun ke padang ini sebenarnya tidak sepatutnya berteraskan kepada kehadiran seseorang pemimpin pada sesuatu temasya sahaja. Hah, ini saya rasa kiranya inilah yang diambil sebagai satu kayu pengukur, satu kriteria, saya rasa ini cukup *bias*, dengan izin.

Saya ambil salah satu contoh yang saya masih ingat lagi Tuan Pengerusi, iaitu sebelum menjelang SEA Games ataupun Sukan SEA tahun sudah. Saya selaku Timbalan Menteri saya pernah turun ke padang bukan sahaja menjenguk keadaan-keadaan latihan pemain-pemain kita dalam bola sepak sahaja, malahan ianya juga mencakupi pelbagai acara sukan yang lain. Itu memang tugas saya, saya bukan hendak masuk bakul angkat diri. Tetapi bila saya menjenguk, bila saya singgah di kern latihan, pemain-pemain bola sepak kita, Yang Berhormat Larut pun saya tidak nampak, tetapi ini takkanlah saya hendak buat kesimpulan bahawa beliau tidak turun ke padang. Saya tidak buat kesimpulan seperti ini sebab mungkin disebabkan oleh jaduainya yang sibuk ataupun ada, sebab-sebab yang lain maka beliau tidak dapat bersama dengan saya, saya pun tidak mempertikaikannya.

Bersabit dengan kehadiran Menteri dan Timbalan Menteri dalam peflawanan akhir bola sepak Malaysia, Piala Malaysia. Suka saya mengulangi apa yang pernah saya jawab di Dewan yang mulai ini bahawa saya serta Menteri Belia dan Sukan sekarang mulai menyandang jawatan ini pada 14 Disember 1999 dan bukannya tahun 1997 ataupun 1998.

Apa yang berlaku sebelum itu saya tidak rekod disini Tuan Pengerusi. Saya pun tidak beranilah hendak buat sebarang kesimpulan. Tetapi apa yang saya hendak jelaskan di sini ialah mulai tahun 2000, 2001 hingga tahun ini setahu saya, saya sendiri memang tidak pernah menerima sebarang jemputan dari FAM dengan rekod, dengan izin. Selain daripada itu, saya juga difahamkan juga bahawa Yang Berhormat Menteri sendiri purrtidak menerima jemputan yang dimaksudkan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Larut juga menyentuh tentang isu penyalahgunaan dadah oleh tiga orang pemain sepak takraw kita baru-baru ini di Busan. Sukalah saya menjelaskan di sini bahawa pihak kementerian tidak pernah berniat mendedahkan isu ini kepada seluruh dunia seperti mana yang didakwa, sebenarnya semasa pendaftaran pemain dibuat di Busan dalam mesyuarat Pengurus Pasukan, semua negara yang teriibat yang mengambil bahagian dalam Sukan Asia di Busan ini memang mengetahui senarai dan bilangan pemain negara kita.

Jadi kita tidak boleh, mustahil kita berdiam diri kiranya bila berlaku perkara seperti ini, sebab jika kita berdiam diri maka ketelusan kita dalam perkara ini akan dipersoal, akan dipersenda oleh masyarakat sukan, masyarakat Olimpik Asia dan langkah untuk menghantar balik atlet yang bermasalah hanya menunjukkan bahawa negara kita tetap telus dan tidak berkompromi dengan isu seperti isu penyalahgunaan dadah di kalangan atlet kita. Jadi di antara kedua-dua dalam keadaan kemelut seperti ini kita kena pilih satu, takkanlah kita cuba hendak menutup perkara seperti ini di depan mata dunia.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Larut juga menyentuh tentang peruntukan....

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tebrau, Tebrau.

Datuk Ong Tee Keat: ...peruntukan ini, ini yang cukup penting, ramai yang tunjukan minat ini, nanti dulu, nanti dulu.

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia minta tunggu dulu Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Saya hendak huraikan serba sedikit tentang peruntukan ini. Peruntukan bagi badan-badan belia daerah, ini juga dapat sambutan yang baik dari beberapa orang ahli yang lain tentang pengagihan peruntukan.

Suka saya memaktumkan Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi, setakat ini belum ada lagi sebarang rancangan di mana peruntukan itu akan disalurkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Menteri dan saya sendiri pun tidak dikecualikan, tidak dapat juga. Walaupun demikian pihak kementerian tetap sentiasa prihatin tentang pembangunan badan-badan belia di peringkat akar umbi.

Ini jelas dapat dibuktikan dengan adanya bantuan pentadbiran yang diperuntukkan kepada setiap Majlis Belia Negeri dan Majlis Belia Daerah. Jadi tidak tepatlah kiranya kita kata atau membuat kesimpulan bahawa belia di peringkat daerah langsung tidak dapat peruntukan. Itu memang tidak benar.

Di samping itu, sebagai contoh sepanjang tahun 2002 ini, setakat ini saya difahamkan bahawa lebih daripada 300 persatuan belia telah pun diberi bantuan untuk mengadakan aktiviti yang dirancang sendiri bukannya mereka ini hanya dikerahkan tenaganya untuk menyertai dalam program yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan di peringkat negeri. Ini yang saya hendak nyatakan di sini...

Datuk Haji Mohd. AH bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Datuk Ong Tee Keat: Di samping itu juga pihak kementerian tetap berusaha, terus berusaha mengaktifkan semula sekurang-kurangnya 12 buah persatuan dalam setiap daerah. Dalam erti kata lain, selain daripada menyalurkan peruntukan yang diharap-harapkan, yang dipohon itu terdapat juga usaha untuk mengaktifkan kembali persatuan-persatuan belia yang dianggap lesu ataupun kurang berupaya di peringkat daerah. Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tebrau berdiri Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Aii bin Haji Hassan: Tuan Pengerusi, terima kasih. Tadi saya hendak cerita yang pasal sepak takraw tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab ini. Sebagaimana kita sedia maklumlah masalah pemain tiga, bukan satu. Kalau satu, okeylah, dua okeylah. Ini sudah lebih tiga orang. Kalau selalunya tiga ini beratlah sedikit dan lebih-lebih lagi mutu permainan kita dalam sepak takraw ini agak merosot sekali. Kita kalah dengan Thailand sudah tidak kisahlah. Dahulu kita menang sekali sekala, dengan Myanmar pun kita kalah. Jadi adakah ini berpunca daripada masalah pentadbiran.

Saya tidak tahu Yang Berhormat, kalau negeri-negeri lain bila agak teruk kalah atau teriibat apa-apa, kadang-kadang pengurus dia letak jawatan. Tetapi hari ini teriibat dengan dadah ini macam berat. Saya tidak tahu Yang Berhormat bersetuju atau tidak ataupun macam mana, ini pemimpin-pemimpin persatuan di Malaysia ini letak jawatan dan kita pilih yang baru, kita tengok macam mana pemulihan. Macam mana setuju tak?

Datuk Ong Tee Keat: Yang sebenarnya Tuan Pengerusi, apa yang disyorkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau itu memanglah pernah dibangkitkan dahulu. Sekiranya seseorang pemimpin itu, dia sanggup letak jawatan atas kegagalan mana-mana satu persatuan atau mana-mana satu agensi di bawah kelolaan dia itu, itu memang bukan sesuatu yang baru. Tetapi setahu saya, pada pengetahuan saya, setakat ini belum ada lagi mana-mana pihak yang sanggup berbuat demikian. Mungkin ini belum sampai masanya dibudayakan di Malaysia, untuk makluman Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Larut juga menyentuh tentang hak penganjuran Sukan Asia. Hak penganjuran Sukan Asia bagi tahun 2006, kita mengakui bahawa usaha kita telah tewas. Walaupun demikian, kita tetap bertekad untuk memperjuangkan pada masa akan datang. Tetapi dalam pada itu Tuan Pengerusi, perlu juga kita sama-sama ambil iktibar daripada ketewasan kita, bukannya kita menuding jari sahaja sebab ianya tidak akan dapat membawa sebarang manfaat kepada kita khususnya bila kita hendak memperjuangkan hak penganjuran Sukan Asia selepas tahun 2006.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan Yang Berhormat bagi Pokok Sena, kedua-duanya menyentuh tentang program belia yang patut berunsurkan patriotisme. Yang Berhormat bagi Kota Melaka seolah-olah mengibaratkan program belia yang sedia ada hanya terhad kepada kempen mengibarkan bendera sahaja. Saya rasa ini tidak kena sama sekali. Sebab apa yang sedia ada itu tetap lebih luas daripada apa Yang Berhormat bagi Kota Melaka fikir sebab setakat ini misalnya Program Khidmat Sosial Negara, program khidmat masyarakat di peringkat daerah dan juga program perkhemahan patriotik rupa-rupanya Yang Berhormat bagi Kota Melaka tidak sentuh sama sekali. ini mungkin disebabkan oleh ada perlunya beliau difahamkan atau pun diberikan banyak lagi maklumat yang berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kota Melaka yang baru masuk, sukalah saya menyentuh serba sedikit tentang Program Khidmat Sosial Negara.

Ini merupakan satu-satunya usaha pihak kementerian untuk mengaturkan satu program yang khas untuk remaja lepasan sekolah yang berumur dalam lingkungan 18

tahun dan menerusi program ini, adalah dijangka bahawa ianya akan memperkasakan ketahanan diri remaja di samping menyemai patriotisme dan penghayatan perpaduan di kalangan peserta-peserta yang berkenaan.

Sepanjang tahun 2001 Tuan Pengerusi, sebanyak 20,000 orang peserta telah pun menyertai Program Khidmat Sosial Negara dan ianya tidak terhad kepada peringkat atasan ataupun peringkat kebangsaan sahaja. Sebaliknya di setiap daerah terdapat empat pakej PKSN ataupun Program Khidmat Sosial Negara yang membabitkan tidak kurang daripada 50 orang pelajar-pelajar yang sudah mengambil peperiksaan SPM.

Ini satu titik tolak sahaja Tuan Pengerusi. Sebab daripada apa yang kita nampak sambutan daripada kalangan ibu bapa dan masyarakat setempat bahkan peserta-peserta remaja itu sendiri cukup memberangsangkan dan kita berharap dengan bertambahnya peruntukan nanti untuk Program Khidmat Sosial Negara ini ianya akan dapat diperluaskan lagi ke peringkat daerah khususnya. Dan peringkat ini tidak pilih kasih seperti mana yang didakwa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Parti PAS tadi sebab di kawasan yang di bawah pemerintahan PAS juga terdapat pakej yang dimaksudkan...

Puan Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]: Arau ya, sila.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak sempat tadi mengambil peluang bercakap. Jadi saya hendak minta laluan. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi mengenai Program Khidmat Sosial Negara dan juga belia serta perpaduan di kalangan belia.

Program yang disebut oleh Yang Berhormat tadi amat baik dan menarik perhatian apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka tadi kursus Biro Tata Negara yang dipanggil semua terlibat termasuk pembangkang. Saya rasa ini satu paradigma yang baru.

Di dalam program pembangunan belia negara, beberapa kali pernah disuarakan supaya persatuan-persatuan belia ini kita tidak ada persatuan belia yang berasingan mengikut kaum seperti MAYC, 4B, Tamil Bell dan sebagainya, dicadangkan supaya kita ada persatuan belia yang merangkumi, merentas semua kaum. Tetapi kita tidak nampak lagi sampai hari ini ada persatuan belia seperti yang berkenaan. Mungkin ada, saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dan yang keduanya, Program Khidmat Sosial Negara tadi, berapa penceen pelaksanaannya di mana di dalam pelaksanaan program ini diambil kira, program-program yang boleh melibatkan semua kaum. Saya merasakan ini amat penting kerana masa depan negara Malaysia bergantung kepada bagaimana kita dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai perpaduan kaum yang kukuh. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Arau atas keprihatinan beliau dan juga pengamatan beliau yang tepat. Walaupun setakat ini belum ada lagi sebarang kuota daripada segi kaum yang akan dikenakan kepada penyertaan pelajar-pelajar remaja dalam Program Khidmat Sosial Negara tetapi sukalah saya memaklumkan Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bahawa adalah menjadi impian kita bersama supaya setiap program yang diaturkan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan akan dapat dikecapi bersama dan disertai bersama oleh semua kaum.

Dan berbalik kepada apa yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat iaitu, sama ada kita mempunyai sebarang badan belia yang betul-betui berjiwa *multiracial* ataupun yang betul-betui dianggotai oleh pelbagai kaum, pada pengetahuan saya, Yang Berhormat, kebanyakan daripada badan-badan belia yang berdaftar sekarang, kiranya kita menghalusi perlembagaannya, tetap didapati bahawa keanggotaannya itu adalah terbuka kepada semua kaum tetapi mengikut realiti sosial kita terdapat juga kecenderungan masing-masing kaum untuk menyertai persatuan-persatuan belia yang tertentu, misalnya untuk belia Melayu, 4B dan juga MAYC biasanya jadi pilihan utama mereka, sedangkan kaum Cina pula mempunyai pilihan untuk menyertai Young Malaysia Movement atau YMM, dengan izin, dan juga GBBM.

Tuan Pengerusi,...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bagan Datok berdiri Yang Berhormat. Ya, sila.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Arau, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri juga bersetuju dengan saya bahawa walaupun *tendency* untuk belia Melayu itu kerap menganggotai 4B ataupun ABIM ataupun PKPIM atau mana-mana pertubuhan yang lain, tetapi mungkin Yang Berhormat pun tahu bahawa MAYC yang saya sendiri anggotai adalah sebuah pertubuhan belia pelbagai kaum di mana di peringkat EXCO pusat terdapat belia daripada keturunan India dan ada pemimpin belia keturunan Cina dan adakah Yang Berhormat bersetuju

agaknye MAYC dijadikan asas untuk menggarap cadangan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Arau tadi supaya menjadi pertubuhan belia pelbagai kaum.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sebenarnya impian yang saya maksudkan itu sebenarnya bolehlah kita sama-sama merealisasikan, bukannya terhad sahaja kepada mana-mana satu persatuan sahaja.

Walaupun demikian, saya tetap ingin tokok tambah serba sedikit tentang apa yang saya jawab tadi itu iaitu dengan menerusi Majlis Perundingan Belia Negara yang telah digerakkan semula oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, ianya merupakan satu-satunya forum untuk belia yang dapat mengakomodasikan pemikiran dan juga cadangan dan aktiviti daripada semua pihak, baik daripada kalangan Melayu mahu pun daripada kalangan bukan Melayu.

Jadi, saya berharap saluran sedemikian rupa akan dapat diguna pakai oleh semua kaum.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Pengerusi, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya merasa tidak cukup bagi kita untuk bergantung kepada Majlis Belia sama ada di peringkat negeri ataupun peringkat kebangsaan, kerana majlis ini ia di peringkat yang atas, penglibatannya tidak menyeluruh. Kita perlu melihat penglibatan di peringkat akar umbi kerana saya dapati sekarang ini polarisasi kaum ini kalau dibanding dengan masa yang lepas, kita belajar sekali. Bagi saya, saya duduk asrama belajar sekali dengan murid bukan Melayu, Cina dan India, bila jadi Pengerusi Barisan Nasional wanita, mudah saya menjalankan kerja kerana pengalaman semasa lalu.

Dan saya rasa kalau tidak diberi galakan ia tidak akan dapat menimbulkan satu suasana perhubungan yang baik kerana melentur buluh itu daripada rebung, sebab itu saya merasakan bahawa kita harus memberi penekanan hari ini selain daripada masalah pendidikan, di mana kerajaan cuba tetapi dihalang oleh pelbagai pihak termasuk oleh pihak pembangkang untuk mewujudkan sekolah yang memberi peluang kepada perpaduan ini, kita lihat pula satu lagi alternatif belia di mana kita dapat mewujudkan satu suasana di kalangan pelbagai kaum ini dapat berinteraksi dengan baik, memupuk budaya masyarakat kita dengan baik supaya kita dapat menjaga kestabilan negara, saya rasa dengan Majlis Belia peringkat kebangsaan dan negeri tidak memadai, Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sebenarnya mungkin Ahli Yang Berhormat mungkin belum tahu lagi bahawa di bawah payung Majlis Perundingan Belia Negara, terdapat juga Majlis Perundingan Belia Negeri di peringkat negeri dan juga peringkat daerah, apa yang penting itu bukanlah sekadar struktur, organisasi yang dimaksudkan, yang lebih penting itu adalah komitmen kita semua khususnya daripada kalangan pemimpin-pemimpin belia pelbagai kaum yang menyertai ataupun menganggotai badan-badan yang berkenaan.

Ini saya rasa apa Ahli Yang Berhormat prihatin itu, ini tetap perlu dijadikan satu matlamat perjuangan kita bersama.

Tuan Pengerusi, di samping itu ingin juga saya memaklumkan Dewan yang mulia ini, -bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, program-program pembangunan kepimpinan yang telah pun dirancang dan diatur, itu sebenarnya bermatlamat untuk melibatkan 200,000 orang pemimpin belia di semua peringkat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sepanjang tahun 2001 terdapat sejumlah 8,880 orang pemimpin yang telah terlatih, sedangkan tahun ini, setakat ini, sudah terdapat 10,000 orang yang terlatih.

Jadi, Yang Berhormat dari Kuala Kedah tadi, mempertikaikan kononnya tiada sebarang program pembangunan belia, itu tidak tepat sama sekali, yang ada itu, tetap ada Yang Berhormat, saya ada bukti dan juga angka di sini.

Yang Berhormat tadi juga menyentuh tentang sikap pilih kasih, kononnya ada sikap pilih kasih yang diamalkan oleh pihak kementerian dalam melaksanakan program-program belia dan sukan, itu pun tidak tepat Yang Berhormat, umpamanya Program Khidmat Sosial Negara yang saya sebut tadi itu, ianya juga mencakupi negeri Kelantan dan saya sendiri, selaku Timbalan Menteri Belia dan Sukan pernah melawat daerah Gua Musang dan seterusnya merasmikan Program Khidmat Sosial Negara untuk daerah yang berkenaan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh saya bertanya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, Datuk Timbalan Menteri, saya kata khidmat misalnya badan NGO, misalnya unit amal iaitu satu gerakan sukarelawan Pemuda PAS ini buat perkhemahan di Templer Park, mereka buat perkhemahan di situ dan ada pertandingan tarik tali dan sebagainya, FRU pergi kepung, dengan topi merah dengan

apa, orang yang berkelah terkejut habis. Jadi takkanlah sebuah pertubuhan yang saya akui mereka ini mirip ke PAS tetapi dengan hantar FRU ke Templer Park itu, ini menampakkan bahawa tidak kenalah ini, jadi orang kata, ini apa bergaduhkah di sini, hanya mereka ini ada satu..., benda inilah yang saya tegur tadi, macam ada diskriminasi, walaupun Datuk tidak mengaku tetapi mengakulah Datuk - ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat, masa sudah cukup, boleh sambung esok.

Datuk Ong Tee Keat: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato¹ Haji Muhamad bin Abdullah]: Dewan bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato* Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.